



# PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT  
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

## CONTENTS

ADMINISTRATION OF OATH [Col. 7]

ANNOUNCEMENTS BY Mr. SPEAKER:

Speech of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong [Col. 7]

Message from the Senate [Col. 42]

Assent to Bills Passed [Col. 43]

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 44]

BILLS PRESENTED [Col. 50]

MOTIONS:

Times of Sittings of Dewan Ra'ayat [Col. 52]

Access to Parliament [Col. 53]

Committee of Selection (Appointment of Members) [Col. 53]

Public Accounts Committee (Appointment of Chairman) [Col. 59]

The Yang di-Pertuan Agong's Speech—Address of Thanks [Col. 61]

WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 131]

APPENDIX [Cols. 165 and 213]

FEDERATION OF MALAYA  
**DEWAN RA'AYAT**  
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

*Official Report*

---

Fourth Session of the First Dewan Ra'ayat

---

*Thursday, 26th April, 1962*

*The House met at Ten o'clock a.m.*

PRESENT:

- The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, S.P.M.J.,  
D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- ” the Prime Minister and Minister of External Affairs,  
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.  
(Kuala Kedah).
- ” the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister  
of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO'  
HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- ” the Minister of Internal Security and Minister of the Interior,  
DATO' DR. ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N.  
(Johor Timor).
- ” the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P.  
(Melaka Tengah).
- ” the Minister of Works, Posts and Telecommunications,  
DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- ” the Minister of Transport, DATO' SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N.  
(Pontian Utara).
- ” the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG YOKB  
LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- ” the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN  
(Kuala Pilah).
- ” the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI  
TALIB (Kuantan).
- ” the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI  
ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- ” the Assistant Minister of Commerce and Industry,  
ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- ” the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM,  
J.M.N., P.J.K. (Klang).
- ” the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' MOHAMED  
ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).
- ” ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISIAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- ” ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN (Krian Laut).
- ” ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungai Patani).
- ” TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).

The Honourable **TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S.**  
(Segamat Utara).

- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).**  
 „ **ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).**  
 „ **ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).**  
 „ **ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johor Bahru Barat).**  
 „ **TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).**  
 „ **ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).**  
 „ **TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).**  
 „ **ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).**  
 „ **DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).**  
 „ **ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).**  
 „ **ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).**  
 „ **ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).**  
 „ **ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).**  
 „ **DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.**  
**(Jitra-Padang Terap).**  
 „ **ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).**  
 „ **ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).**  
 „ **ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).**  
 „ **ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).**  
 „ **ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).**  
 „ **TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD**  
**(Kuala Trengganu Utara).**  
 „ **TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).**  
 „ **ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).**  
 „ **ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).**  
 „ **ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).**  
 „ **TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN**  
**(Kota Bharu Hulu).**  
 „ **ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).**  
 „ **ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).**  
 „ **ENCHE' ISMAIL BIN HAJI KASSIM (Kuala Trengganu Selatan).**  
 „ **ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).**  
 „ **CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).**  
 „ **ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).**  
 „ **ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).**  
 „ **ENCHE' LIM JOO KONG, J.P. (Alor Star).**  
 „ **DR. LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).**  
 „ **ENCHE' LIU YOONG FENG (Rawang).**  
 „ **ENCHE' T. MAHIM/ SINGH, J.P. (Port Dickson).**  
 „ **ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).**  
 „ **ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).**  
 „ **ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).**  
 „ **ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).**

- The Honourable DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K.  
(Pasir Mas Hulu).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.  
(Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K.  
(Sabak Bernam).
- „ TUAN SYED JA'AFAR BIN HASSAN ALBAR, J.M.N. (Johor Tenggara).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- „ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TENGKU BESAR INDERA RAJA IBNI AL-MARHUM SULTAN  
IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' TOO JOON HING (Telok Anson).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- „ PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S.  
(Pontian Selatan).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

- The Honourable DATO' SULAIMAN BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N.  
(Minister without Portfolio) (Muar Selatan) (*On leave*).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives,  
ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).

- The Honourable the Minister of Commerce and Industry,  
 ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).  
 „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID  
 KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).  
 „ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).  
 „ ENCHE' V. DAVID (Bungsar).  
 „ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).  
 „ ENCHE' KONG KOK YAT (Batu Gajah).  
 „ ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).  
 „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).  
 „ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI  
 (Kuala Selangor).  
 „ ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis).  
 „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).  
 „ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

PRAYERS

(Mr. Speaker in the Chair)

ADMINISTRATION OF OATH

The following Member made and subscribed the Affirmation required by Law:

Enche' Ismail bin Haji Kassim, for Kuala Trengganu Selatan.

ANNOUNCEMENTS BY  
 MR. SPEAKER

TITAH UCHAPAN DULI YANG  
 MAHA MULIA SERI PADUKA  
 BAGINDA YANG DI-PERTUAN  
 AGONG (HIS MAJESTY THE  
 YANG DI-PERTUAN AGONG'S  
 SPEECH)

Mr. Speaker: Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, saya hendak mema'alumkan kepada Majlis ini ia-itu Majlis ini pada 25 hari-bulan April, 1962, telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-Dewan Tunku Abdul Rahman. Duli Yang Maha Mulia dengan limpah kurnia-nya telah mengeluarkan Titah Uchapan kepada kedua<sup>2</sup> Majlis Parlimen. Saya telah perintahkan ia-itu satu salinan Uchapan itu di-beri kepada Ahli<sup>2</sup> Majlis ini dan di-chap dalam Parliamentary Debates.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,  
 Tuan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat  
 dan Yang Berhormat Ahli<sup>2</sup> Dewan Negara  
 dan Dewan Ra'ayat:

*Beta dengan amat sukachita-nya pada hari ini beruchap bagi membuka dengan resmi-nya penggal yang keempat bagi Parlimen Persekutuan Tanah Melayu.*

*Terlebeh dahulu patut benar-lah kita sakalian menguchap shukor ka-hadrat Allah Subhanahu Wata'alla yang telah memberi keamanan, ke-bahgian dan kemajuan pada kita sakalian pada tahun yang lalu. Mudah<sup>2</sup>an di-chuchori lagi rahmat ka-atas kita supaya dapat menjalankan kerja<sup>2</sup> kita dengan sempurna serta sentiasa ingat akan kewajipan kita kapada Allah dan manusia.*

*Sa-bagaimana pada tahun yang sudah<sup>2</sup> kehadiran tuan<sup>2</sup> di-sini ia-lah kerana hendak mengetahui hal<sup>2</sup> yang mustahak dalam dasar Kerajaan Beta supaya dapat tuan<sup>2</sup> membincangkan-nya untuk di-terima oleh kedua<sup>2</sup> Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat.*

*Pada hari ini Beta tiada bermaksud hendak menghuraikan satu persatu segala perkara dan hal<sup>2</sup> yang berthabit dengan-nya yang timbul daripada undang<sup>2</sup> yang tuan<sup>2</sup> luluskan, oleh kerana Beta dapat tahu bahawa perkara<sup>2</sup> ini akan di-nyatakan dalam satu Kertas yang khas yang akan di-bentangkan di-dalam Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat.*

Beta berchadang hanya-lah hendak menyatakan dengan sa-chara 'am dasar yang hendak di-jalankan oleh Kerajaan Beta dalam tahun ini. Dengan chara yang demikian itu Beta perchaya tuan<sup>2</sup> akan dapat menggambarkan bagaimana Kerajaan Beta menyalurkan fikiran, menyusunkan ranchangan dan memberi keutamaan kapada sa-suatu perkara sa-bagaimana yang di-fikirkan lebeh berfaedah dan beruntung kapada muslihat negara dan ra'ayat Beta.

Tidak shak lagi bahawa perkara yang utama sa-kali dalam kemajuan kebangsaan kita pada masa ini ia-lah Ranchangan Lima Tahun, ia-itu suatu gerakan yang amat besar dalam menyatukan segala usaha tenaga, yang telah pun menchapai natijah<sup>2</sup> yang berkesan. Ranchangan ini jua ia-lah suatu chita<sup>2</sup> yang besar untuk pembangunan dalam semua segi ekonomi yang sedang menukarkan chorak negara dan membangkitkan sambutan yang gemilang daripada ra'ayat Beta dari sa-genap lapisan. Ranchangan ini meujudkan Persekutuan Tanah Melayu sa-bagai sa-buah negara yang baharu dan menjadi panduan bagi kemajuan dan pedoman hidup kita.

Oleh yang demikian sudah sa-patutnya-lah terlebih dahulu Beta mengingatkan sa-mula dengan chara rengkas tujuan<sup>2</sup> utama Kerajaan Beta berkenaan dengan pembangunan ekonomi dan musharakat yang terkandung di-dalam Ranchangan Lima Tahun yang Kedua. Tujuan<sup>2</sup>-nya ia-lah:

**PERTAMA**, menambahkan lagi pengeluaran negara kita supaya dapat meninggikan taraf hidup ra'ayat jelata;

**KEDUA**, menyediakan lebeh banyak lagi kemudahan<sup>2</sup> untuk pembangunan luar bandar dengan maksud meninggikan taraf hidup penduduk<sup>2</sup> di-luar bandar supaya bersaimbang dengan penduduk<sup>2</sup> di-bandar;

**KETIGA**, memperbanyakkan lagi jenis<sup>2</sup> pengeluaran negara;

**KEEMPAT**, memperluaskan lagi perkhidmatan musharakat di-seluruh negeri.

Untuk menchapai tujuan<sup>2</sup> ini, kita terpaksa-lah menempohi berbagai<sup>2</sup> tugas yang berat oleh kerana bilangan pen-

duduk<sup>2</sup> kita telah bertambah<sup>2</sup> ramai dengan chepat-nya.

Sungguh pun bagitu, Kerajaan Beta telah membuktikan pada masa yang lalu akan kebolehan-nya menchapai suasana siasah yang tenteram dan kedudukan kewangan yang tegoh. Oleh itu Kerajaan Beta chukup yakin bahawa dengan adanya keadaan yang tersebut itu dan adanya kerjasama yang rapat di-antara ra'ayat Beta, ranchangan ini akan berjaya melaksanakan kemajuan<sup>2</sup> ekonomi dan musharakat yang terus menerus.

Sungguh pun segala hal berkenaan dengan dasar pembangunan ekonomi dan musharakat akan di-beri perhatian yang berat, akan tetapi puncha bagi dasar Kerajaan yang akan datang ia-lah untuk memperluaskan asas pengeluaran negara, dengan jalan mengadakan berbagai<sup>2</sup> jenis pertanian dan pembangunan perusahaan. Kejadian<sup>2</sup> yang berlaku baharu<sup>2</sup> ini dalam pasaran dunia bagi getah asli memerlukan Kerajaan Beta melipat gandakan lagi usaha<sup>2</sup> tegas bagi memperluaskan jenis pengeluaran barang<sup>2</sup> dan perusahaan untuk memberi peluang kapada pengeluaran barang<sup>2</sup> itu mendapat hasil keuntungan yang berpatutan.

Langkah<sup>2</sup> sedang di-ambil bagi mengadakan dan menggalakkan lagi berbagai<sup>2</sup> jenis tanaman sa-lain daripada getah, seperti kelapa sawit, kelapa dan sabut manila, yang telah di-kaji dengan sa-chukup-nya sa-hingga mematutkan pertaruhan modal bagi maksud ini ditambahkan.

Sa-bagai chontoh yang tertentu dalam perkara melaksanakan dasar ini, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah pun menitikberatkan usaha<sup>2</sup> menanam kelapa sawit di-dalam kawasan ranchangan Kemajuan Tanah Persekutuan yang baharu dan di-mana<sup>2</sup> tempat yang tanah-nya sesuai kelapa sawit di-tanam mengganti getah. Laporan<sup>2</sup> untuk memulakan ranchangan memulehkan perusahaan kelapa dan menanam sa-mula di-kebun<sup>2</sup> kecil, telah pun di-siapkan oleh pakar<sup>2</sup> Bangsa<sup>2</sup> Bersatu yang ditugas untuk memereksa perkara itu. Pada keseluruhan-nya kebanyakan kebun<sup>2</sup> kecil kelapa di-negeri ini sungguh kurang hasil-nya.

Di-samping menjalankan langkah<sup>2</sup> yang tersebut, penyelidikan yang meliputi

akan di-jalankan dengan tujuan untuk memulakan menanam jenis<sup>2</sup> tanaman yang belum lagi di-usahkan dengan luas-nya, serta jua langkah<sup>2</sup> untuk "memproses" dan mencharikan pasaran-nya. Untuk menchapai tujuan ini maka persediaan sedang pun di-jalankan untuk mendapatkan pertolongan yang istimewa daripada luar negeri mengenai pekerjaan yang berchorak teknikal berthabit dengan-nya.

Peranchangan yang teliti, penyelidikan mengenai tanah<sup>2</sup>, dan banyak-nya baja yang di-kehendaki untuk berchuchok tanam, perkara yang mustahak bagi memperbaiki pengeluaran dan pasaran ada-lah semua-nya sangat mustahak untuk menjamin kejayaan ranchangan memperbanyakkan jenis<sup>2</sup> tanaman.

Langkah menitikberatkan usaha<sup>2</sup> memperbanyakkan jenis<sup>2</sup> tanaman itu tidak-lah berma'ana yang Kerajaan Beta telah hilang keyakinan di-atas kedudukan getah asli masa hadapan. Kerajaan Beta yakin bahawa getah asli boleh bertanding di-pasaran dunia. Keperchayaan ini adalah berasaskan kepada usaha<sup>2</sup> yang sedang di-jalankan bagi melaksanakan ranchangan menanam sa-mula dan usaha<sup>2</sup> penyelidikan yang tegas bagi membaikkan lagi dan menambahkan hasil pengeluaran dari tanah getah yang ada, dan juga berasaskan kepada penyelidikan bagi mempertinggikan mutu getah asli.

Tambahan pula Kerajaan Beta ada-lah sedar bahawa perusahaan getah asli mesti-lah tetap menjadi satu daripada sumbar<sup>2</sup> utama bagi meninggikan pengeluaran negara, dan bagi membanyakkan peluang<sup>2</sup> bekerja yang sangat<sup>2</sup> di-kehendaki oleh negeri ini, untuk beberapa masa yang kahadapan ini.

Pembangunan perusahaan ada-lah juga menjadi satu daripada asas bagi mengatasi masa'elah memperbanyakkan jenis<sup>2</sup> ekonomi negeri ini dan juga bagi meninggikan pengeluaran negara kita, dan dengan kerana itu Kerajaan Beta akan melanjutkan pertolongan<sup>2</sup> yang mustahak kepada perusahaan persendirian dengan memberi galakan supaya memperluaskan lagi asas<sup>2</sup> perusahaan negara.

Kerajaan Beta akan mengambil peranan yang lebeh tegas lagi bagi menentukan supaya perjalanan, bidang tujuan dan arahan perkembangan perusahaan yang

di-jalankan oleh ahli perusahaan per-saorangan itu di-laksanakan dengan bersungguh<sup>2</sup> dan dengan sewajar-nya. Oleh yang demikian, satu ulangkaji sedang di-jalankan mengenai dasar pembangunan perusahaan yang ada sekarang ini. Satu penyiasatan "barang keluaran" ada-lah sedang di-selenggarakan untuk menyiapkan satu senarai yang lengkap mengenai perusahaan<sup>2</sup> yang boleh di-tubuhkan dengan serta merta dan yang boleh memberi keuntungan.

Peranan yang chergas yang di-jalankan oleh Kerajaan Beta dalam masa'elah mengawal dan mengarah pembangunan perusahaan tidak-lah berma'ana yang Kerajaan Beta berhajat hendak mengambil bahagian sa-chara langsung dalam menjalankan perusahaan<sup>2</sup>. Kerajaan Beta akan terus berpegang tegoh kepada dasar bahawa urusan mengadakan perusahaan negeri ini mesti-lah di-selenggarakan oleh perusahaan persendirian tetapi di-dalam sa-tengah perkara di-mana perusahaan persendirian tidak dapat membuat-nya atau tidak suka hendak membuat-nya maka Kerajaan Beta mengambil langkah<sup>2</sup> memberi galakan permulaan. Kemajuan yang telah di-dapati untuk menarek modal ka-dalam perusahaan melalui galakan yang sa-begini ada-lah memuaskan. Jumlah modal yang telah di-tanamkan oleh Sharikat<sup>2</sup> yang telah di-berikan taraf perintis di-akhir tahun 1961 ada-lah sa-kali ganda lagi banyak-nya daripada tahun 1960.

Semenjak daripada mula<sup>2</sup> di-lancarkan Ranchangan Lima Tahun yang Kedua, Kerajaan Beta telah melaksanakan langkah<sup>2</sup> untuk membena dan memperbaiki chara<sup>2</sup> peranchangan untuk memimpin dan memperchepatkan pembangunan ekonomi negeri ini. Alat<sup>2</sup> peranchangan telah di-pertegohkan dan di-perluaskan. Satu Bahagian Peranchangan Ekonomi di-dalam jabatan Perdana Menteri telah pun di-bentok. Sa-lain dari itu, sa-buah Jawatan Kuasa Peranchang Pembangunan Negara yang kekal telah di-tubuhkan, serta jua satu Jawatan Kuasa Penasihat Ekonomi. Jawatan Kuasa Penasihat Ekonomi ini di-tubuhkan untuk memberi nasihat<sup>2</sup> yang bermutu kepada Kerajaan atas masa'elah<sup>2</sup> pokok perekonomian negeri ini, sama ada masa'elah<sup>2</sup> yang di-hadapi oleh Kerajaan atau sa-balek-nya.

Sa-lain dari itu satu Bilek Gerakan Negara telah di-adakan di-Ibu Kota kita, dan Bilek<sup>2</sup> Gerakan telah di-bentok di-dalam tiap<sup>2</sup> negeri dan daerah. Bilek Gerakan ini merupakan satu alat yang menjaga dan memerhatikan perjalanan pembangunan. Bilek Gerakan Negara kita telah mendapat pujian dunia dan banyak pelawat<sup>2</sup> telah mengatakan bahawa Bilek itu boleh di-jadikan sa-bagai contoh yang berfaedah kepada negeri<sup>2</sup> lain.

Tugas yang besar bagi Jawatan Kuasa Peranchang Pembangunan Negara dalam persidangan<sup>2</sup>-nya yang akan datang ia-lah untuk mengadakan ulangkaji dan timbangan kepada Ranchangan Lima Tahun yang Kedua yang akan di-jalankan pada akhir tahun ini. Jawatan Kuasa itu juga membuat penilaian<sup>2</sup> pada masa yang tertentu tentang Ranchangan<sup>2</sup> Pembangunan Negeri dan ranchangan<sup>2</sup> yang di-buat oleh jabatan<sup>2</sup>. Tujuan<sup>2</sup> nilian ini ia-lah hendak menentukan, pertama-nya, sama ada ranchangan<sup>2</sup> yang ada hari ini telah memadai mengikut kehendak<sup>2</sup> pembangunan negara kita, dan mengikut pindaan<sup>2</sup> yang harus di-kehendaki; kedua-nya, untuk mengkaji masa'elah<sup>2</sup> tertentu yang menghalang pelaksanaan ranchangan<sup>2</sup> yang sedang di-jalankan, dan juga untuk menchari jalan<sup>2</sup> dan muslihat<sup>2</sup> bagi mengatasi masa'elah<sup>2</sup> tersebut.

Dalam usaha mempermudah lagi chara<sup>2</sup> peranchangan, dan menyusunkannya dengan tepat, maka Kerajaan Beta ada-lah menggunakan segala tenaga bagi meninggikan mutu ma'alumat<sup>2</sup> yang mengenai ekonomi dan perangkaan; dan juga memperluaskan lagi puncha<sup>2</sup> pengambilan-nya. Berhubung dengan ini, langkah<sup>2</sup> telah pun di-ambil bagi memperbaiki perangkaan<sup>2</sup> berkenaan dengan pendapatan negara dan imbalan pembayaran luar.

Satu pengkajian yang lengkap berkenaan dengan bilangan<sup>2</sup> orang yang menganggor dan orang yang bekerja sedang di-jalankan. Butir<sup>2</sup> yang akan di-dapati daripada pengkajian ini tersangat berharga. Ia boleh menjamin bahawa sasaran<sup>2</sup> ranchangan pembangunan itu dapat di-tentukan dengan pasti-nya supaya pelaksanaan ranchangan<sup>2</sup> itu berjaya dan tidak akan tergendala oleh sebab kekurangan ma'alumat

berkenaan dengan tenaga buroh yang ada.

Tugas mengadakan perbelanjaan Ranchangan Lima Tahun yang Kedua ada-lah besar dan berat bagi Persekutuan Tanah Melayu kerana perbelanjaan yang sa-tinggi itu baharu kali ini-lah sahaja di-alami oleh negeri ini. Di-sini Beta suka hendak menyatakan dengan tegas-nya bahawa Kerajaan Beta ada-lah ber'azam hendak mengamalkan dengan bersungguh<sup>2</sup> langkah berjimat chermat dalam perbelanjaan-nya. Ada sebab-nya langkah ini mustahak di-ambil. Harga barang<sup>2</sup> yang utama telah di-hantar ka-luar negeri telah melambong tinggi semenjak sa-paroh akhir tahun 1959, tetapi harga yang sa-tinggi ini tidak-lah akan berulang lagi. Sa-balek-nya per-khidmatan musharakat yang sa-makin bertambah, terutama-nya sa-kali dalam lapangan pelajaran, dan penambahan perbelanjaan dalam Ranchangan Lima Tahun yang Kedua ini, akan berma'ana bahawa kekurangan yang sa-bagitu juga besar-nya di-alami pada keseluruhannya di-tahun<sup>2</sup> akan datang. Ini berma'ana bahawa wang simpanan luar negeri yang di-himpunkan sa-lama beberapa tahun ini akan berkurangan dengan chepat-nya.

Sa-lain daripada chara berjimat chermat dengan bersungguh<sup>2</sup> itu, Kerajaan Beta akan terus menggalakkan kemasokan wang asing ka-dalam negeri ini, terutama-nya sa-kali dengan jalan pinjaman jangka panjang dengan bunga yang berpatutan.

Ada-lah tersangat penting bagi orang ramai terutama-nya pehak<sup>2</sup> bank dan ra'ayat jelata Beta dengan sa-chara persaorangan, bersungguh<sup>2</sup> menjalankan peranan masing<sup>2</sup> untuk mengadakan wang bagi pembangunan negara. Ini ia-lah dengan chara memasokkan wang perolehan dan wang simpanan untuk di-jadikan wang pertarohan modal yang boleh mendatangkan hasil dalam negeri ini. Kerajaan Beta berharap bahawa penjualan sher<sup>2</sup> tempatan akan terus berjaya, dan sambutan yang lebeh<sup>2</sup> baik lagi akan di-berikan kepada "securities" Kerajaan yang akan di-jualkan di-masa hadapan.

Satu masa'elah besar yang di-hadapi dalam melaksanakan Ranchangan Lima



Tahun yang Kedua ia-lah kekurangan orang<sup>2</sup> yang berkebolehan dalam lapangan teknik dan urusan kerja. Kerajaan Beta tersangat sedar atas masa'elah ini dan dengan sebab itu-lah maka Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1962 telah di-bentuk supaya wang yang di-sediakan itu tidak melebihi dari tenaga yang ada pada kita. Kerajaan Beta akan terus melaksanakan langkah<sup>2</sup> yang perlu bagi kepentingan negara untuk menambahkan kebolehan ra'ayat dalam lapangan teknik dan urusan kerja.

Dalam perkara ini, maka Kerajaan Beta sedang bergerak ka-hadapan untuk menjalankan ranchangan<sup>2</sup> bagi mengadakan pelajaran teknik dan perdagangan termasuk juga penubohan Maktab<sup>2</sup> Latehan di-lapangan Pentadbiran Awam, Talikom, Daya Pengeluaran Perusahaan dan Pentadbiran Perdagangan. Kesemuanya ada-lah di-chipta untuk mengeluarkan lebih banyak lagi bilangan pengurus<sup>2</sup> dan juru teknik tempatan yang bertauliah. Sungguh pun dengan ada-nya langkah<sup>2</sup> yang di-sebut tadi, maka kekurangan orang<sup>2</sup> yang berkebolehan itu ia-lah untuk satu masa peralehan sahaja, akan tetapi bilangan orang<sup>2</sup> tempatan yang bertauliah dan berpengalaman yang cukup untuk melaksanakan kemajuan pembangunan yang di-kehendaki oleh negeri ini tidak-lah akan di-dapati melainkan dengan memakan masa yang lama.

Soal melateh pegawai<sup>2</sup> yang sedang berkhidmat telah juga banyak di-fikirkan, dan dengan kerjasama New Zealand yang sangat di-alu<sup>2</sup>kan, maka sa-buah Pusat Latehan Perkhidmatan Awam, di-Pantai Valley, akan siap tahun ini. Kerajaan Beta telah menawarkan hadiah<sup>2</sup> pelajaran di-bawah Ranchangan Colombo kepada pegawai<sup>2</sup> daripada negara<sup>2</sup> tetangga kita untuk di-beri latehan. Kerajaan Beta juga telah memberikan latehan<sup>2</sup> dalam lapangan<sup>2</sup> khas dalam berbagai<sup>2</sup> jabatan Kerajaan kepada beberapa ratus pegawai dari luar negeri, dengan permintaan mereka sendiri. Banyak permintaan untuk mengikuti kursus<sup>2</sup> latehan di-bawah ri'ayah Ranchangan Colombo sedang di-pertimbangkan.

Maka dalam usaha-nya bagi menambahkan kebolehan teknik dan urusan

kerja di-dalam bahagian Kerajaan, Kerajaan Beta berharap akan terus mendapat pertolongan daripada Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, negeri<sup>2</sup> yang menjadi anggota Ranchangan Colombo, dan jua lain<sup>2</sup> negeri yang bersahabat dengan kita, untuk mendapat orang<sup>2</sup> yang bertauliah dan berpengalaman yang di-kehendaki melatehkan anak negeri ini. Beta suka mengambil peluang ini menguchapkan sebanyak<sup>2</sup> terima kaseh kepada semua Kerajaan<sup>2</sup> dan pertubohan antara bangsa yang bersangkutan kerana beberapa banyak pertolongan yang telah di-terima oleh negeri ini pada masa yang lalu.

Untuk menambahkan lagi tenaga Kerajaan dalam lapangan teknik, maka Kerajaan akan lebih lagi menggunakan perkhidmatan jurutera penasihat, arkitek, juru ukor dan lain<sup>2</sup> lagi, sama ada dari tempatan atau dari luar negeri. Sa-lain dari itu ada-lah sedang di-pertimbangkan juga kemungkinan menggunakan perkhidmatan bersama antara bangsa untuk menchipta dan/atau melaksanakan projek<sup>2</sup> kerja raya yang besar, dan bagi menggunakan chara mendirikan bangunan<sup>2</sup> daripada perkakas<sup>2</sup> yang sudah siap untuk ranchangan<sup>2</sup> pembinaan sekolah, pusat kesihatan awam, pembangunan luar bandar dan lain<sup>2</sup> lagi.

Untuk menggalakkan bertambah-nya orang<sup>2</sup> yang berkebolehan teknik dan urusan kerja di-bahagian persendirian, Kerajaan Beta akan berusaha merapatkan lagi perhubungan dengan perusahaan<sup>2</sup> arkitek, perumahan dan pembinaan dengan memberitahu terlebih dahulu kepada mereka chadangan<sup>2</sup> perbelanjaan Kerajaan, mana<sup>2</sup> yang munasabah, bagi sa-tengah<sup>2</sup> kerja-nya. Ada-lah di-jangka bahawa sakira-nya pehak<sup>2</sup> perusahaan arkitek perumahan dan pembinaan itu sedar akan chadangan<sup>2</sup> perbelanjaan Kerajaan bagi beberapa tahun yang akan datang, neschaya mereka akan terasa berfaedah membuat persediaan<sup>2</sup> untuk menggaji kakitangan yang lebih ramai dan berkelulusan tinggi, membeli serta menyimpan alatan<sup>2</sup> dan perkakas<sup>2</sup> jentera dengan lebih banyak lagi. Kerajaan Beta menjangka bahawa ahli<sup>2</sup> perusahaan arkitek, perumahan dan pembinaan akan memberi kerjasama yang penoh di-dalam usaha<sup>2</sup> bersama bagi menchapai tujuan<sup>2</sup> pembangunan ekonomi Kerajaan untuk negara.

Kerajaan Beta telah mengeluarkan bukti<sup>2</sup> yang menunjukkan bahawa meski pun ada-nya masa'elah<sup>2</sup> yang besar, tetapi beberapa banyak kemajuan telah tercapai dalam penyelaksanaan Rancangan Lima Tahun yang Kedua. Halangan<sup>2</sup> yang di-hadapi dalam tahun 1961 itu telah pun di-atasi sekarang dan dengan ini Beta menjangka bahawa kemajuan yang lebeh chepat lagi boleh di-chapai di-tahun hadapan. Beta mengambil peluang ini menguchap sa-tinggi<sup>2</sup> tahniah atas bakti dan usaha yang bersungguh<sup>2</sup> yang di-berikan oleh ra'ayat Beta dan pegawai<sup>2</sup> di-dalam perkhidmatan awam, kerana dengan usaha<sup>2</sup> mereka yang chemerlang itu maka banyak-lah kejayaan<sup>2</sup> yang kita telah perolehi sa-hingga masa ini.

Usaha<sup>2</sup> besar pada masa beberapa tahun yang lalu mula menunjukkan bukti-nya dan memberi kesan<sup>2</sup> yang baik dengan memubuhkan satu asas yang kekal untuk mempercepatkan lagi pembangunan dan kemajuan ekonomi. Ada-lah dasar Kerajaan Beta bagi menjamin bahawa faedah<sup>2</sup> yang di-dapati daripada kemajuan ini akan di-bahagikan dengan adil di-antara ra'ayat Beta. Ini-lah sebab-nya maka kita menitik-beratkan atas rancangan pembangunan luar bandar, dan ini-lah sebab-nya juga kita menggalakkan orang<sup>2</sup> Melayu mengambil bahagian di-dalam perdagangan dan perusahaan.

Tugas menchapai kemajuan yang terus menerus bagi Persekutuan Tanah Melayu mesti-lah pada akhir-nya menjadi tanggung jawab Kerajaan dan ra'ayat Beta. Tatkala menjalankan tanggung jawab ini ra'ayat Beta mesti-lah mengamalkan semangat bergotong royong.

Walau bagaimana pun Kerajaan Beta chukup sedar bahawa mengikut keadaan ekonomi dunia, usaha<sup>2</sup> bagi menchapai kemajuan ekonomi dan musharakat dalam sa-sabuah negeri, khas-nya sa-buah negeri yang sedang maju, mesti-lah sedikit sabanyak-nya bergantung kepada kerjasama negeri<sup>2</sup> lain. Sakira-nya semua negeri<sup>2</sup>, terutama-nya negeri<sup>2</sup> yang sedang meningkat maju, berkehendakkan kepada perdagangan yang lebeh banyak, mendapatkan pasaran luar untuk menjual barang<sup>2</sup> keluaran-nya dan mendapat faedah daripada kemajuan sains dan

teknik, maka mustahak-lah ada kerjasama di-antara negeri<sup>2</sup> itu. Kerjasama mustahak juga di-adakan sakira-nya hendak di-galakkan lebeh banyak perusahaan<sup>2</sup> membuat barang<sup>2</sup>, ia-itu satu sumbar yang boleh menchapai kema'amoran di-Asia. Begitu-lah juga mustahak-nya di-adakan kerjasama di-antara negeri<sup>2</sup> sakira-nya tenaga dan kebolehan penduduk<sup>2</sup> negeri<sup>2</sup> itu hendak di-gunakan dengan sa-penoh<sup>2</sup>-nya.

Oleh hal yang demikian itu, dasar Kerajaan Beta ia-lah hendak memberi sokongan yang penoh kepada pakatan kerjasama ekonomi antara bangsa yang akan mempercepatkan lagi kemajuan ekonomi negeri<sup>2</sup> yang sedang meningkat maju supaya menjadikan kekayaan dunia ini dapat di-nikmati dengan lebeh luas lagi oleh penduduk<sup>2</sup> di-atas muka bumi ini. Ini-lah sa-benar-nya tujuan di-tubuhkan Persatuan Asia Tenggara dan persidangan yang di-adakan di-Cameron Highlands itu maseh belum luput lagi daripada ingatan kita. Ini-lah juga sebab-nya kita memberi sokongan yang kuat kepada kerja Bangsa<sup>2</sup> Bersatu dan badan<sup>2</sup> yang di-tubuhkan oleh-nya dan juga kepada Rancangan Colombo dalam lapangan kemajuan ekonomi dan mu-sharakat.

Beta sekarang akan berpaling pula kepada perkara<sup>2</sup> yang lain dalam dasar Kerajaan Beta. Sa-sungguh-nya amat-lah mustahak kita menjaga supaya semua jenis alat pengangkutan dan kemudahan<sup>2</sup> pelabohan sentiasa tinggi mutu-nya bagi kepentingan kemajuan ekonomi dan musharakat negara kita. Oleh itu, Kerajaan Beta akan terus menjalankan dasar-nya untuk mengekal dan memperbaikkan lagi perkhidmatan keretapi, pengangkutan jalan raya, penerbangan awam dan kemudahan<sup>2</sup> pelabohan dari segi keselamatan menggunakan-nya, ekonomi dan kecekapan-nya, dengan memikirkkan hal penduduk<sup>2</sup> bertambah ramai dengan chepat-nya dan perkembangan ekonomi kita.

Dalam lapangan buroh, Persekutuan Tanah Melayu telah menchapai kemajuan yang besar. Dasar Kerajaan Beta mengenai hubungan pekerja dengan majikan telah mendapat sokongan daripada kedua<sup>2</sup> belah pihak dan dengan demikian tiada-lah berlaku perselisihan antara buroh

dengan majikan dan negara kita dipandang tinggi oleh negeri<sup>2</sup> lain. Oleh kerana tidak ada perselisihan antara buroh dengan majikan maka banyak-lah kerja<sup>2</sup> pembangunan dapat di-jalankan dengan sempurna, ia-itu sama ada kerja<sup>2</sup> pembangunan yang di-jalankan oleh Kerajaan atau ahli<sup>2</sup> perniagaan. Dengan hal yang demikian Kerajaan Beta menegaskan lagi dasar-nya hendak menggalakkan perkembangan sa-buah kesatuan sa-kerja yang kuat lagi bebas dan menggalakkan peratoran sukarela yang menjadikan perhubungan perusahaan satu chara yang sa-baik<sup>2</sup>-nya bagi mencapai demokrasi dalam perusahaan.

Kemajuan yang besar telah juga di-chapai dalam lapangan pelajaran. Pelajaran rendah perchuma untuk seluruh kanak<sup>2</sup> telah di-adakan mula<sup>2</sup> daripada tahun ini dan sekolah<sup>2</sup> menengah lanjutan sedang di-buka di-seluruh negeri mula<sup>2</sup> daripada bulan ini. Bilangan besar dari sekolah<sup>2</sup> China telah menjadi sekolah menengah jenis kebangsaan yang mendapat bantuan penoh dan mengikut sa-penoh-nya dasar<sup>2</sup> Kerajaan pada hal kebanyakan daripada sekolah<sup>2</sup> ini dahulunya ia-lah sekolah<sup>2</sup> menengah China yang mendapat sedikit bantuan sahaja. Tujuh buah lagi sekolah yang seperti itu telah membuat permohonan untuk di-tukarkan menjadi sekolah<sup>2</sup> yang mendapat bantuan penoh. Hanya dua belas buah sekolah menengah China yang dahulu-nya mendapat sedikit bantuan telah menjadi sekolah<sup>2</sup> bersendirian. Menurut Undang<sup>2</sup> Pelajaran, maka Lembaga<sup>2</sup> Pelajaran Tempatan telah di-mansokhkan. Kerajaan Beta suka hendak menguchapkan terima kaseh kepada semua warga negara yang telah berkhidmat bagi saedah orang ramai dalam Lembaga<sup>2</sup> yang tersebut. Dalam tahun ini sa-buah Lembaga Penasihat Pelajaran Kebangsaan dan Lembaga<sup>2</sup> Penasihat Pelajaran Negeri akan ditubuhkan.

Tujuan Kerajaan Beta ia-lah sentiasa hendak mengutamakan Bahasa Kebangsaan di-dalam "system" Pelajaran kita. Pelajaran yang menggunakan Bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar-nya akan di-beri perchuma kepada sakalian murid<sup>2</sup> dalam segala peringkat di-semua sekolah<sup>2</sup> kita.

Dalam lapangan pelajaran tinggi, pada tahun yang lalu Parlimen telah meluluskan satu undang<sup>2</sup> untuk menubuhkan sa-buah Universiti Kebangsaan Tanah Melayu yang baharu yang berasingan dari Universiti Malaya di-Singapura dan berkuasa menguruskan tadbiran-nya sendiri. Undang<sup>2</sup> ini telah berjalan kuat kuasa-nya pada bulan Januari yang lalu. Kerajaan Beta bermaksud hendak mengadakan sa-buah Universiti yang menggunakan dua bahasa dengan jalan beransor<sup>2</sup> menggunakan Bahasa Kebangsaan bagi mengajar sa-tengah<sup>2</sup> kursus. Sa-buah Jabatan Pengajian Perubahan bagi Universiti Malaya ada-lah sedang diranchangkan dan di-harap kursus permulaan bagi pelajaran ubat-ubatan akan di-mulakan di-Jabatan Pengajian Sains pada tahun hadapan.

Kesihatan penduduk<sup>2</sup> Persekutuan Tanah Melayu ada-lah sentiasa di-dalam keadaan yang memuaskan hati. Pada tahun ini Perkhidmatan Kesihatan dan Perubahan akan di-perkemas dan diperluaskan lagi. Perkara yang akan di-utamakan di-dalam hal ini ia-lah meneruskan perkhidmatan di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar terutama sa-kali menjaga kesihatan ibu<sup>2</sup> yang mengandong dan kesihatan kanak<sup>2</sup>; menjauhkan dan mengawal penyakit<sup>2</sup> yang menjangkit; menjaga kesihatan gigi, dan mengajar penduduk<sup>2</sup> luar bandar berkenaan dengan makanan yang berzat dan kesihatan. Ranchangan yang mustahak bagi melateh kaki-tangan akan di-jalankan dengan luas lagi daripada yang telah di-jalankan pada yang sudah<sup>2</sup>.

Sekarang Beta suka pula hendak menyatakan beberapa perkara berkenaan dengan undang<sup>2</sup> yang akan di-buat. Baharu<sup>2</sup> ini beberapa kejadian telah berlaku berkenaan dengan sharikat<sup>2</sup> insurance nyawa yang telah tumbuh seperti chendawan banyak-nya. Dengan yang demikian nyata-lah betapa longgar-nya undang<sup>2</sup> berkenaan dengan sharikat<sup>2</sup> insurance yang ada pada masa ini. Akan tetapi Kerajaan Beta telah pun menyediakan sa-buah Rang Undang<sup>2</sup>, yang sedang di-timbangan dan mungkin di-bentangkan dalam Parlimen dalam penggal ini.

Kerajaan Beta chukup sedar bahawa kongsi<sup>2</sup> gelap dan kumpulan<sup>2</sup> samsing sedang mengancham keamanan orang

ramai dan kuasa undang<sup>2</sup> yang ada sekarang bagi mencheegah perbuatan ini tiada memadai. Oleh yang demikian pertimbangan yang berat sedang di-beri untuk mengadakan langkah<sup>2</sup> yang baharu bagi menentang ancaman ini. Beta harap semua warga negara yang ta'at kepada undang<sup>2</sup> akan membantu dan bekerjasama dengan pihak yang menjaga keamanan dan ketenteraman supaya dapat-lah di-kawal anasir<sup>2</sup> jahat itu hingga akhir-nya terhapus sama sa-kali perbuatan mengancham itu.

Pada fikiran Kerajaan Beta perbuatan rasuah atau makan suap dalam jabatan Kerajaan di-negeri ini tiada-lah bagitu merebak, tetapi segala usaha akan di-jalankan bagi menghapuskan perbuatan yang di-chela ini. Bantuan dan kerjasama orang ramai sangat-lah mustahak untuk menghapuskan-nya sama sa-kali, kerana jika tidak maka kejayaan yang sa-penoh tidak-lah akan di-perolehi.

Oleh kerana kilang<sup>2</sup> perusahaan bertambah banyak di-negara kita ini dan penduduk<sup>2</sup> bertambah ramai pula maka perbuatan tipu menipu dalam perniagaan pun bertambah banyak di-lakukan. Oleh yang demikian Kerajaan Beta sedang berusaha hendak menguatkan lagi kuat-kuasa undang<sup>2</sup> yang ada sekarang dan sedang menimbangkan perkara hendak menubuhkan suatu Pasokan Mencheegah Persepuan di-dalam Pasokan Polis di-Raja Persekutuan Tanah Melayu.

Dasar dan pendirian Kerajaan Beta berkenaan dengan perjuangan melawan faham Komünis tetap tiada berubah. Kerajaan Beta ada-lah ber'azam hendak menghapuskan sama sa-kali keganasan Komünis dan perbuatan<sup>2</sup> sabversif dalam negeri ini. Walau pun Dzarurat telah di-ishtiharkan tamat pada 31 haribulan July, tahun 1960, akan tetapi maseh ada lagi saki baki pegganas<sup>2</sup> Komünis yang berkeliaran di-kawasan sempadan Thailand, berjumlah kira<sup>2</sup> sa-ramai 480 orang, dan pehak Komünis juga maseh melakukan perbuatan sabversif di-seluruh Persekutuan. Pendek-nya orang<sup>2</sup> Komünis itu maseh lagi berchita<sup>2</sup> hendak menubuhkan suatu pemerentahan Komünis sa-belah sini.

Pegganas<sup>2</sup> Komünis dalam kawasan sempadan Thailand maseh melakukan keganasan dan menyebarkan di'ayah

Komünis. Ada-lah di-harapkan dengan ada-nya kerjasama yang rapat di-antara Kerajaan di-Raja Negeri Thai dan Kerajaan Beta maka pegganas<sup>2</sup> Komünis dalam kawasan itu tiada lama lagi akan dapat di-hapuskan sama sa-kali. Dalam perkara sabversif 'am-nya, Kerajaan Beta akan berjaga sa-bagaimana sekarang juga dan tiada akan teragak<sup>2</sup> menjalankan langkah<sup>2</sup> yang sesuai bila<sup>2</sup> mustahak, untuk menentang gerakan<sup>2</sup> sabversif Komünis dan penyokong<sup>2</sup> mereka.

Dasar besar Angkatan Bersenjata Beta akan di-pinda. Hingga masa ini dasar Kerajaan Beta yang besar mengenai Angkatan Bersenjata ia-lah membantu menjaga keamanan dalam negeri ini. Dari masa ini ka-hadapan tugas Angkatan Bersenjata Beta ia-lah juga mempertahankan negara ini daripada anchaman dan pencherobohan dari luar. Oleh yang demikian anggota<sup>2</sup> Angkatan Bersenjata Beta akan di-lateh dengan tujuan hendak menchapai maksud dasar yang baharu ini.

Bersama<sup>2</sup> dengan usaha hendak melaksanakan rancangan bagi memperbesarkan Angkatan Bersenjata Beta, maka pegawai<sup>2</sup> Beta ada-lah di-lateh juga supaya tidak lama lagi mereka layak memegang tanggung jawab mentadbirkan Angkatan Bersenjata Beta.

Angkatan Bersenjata Beta akan memikul tanggung jawab yang lebeh besar lagi berat jika sa-kira-nya berjaya rancangan hendak menubuhkan Malaysia. Oleh itu Kerajaan Beta akan menyiapkan rancangan yang kemas bagi membesarkan lagi Angkatan Bersenjata Beta dan melengkapkan-nya dengan senjata dan alat<sup>2</sup> kelengkapan yang modern supaya apa<sup>2</sup> tanggung jawab terhadap negeri<sup>2</sup> Malaysia dapat di-tunaikan dengan sempurna-nya.

Berkenaan dengan perhubungan kita dengan negeri<sup>2</sup> asing, Kerajaan Beta akan terus menjalankan dasar baik<sup>2</sup> dan akan berpegang tegoh kepada dasar<sup>2</sup> yang di-amalkan oleh Bangsa<sup>2</sup> Bersatu kerana kita ber'azam hendak membela hak kemanusiaan dan mengekalkan keamanan dan kesejahteraan dunia. Kerajaan Beta akan terus membawa perkara Tibet ka-dalam persidangan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, dan dalam perkara ini kita

mengucapkan terima kasih kepada negara<sup>2</sup> yang telah berjuang bersama<sup>2</sup> dengan kita membela nasib ra'ayat Tibet yang tertindas itu.

Angkatan Bersenjata Beta akan terus menyokong Bangsa<sup>2</sup> Bersatu pada menunaikan kewajipan-nya untuk mengembalikan keamanan di-Negeri Congo. Pasokan Khas Tanah Melayu akan di-susun sa-mula supaya askar<sup>2</sup> dalam Pasokan Berjalan Kaki dan dalam Pasokan Peninjau akan bergilir<sup>2</sup> berkhidmat sa-lama tempoh yang di-tentukan.

Berkenaan dengan perkara menguji senjata<sup>2</sup> nuclear, Kerajaan Beta akan bersama<sup>2</sup> dengan negara<sup>2</sup> lain dalam pendirian-nya terhadap perluchutan senjata ia-itu segala ujian senjata<sup>2</sup> nuclear hendak-lah di-buat dengan di-kawal keras oleh badan antara bangsa, dan tenaga nuclear mesti-lah di-gunakan hanya untuk maksud<sup>2</sup> keamanan.

Dalam perkara Persatuan Asia Tenggara, Kerajaan Beta akan bekerjasama dengan Negeri<sup>2</sup> Thailand dan Filipina untuk menentukan supaya persatuan ini mencapai kejayaan, dan supaya ra'ayat<sup>2</sup> dalam kawasan ini akan mendapat taraf hidup yang lebeh baik dan peluang<sup>2</sup> yang lebeh banyak lagi. Oleh kerana meshuarat di-Cameron Highlands itu telah berjaya maka bertambah yakin-lah kita bahawa Persatuan Asia Tenggara itu akan mencapai tujuan<sup>2</sup>-nya. Berkenaan dengan keanggotaan Persatuan ini, Beta suka hendak menyatakan bahawa pintunya maseh terbuka untuk negara<sup>2</sup> lain di-Asia Tenggara meminta masok menjadi ahli.

Berkenaan dengan soal Irian Barat kita berdo'a kepada Allah Subhanahu Wata'ala mudah<sup>2</sup>an perkara ini dapat di-selesaikan dengan aman dan damai, kerana kita sa-kali<sup>2</sup> tiada dapat hendak menyokong apa<sup>2</sup> ranchangan yang akan membinasakan jiwa manusia dan harta benda. Perdana Menteri Beta telah membuat satu chadangan bagi menyelesaikan pertelingkahan Irian Barat itu dua tahun dahulu dan kita sukachita mendengar satu chadangan saperti itu juga sekarang telah di-kemukakan oleh sa-orang orang tengah bangsa Amerika. Chadangan saperti itu di-harap akan dapat

menjadi asas bagi membawa kedua<sup>2</sup> negara itu berunding bagaimana chara-nya hendak menyelesaikan pertikaian itu dengan aman dan damai.

Masa'elah Algeria hampir<sup>2</sup> akan selesai dan dengan kebijaksanaan yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri Peranchis dan Kerajaan Algeria Bebas maka perbuatan<sup>2</sup> jahat yang di-lakukan oleh Pertubohan Tentera Sulit Eropah itu akan tamat dan dengan yang demikian dapat-lah di-elak berlaku-nya lagi kekerasan.

Berkenaan dengan Persekutuan Malaysia yang di-chadangkan itu, Kerajaan Beta akan terus menumpukan segala usaha-nya menyatukan ra'ayat negara kita dengan ra'ayat Singapura dan negeri<sup>2</sup> dalam wilayah Borneo. Hasil dari perundingan<sup>2</sup> yang telah di-adakan dengan Kerajaan British berkenaan dengan masa'elah ini maka tertuboh-lah Surohanjaya Cobbold yang mempunyai tugas kewajipan untuk mendapatkan fikiran ra'ayat Sabah dan Serawak berkenaan dengan perkara hendak menubuhkan Malaysia itu. Barangkali penyata Surohanjaya Cobbold itu akan di-terbitkan tiada berapa lama lagi dan ra'ayat Malaysia akan dapat mengkaji laporan itu dan menjadikan-nya sa-bagai pedoman bagi memahami Persekutuan yang di-chadangkan itu dengan lebeh dalam lagi. Sa-bagaimana yang telah di-nyatakan oleh Perdana Menteri Beta, jika sa-kira-nya ranchangan menubuhkan Malaysia itu gagal maka perkara menutup Tambak Johor itu hendak-lah di-timbangkan dengan sa-halus<sup>2</sup>-nya.

Kejayaan mana<sup>2</sup> Kerajaan untuk menghuraikan dasar-nya atau melaksanakan ranchangan<sup>2</sup>-nya ada-lah bergantung dengan besar-nya di-atas penerangan yang tepat lagi berkesan, ya'ani orang ramai mesti-lah mengetahui betul akan dasar dan ranchangan itu. Radio Malaya dan Jabatan Penerangan Kerajaan Beta sentiasa mengambil peranan yang besar dalam tugas yang amat penting ini ia-itu menerangkan dasar, ranchangan<sup>2</sup>, dan langkah<sup>2</sup> yang di-ambil oleh Kerajaan kepada orang ramai baik di-dalam atau pun di-luar negeri kita. Dalam negeri, kedua<sup>2</sup> Jabatan itu ada-lah menolong menggalak dan menyuborkan perasaan kebangsaan dan semangat gotong royong.

Dengan ada-nya beberapa banyak rancangan Kerajaan Beta dan kemajuan<sup>2</sup> negara maka timbul-lah tuntutan<sup>2</sup> yang berat di-atas kebolehan dan kecekapan Pegawai<sup>2</sup> Pentadbir dan semua peringkat pegawai<sup>2</sup> itu telah bekerja dengan bersungguh<sup>2</sup> hati sa-bagaimana yang di-kehendaki dalam zaman pembangunan ini. Perhubungan di-antara Kerajaan Beta dengan pekerja<sup>2</sup>-nya sentiasa dalam keadaan yang baik dan bekerjasama antara satu dengan lain. Beta suka hendak mengambil peluang di-sini menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> terima kaseh kepada mereka sakalian kerana telah menunaikan kewajipan mereka dengan ta'at setia dan kerana jasa mereka kepada musharakat semenjak kita mencapai kemerdekaan, dan Beta yakin semua ahli<sup>2</sup> Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat suka hendak bersama<sup>2</sup> dengan Beta pada memberi ucapan itu.

Beta ma'alum betapa harum-nya nama negara kita di-sebut oleh negara yang bersahabat dengan kita kerana Beta sendiri pernah mendengar-nya. Dengan amat sukachita-nya Beta mengishtiharkan bahawa tiada berapa lama lagi Beta dan Raja Permaisuri Agong akan menyambut keberangkatan Seri Paduka Baginda Raja dan Permaisuri negeri Thailand. Beta berdua sentiasa menunggu<sup>2</sup> kedatangan Seri Paduka Baginda kedua itu, dan kita berharap lawatan itu akan menjadi satu peristiwa yang akan diingati sa-lama-lama-nya kerana negeri Thailand dan Tanah Melayu ada-lah dua buah negara yang berjiran rapat. Perhubungan antara kedua buah negara ini telah menjadi rapat di-sebabkan oleh ada-nya pakatan dalam lapangan ekonomi dan siasah. Pada satu masa kelak kita akan dapat pula menyambut kedatangan Yang Terutama Field Marshal Ayub Khan, Presiden Republic Pakistan ka-negara ini. Beta berdua maseh lagi ingat bagaimana meriah-nya Presiden dan ra'ayat Pakistan menyambut Beta berdua pada masa melawat negeri mereka pada bulan Desember dan Januari dahulu. Atas budi pekerti mereka itu Beta berdua menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> terima kaseh. Bagitu-lah juga Beta suka hendak menyatakan bahawa lawatan Beta berdua ka-Republic India sangat-lah gembira dan Beta maseh teringat lagi betapa ikhlas-nya Kerajaan dan ra'ayat negeri

India menyambut kedatangan Beta itu dan Beta ucapkan berbanyak<sup>2</sup> terima kaseh kepada Kerajaan dan ra'ayat negeri India.

dengan chara yang saperti sekarang ini maka batek dari luar negeri masok dengan lebeh murah dan lebeh chantek serta menarek sedangkan usaha anak negeri ta' bagitu chukup mendapat pimpinan dalam pasaran-nya. Maka dengan competition pasaran yang kita hendak membawa kema'amoran kapada anak negeri ini pada masa hadapan akan kechewa. Saya maksudkan dua chontoh ini supaya jaminan pasaran dari pehak Kerajaan di-susun dengan baik mulai dari sa-rendah<sup>2</sup> sampai sa-tinggi<sup>2</sup>-nya. Ini ada-lah satu usaha supaya mendapat satu jaminan, usaha dan pengeluaran anak negeri ini.

Berhubong dengan ucapan Kebawah Duli berkenaan dengan dasar pelajaran, kita telah sama<sup>2</sup> tahu dan sudah bahathkan dalam belanjawan yang lalu fikiran<sup>2</sup> bagi pehak yang berkehendakan perhatian dan sikap terhadap pelajaran, saya rasa perkara ini patut saya sebutkan dan sa-hingga ucapan Kebawah Duli ini di-lafadzkan bahawa usaha menampong bagi murid<sup>2</sup> primary pelajaran lepasan tiap<sup>2</sup> tahun sekarang ini belumlah dapat kita katakan satu usaha mengadakan sekolah menengah yang boleh menchukupi atau boleh memberi longgar kapada banyak-nya bilangan kanak<sup>2</sup> yang lepas yang tidak bersekolah. Dalam langkah saperti itu, saya berharap pehak Kerajaan akan memikirkan bersungguh<sup>2</sup> dalam menampong murid<sup>2</sup> kita yang akan kechewa itu, dan sa-perkara lagi berkenaan dengan sekolah Inggeris juga kita sangat-lah mementingkan pelajaran<sup>2</sup> agama dalam sekolah<sup>2</sup> terutama di-sekolah Inggeris. Apa yang sudah berjalan daripada pentadbir sekolah atau pengarah<sup>2</sup> sekolah, sudah-lah memberi guru<sup>2</sup> yang suka-rela dalam sekolah<sup>2</sup> yang ada bilangan ramai murid<sup>2</sup> Islam ia-itu di-adakan guru agama di-sekolah<sup>2</sup> itu. Ini sudah berjalan beberapa tahun yang sudah, tetapi pada masa yang akhir<sup>2</sup> ini sa-sudah di-beri allowance<sup>2</sup> kapada bahasa kebangsaan, sedangkan guru<sup>2</sup> suka-rela yang murid<sup>2</sup> di-sekolah<sup>2</sup> Inggeris atau pun di-sekolah<sup>2</sup> yang lain yang sudah sa-patut-nya bilangan mendapat guru agama dan dengan sebab di-kehendaki guru suka-rela maka tidaklah dapat guru itu memberi suka-rela

dan manakala di-minta peruntokan wang kerana tujuan sekolah agama ini tidak dapat. Hal ini banyak berlaku pada beberapa tempat, jadi saya berharap perkara ini akan mendapat pertimbangan supaya guru<sup>2</sup> yang sudah mendapat chukup bilangan murid<sup>2</sup> dengan guru<sup>2</sup> yang sudah ada suka-rela yang ta' sanggup terus bersuka-rela kerana guru<sup>2</sup> sekolah agama ta' mendapat allowance maka guru<sup>2</sup> itu patutlah di-beri allowance kerana mengajar agama dan semangat gotong-royong dan peribadi akhlak kerana kebaikan satu<sup>2</sup> bangsa yang timbul pada masharakat kita harga.

Dan satu perkara lagi berkenaan dengan Congo. Saya merasa mustahak juga melahirkan perasaan dengan adanya kejadian<sup>2</sup> yang berlaku saperti yang tersiar dalam surat<sup>2</sup> khabar itu dan saya berasa daripada perkhabaran yang saya dengar memang ada perkara<sup>2</sup> yang kasar, perkara yang tidak patut berlaku di-sana antara ashkar<sup>2</sup> kita itu. Dalam perkara ini, saya berharap satu sikap yang tertentu supaya mengator perasaan baik di-antara ashkar<sup>2</sup> dan pegawai<sup>2</sup>-nya supaya benar<sup>2</sup> bantuan kita ka-Congo itu merupakan bantuan yang benar<sup>2</sup> berseh dan pulang balek-nya dengan nama yang baik.

Berkenaan dengan ucapan Kebawah Duli yang menyebutkan tentang ASA ini, sudah tentu-lah kita sama<sup>2</sup> bersuka benar atas usaha Kerajaan menjalankan perhubungan baik di-antara jiran negeri kita ini supaya dengan yang demikian keamanan dalam negeri dan luar negeri kita dapat menentukan kawasan Asia Timur ini dan berhubong dengan rancangan Malaysia atau Melayu Raya, saya merasa sangat-lah kesal dengan sebab perkara<sup>2</sup> ini di-sebutkan dan pehak Kerajaan juga maseh menjalankan Malaysia itu menurut apa yang di-katakan kawasan<sup>2</sup> yang ada sekarang dengan tidak membuat penjelasan chara perhubungan dengan jiran sa-bangsa dan satu kebudayaan dengan kita ia-itu Indonesia. Saya memang ada usul dalam perkara ini, tetapi dalam hubongan-nya dengan perkara ini berkenaan dengan Titah di-Raja itu, saya berasa hendak berchakap sadikit, kerana telah di-sebutkan....

**Mr. Speaker:** Ahli Yang Berhormat boleh berchakap atas Malaysia, tetapi kalau hendak berchakap kerana hendak masukkan dua negeri itu dalam gulongan Malaysia ta' boleh, sebab ada usul khas yang akan di-bahathkan. Kalau berchakap atas dasar 'am sahaja boleh, tetapi jangan menyentoh berkenaan dengan usul itu, kerana sudah di-masokkan dua buah negeri itu—itu akan di-bahathkan dalam mesuarat.

**Dr. Burhanuddin:** Saya berchakap sa-chara 'am sahaja, kerana perkara ini akan menyinggong kedudukan pehak<sup>2</sup> yang menentang. Tuan Yang di-Pertua, pada dasar-nya hendak mengadakan Melayu Raya (Malaysia) saya bersetuju, tetapi oleh kerana perkara<sup>2</sup> ini ada berkait dengan sejarah perjuangan bangsa kita negeri ini dan ta'arif Melayu Raya serta timbul-nya tuduhan<sup>2</sup> yang mengatakan manakala sahaja kita menentang Malaysia menurut konsep yang ada sekarang ini ma'ana-nya sudah menyebelah kepada kominis, jadi itu-lah perkara yang patut saya tegaskan. Dan harus-lah di-pisahkan manakala faham kominis berkehendakan supaya jangan di-adakan Malaysia, mungkin kerana ada satu<sup>2</sup> perkara yang tidak baik pada pehak kominis. Tetapi saya hendak menerangkan di-sini pendirian saya dan bagi pehak parti saya ia-itu tidak bersetuju konsep Malaysia yang ada sekarang ini, ini tidak-lah berma'ana kita memihak atau terbawa<sup>2</sup> faham kominis, tetapi ia-lah dengan sebab tidak sa-suai dengan ta'arif dan dasar sejarah perjuangan bangsa kita sendiri. Jadi orang yang mengatakan siapa menentang Malaysia menyebelah kepada kominis, itu adalah tuduhan yang melulu. Pada hal pendirian kita ada sendiri dalam perkara ini menurut sejarah dan ta'arif perjuangan bangsa kita daripada beberapa kurun dahulu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah berusaha mengadakan ASA yang mana kita sanjong dengan baik. Dan alangkah baik Malaysia ini termasuk Indonesia, yang mana telah ada Perjanjian Persahabatan seperti dalam perkara bahasa ia-itu "Melindo", kita tambah lagi usaha<sup>2</sup> dengan chara persahabatan dengan Indonesia. Dengan jalan ini akan merupakan satu saling mengerti

yang lebeh rapat, dan chita<sup>2</sup> permulaan di-dalam mewujudkan Malaysia akan bertambah lichen dan tidak akan menimbulkan salah sangka di-antara jiran<sup>2</sup> kita yang lain.

Saya harap perkara ini akan ditimbangkan oleh pehak Kerajaan bagi merapatkan negeri<sup>2</sup> yang berjiran dengan kita.

**Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untok bersama<sup>2</sup> mengalu<sup>2</sup>kan Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung atas dasar<sup>2</sup> Kerajaan yang telah di-buat dan yang akan di-buat. Dalam Uchapan Duli Yang Maha Mulia pada muka pertama ada menyentoh berkenaan dengan hal pembangunan luar bandar. Saya bagi pehak kawasan saya menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> ribuan terima kasih kepada Kerajaan, kerana telah menjalankan Rancangan Pembangunan Luar Bandar seperti pemberian tanah, mengadakan jalan<sup>2</sup> raya, sekolah<sup>2</sup>, masjid dan surau dengan giat-nya. Jadi ra'ayat dalam daerah saya berasa pemberian dalam rancangan yang di-jalankan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini telah memberi satu harapan yang besar kepada mereka ia-itu menikmati segala kesenangan<sup>2</sup> yang di-beri oleh Kerajaan itu.

Dalam usaha<sup>2</sup> yang sedang giat di-jalankan di-daerah saya ini, saya harap mendapat satu perhatian daripada Kerajaan ia-itu mengadakan satu Undang<sup>2</sup> menchegeh orang<sup>2</sup> yang menghasut ra'ayat supaya jangan menerima pemberian tanah yang di-jalankan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar itu. Oleh sebab orang kampung tidak ada pelajaran yang tinggi dan tidak pandai berfikir panjang dan dengan asutan<sup>2</sup>, mereka itu telah terganggu semangat mereka hendak bekerjasama dan menerima rancangan Kerajaan. Mithal-nya, baharu<sup>2</sup> ini saya telah melawat kawasan saya, saya dapati anasir yang tidak di-ingini menghasut ra'ayat supaya jangan menerima pemberian tanah dengan alasan yang tanah itu ia-lah "Estate Tun Abdul Razak".

Saya rasa Kerajaan hendak-lah mengambil satu langkah menchegeh atau

menahan mereka yang menjadi anasir untuk menghasut orang kampung supaya jangan menerima rancangan Kerajaan ini.

Dalam perkara yang lain ia-itu dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar juga, Ahli Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar daerah saya memberi pujian yang tinggi kepada Kerajaan, kerana telah dapat menyatupadukan Ketua<sup>2</sup> Pejabat dalam satu meshuarat, di-mana segala kesulitan dapat di-selesaikan dengan deras, dan segala kerja dapat di-jalankan dengan chepat dan lancar. Ini-lah kejadian dalam daerah saya di-mana Ketua<sup>2</sup> Pejabat yang bersangkutan dengan luar bandar dapat menyelesaikan segala kesulitan dan menjalankan segala Rancangan Pembangunan Luar Bandar dengan elok-nya.

Dan begitu juga dalam Uchapan Duli Yang Maha Mulia ini telah menitikberatkan dan mengalah perhatian daripada perusahaan getah kepada perusahaan yang lain untuk mencegah akibat daripada merusut-nya harga getah. Jadi kita menerima kaseh di-atas usaha<sup>2</sup> ini. Dan saya perchaya usaha<sup>2</sup> berkenaan dengan sabut manila (manila hemp), kelapa sawit dan kelapa, sa-bagaimana yang telah saya ucapkan pada masa yang lalu satu<sup>2</sup> usaha-nya yang di-sambut baik oleh ra'ayat. Maka dalam Uchapan itu telah terbayang-lah usaha Kerajaan untuk menjalankan perusahaan kelapa supaya dapat kelapa itu menjadi faedah yang besar dan mendapat harga yang tinggi kepada mereka yang menjalankan perusahaan ini.

Sa-lain daripada itu berkenaan dengan galakkan Kerajaan untuk memberi peluang kepada anak negeri menjalankan usaha-nya sendiri sa-bagaimana yang di-ucapkan oleh Duli Yang Maha Mulia. Jadi, saya rasa ini ada-lah satu ucapan atau pun chadangan Kerajaan yang saya sendiri menguchapkan terima kaseh. Dan saya harap segala tenaga, modal dan usaha anak negeri di-utamakan daripada pemodal yang datang dari luar negeri, dan kalau usaha anak negeri hendak mengadakan kilang<sup>2</sup>-nya sendiri, maka "Taraf Perintis" di-beri kepada mereka.

Dan saya menguchapkan terima kaseh kepada Kerajaan, sebab dalam sa-

tengah tahun, 1961 wang sa-banyak \$5½ juta telah di-untokkan dalam kawasan saya bagi menjalankan Rancangan Pembangunan Luar Bandar. Saya rasa ini ada-lah satu peruntokan yang besar yang belum pernah lagi di-terima di-dalam daerah saya.

Dalam dasar pelajaran, saya juga menguchapkan terima kaseh atas dasar pelajaran kita untuk memberi pelajaran perchuma daripada peringkat rendah dan juga peringkat menengah dengan harga murah. Di-sini saya rasa, patut-lah sudah sampai masa-nya yang Kerajaan mengalahkan perhatian-nya pula kepada sekolah<sup>2</sup> yang tidak masuk di-lengkongan Kerajaan. Kita ambil chontoh satu negeri di-Thailand atau Philippines ia-itu semua sekolah ada-lah di-arahkan oleh Kerajaan. Saya rasa, sampai-lah masa-nya yang Kerajaan menimbangkan dan memikirkan sekolah<sup>2</sup> yang luar lengkongan Kerajaan.

Bagitu juga dalam usaha Kerajaan untuk hendak membasmikan buta huruf, ia-itu dalam rancangan luar bandar telah mengadakan kelas<sup>2</sup> untuk adult education sa-bagaimana yang telah di-jalankan dengan giat-nya di-kampung<sup>2</sup> oleh ra'ayat begitu murah dan begitu senang. Kerajaan patut-lah memasokkan di-kelas ia-itu di-ajar agama Islam di-kelas<sup>2</sup> itu. Saya dapat tahu ia-itu sa-orang pensharah akan di-adakan oleh Kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan akan membayar segala gaji kepada pensharah<sup>2</sup> yang akan mengajar agama Islam dalam kelas dewasa ini. Dalam pelajaran juga saya suka memberi pandangan kepada Kerajaan ia-itu satu usaha yang telah di-jalankan ia-itu chara memberi scholarship kepada anak<sup>2</sup> kita yang masuk University. Dalam pada masa yang lepas, ia-itu kanak<sup>2</sup> ini yang suka melanjutkan pelajaran-nya ka-University di-panggil interview walhal mereka belum lagi menerima keputusan daripada peperiksaan di-England. Apa yang telah terjadi banyak daripada mereka, itu sa-belum mereka mendapat keputusan peperiksaan dari England itu mereka telah di-beri hadiah<sup>2</sup> scholarship ini. Sa-telah keputusan di-terima daripada England di-dapati kebanyakan anak<sup>2</sup> kita itu tidak lulus. Dan dengan sebab tidak lulus maka mereka ini



tidak dapat masuk University tetapi anak<sup>2</sup> yang miskin yang lulus, bila di-minta scholarship mereka tidak diberikan. Jadi, saya minta-lah supaya perkara ini ia-itu anak<sup>2</sup> yang telah lulus dalam H.S.C. atau S.C. yang di-beritahu keputusan-nya baharu<sup>2</sup> ini kita berikan scholarship kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran-nya.

Dalam bidang kesihatan pula, saya menguchapkan terima kaseh kepada Kerajaan untuk membasmiikan penyakit batok kering. Pada masa ini di-kawasan saya pegawai<sup>2</sup> sedang sebok memeriksa ra'ayat kalau<sup>2</sup> mereka itu mengidap penyakit batok kering. Maka ini ada-lah satu usaha yang sangat di-hargai dan juga sangat di-junjong tinggi oleh ra'ayat di-kawasan saya.

Satu perkara lagi berkenaan dengan hal kematian<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> Islam dalam Hospital. Kematian orang<sup>2</sup> Islam yang menderita ia-itu orang<sup>2</sup> yang miskin, pada masa dahulu segala mayat<sup>2</sup> itu di-serahkan kepada satu badan Badan Kebajikan Islam dengan bantuan wang-nya sa-kali untuk menyelamatkan mayat<sup>2</sup> itu tetapi sa-telah Kementerian Kesihatan menguruskan segala urusan maka bantuan<sup>2</sup> itu telah di-hapuskan. Maka ini saya merayu-lah supaya bantuan itu di-mulakan balek dengan bantuan<sup>2</sup> wang yang di-berikan oleh Kerajaan itu.

Saya suka menguchapkan terima kaseh atas usaha Kerajaan hendak membesarkan angkatan bersenjata kita. Perkara ini telah saya bayangkan pada masa saya memberi ucapan di-meshuarat perbelanjawan dahulu dan sekarang nampak-lah saya usaha Kerajaan terhadap perkara ini ia-itu untuk membesarkan angkatan bersenjata untuk keselamatan negeri kita.

Di-dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia ini juga ada menyebutkan berkenaan dengan hal peranan yang di-ambil oleh Kerajaan kita terhadap Kerajaan Franchis dalam usaha-nya berkenaan dengan perkara Algeria. Jadi, di-sini saya rasa patut juga-lah kita menunjukkan kerisauan kita terhadap tentera<sup>2</sup> sulit Eropah membunuh orang<sup>2</sup> Islam di-Algeria.

Dalam perkara Malaysia, di-sini ada di-bayangkan ia-itu Malaysia ini jika

gagal maka tambak Johore itu akan di-tutup. Saya mengalu<sup>2</sup>kan sangat berkenaan dengan ini, oleh sebab kalau tidak silap saya, dua tahun yang lalu saya telah membayangkan beberapa kesulitan berkenaan dengan tambak Johore itu di-buka dengan luas-nya. Jadi, untok hendak menutupakan tambak Johore itu saya menguchapkan terima kaseh dan saya perchaya perkara ini dapat di-jalankan.

Keseluruhan ucapan ini saya sa-kali lagi menguchapkan terima kaseh dan peranan yang besar sa-kali yang ada dalam ucapan ini ia-itu segala usaha<sup>2</sup> Kerajaan pada masa yang akan datang, saya perchaya semua ra'ayat akan menerima-nya, terima kaseh.

**Enche' Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di-sini sa-bagai turut serta menyokong usul yang ada di-hadapan kita ini. Sa-lain daripada itu, saya gemar menarek banyak perhatian yang ada dalam ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini. Pertama-nya saya hendak menyebutkan sa-bagai ra'ayat negeri ini tentu-lah menguchapkan terima kaseh terhadap ranchangan<sup>2</sup> yang telah di-laksanakan oleh Kerajaan dan yang akan di-laksanakan oleh Kerajaan.

Perkara yang saya hendak sebutkan di-sini ia-lah perkara dalam ranchangan pembangunan luar bandar, yang saya maksudkan perkara tanah. Tanah, walau pun kuat kuasa-nya ia-itu pada tiap<sup>2</sup> buah negeri tetapi saya gemar menarek perhatian pula dengan kesulitan<sup>2</sup> ra'ayat dalam sa-sabua negeri atas dasar tanah yang sedang di-jalankan sekarang. Apa yang saya minta ia-itu kepada tanah<sup>2</sup> yang tinggi dan tanah<sup>2</sup> yang churam, menurut dasar Kerajaan yang berjalan sekarang ini, tanah yang boleh di-kerjakan ia-lah tanah yang tinggi sa-kadar 18 darjah sa-tengah. Saya sekarang memajukan di-lanjutkan lagi kepada 28 darjah. Ini ada-lah mengikut keadaan sa-sabua negeri, bukan semua negeri tanah-nya banyak yang rendah tetapi banyak tanah<sup>2</sup> yang tinggi dan churam.

Dengan di-longgarkan peratoran dasar ini maka dapat-lah bagi ra'ayat di-kampong<sup>2</sup> yang berhampiran dengan tanah itu mengusahakan tanah<sup>2</sup> di-situ.

Berhubung dengan mengatakan satu daripada mudharrat tanah tinggi itu dengan sebab churam kita boleh menentukan peneroka tanah itu dengan mengadakan teres-nya pada tempat yang mereka usahakan. Yang kedua, saya nampak dalam hal tanah ini juga ia-itu di-bawah ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Saya mengeshorkan supaya memadaif di-beri kapada peneroka tanah itu sa-banyak 6 ekar tidak bagaimana sekarang kita beri 8 ekar dan 10 ekar. Dengan meng-untokkan ini tujuan-nya supaya lebeh ramai lagi ra'ayat dapat tanah dan mereka dapat sempurna lagi mengerjakan tanah itu sa-banyak 6 ekar. Sebab mereka yang dudok atas tanah itu barangkali ini-lah menjadi satu kesulitan kapada-nya, kalau kita beri dengan lebeh rendah mudah<sup>2</sup>an langkah<sup>2</sup> ini dapat berjalan dengan lebeh sempurna lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu<sup>2</sup> dan menguchapkan tahni'ah atas titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan lapangan pengangkutan dan kenderaan. Kita sangat berbangga atas apa yang di-laksanakan oleh Kerajaan, lebeh<sup>2</sup> lagi dengan ada-nya perjanjian keretapi antara Tanah Melayu dengan Kerajaan Siam telah menelorkan project yang pertama dalam perjanjian Menteri Luar (ASA). Saya chuma hendak meminta kapada Kerajaan memberikan peluang kapada pemborong<sup>2</sup> Melayu berniaga jual makan dan minum dalam keretapi dan juga di-Station<sup>2</sup>, oleh sebab penjual makan dalam keretapi pada masa ini di-usahakan oleh orang yang bukan Melayu. Kita dapati ada mereka menyajikan daging babi di-simpan dalam peti sejok, di-pandang dari segi Islam tidak berseh. Saya harap Kerajaan mengambil perhatian hal ini sebab saya telah di-tunjokkan oleh salah sa-orang daripada pelayan yang berniaga dalam keretapi itu walau pun dalam peti sejok itu di-asingkan daging babi dengan daging lembu itu berjauhan mereka memberitahu saya manakala di-chenang daging babi itu di-letakkan di-atas daging lembu menurut pandangan Islam tidak berseh. Yang kedua saya mengeshorkan supaya Kerajaan mengambil perhatian mem-

buat satu bilek sembahyang dan saya perchaya ini tidak menjadi keberatan kalau Kerajaan boleh membuat jamban, bilek ayer, bukan-lah maksud saya satu bilek yang besar, sebab saya pernah menyaksikan sa-orang Islam sembahyang dalam satu gerabak di-tempat yang lapang itu di-khuatirkan keselamatan mereka tidak terjamin, kalau bilek mandi boleh di-adakan saya fikir tidak-lah Kerajaan keberatan mengadakan bilek sembahyang untuk dua tiga orang itu. Yang ketiga saya minta papan<sup>2</sup> pemberitahu di-Station itu gunakan dengan satu bahasa Kebangsaan sahaja tidak bagaimana sekarang kita nampak menggunakan empat bahasa. Ini ada-lah menarek perhatian pelanchong<sup>2</sup> yang menaiki keretapi kita itu memikirkan bahawa maseh ada di-dalam mengamalkan berbagai<sup>2</sup> bahasa itu. Keretapi telah berjalan sa-lama 40 tahun dahulu dan saya fikir tidak ada orang yang tidak tahu kapada station<sup>2</sup> dalam Tanah Melayu ini. Saya harap kapada Menteri Yang Berhormat itu akan mengambil perhatian berhubung dengan keretapi ini (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, saya masok dalam masaalah titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tentang tugas angkatan bersenjata. Saya berbesar hati bahawa angkatan bersenjata itu di-besarkan dan angkatan itu mempunyai tugas yang penting ia-itu dengan mengandongi Ashkar Melayu, Angkatan Udara, Ashkar Peninjau Ashkar Tampatan sa-bagai mempertahankan negara untuk menolong menjaga keamanan. Apa yang saya tertarek hati dalam titah ini ia-itu saya nampak di-masa yang akan datang ini kira-nya tugas angkatan bersenjata itu hendak di-besarkan hendak-lah mengambil pasokan angkatan bersenjata itu daripada orang<sup>2</sup> wanita kita di-Persekutuan Tanah Melayu ini (*Ketawa*). Saya nampak ada memberi peluang kapada wanita kita turut sama bertanggung-jawab mempertahankan tanah ayer-nya (*Tepok*). Kita juga telah melihat bahawa bilangan wanita ada-lah lebeh daripada bilangan lelaki (*Ketawa*). Tidak pula kita kurang wanita<sup>2</sup> Melayu yang mempunyai semangat satria mempunyai semangat kapewiraan Tun Fati-

mah (*Tepok*), dan juga wanita kita tidak kalah dalam ilmu pengetahuan dengan orang laki<sup>2</sup>. Malahan di-kampong<sup>2</sup> wanita<sup>2</sup> kita mengambil latehan pada masa dharurat mereka dengan gagah dan berani memusnahkan orang<sup>2</sup> jahat dan kominis, saya fikir dalam perkara ini saya tentu dapat sokongan daripada 3 orang Ahli Yang Berhormat wanita yang ada dalam Majlis ini (*Ketawa*). Beri-lah mereka peluang kepada angkatan bersenjata menjadi seri dalam apa lapangan yang patut bagaimana yang di-buat oleh negara<sup>2</sup> lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap dalam titah Baginda pada hari sa-malam yang telah menyebutkan dalam usaha yang besar pada masa beberapa tahun yang lalu menunjukkan bukti<sup>2</sup> dan kesan<sup>2</sup> yang baik untuk mempercepatkan pembangunan kemajuan ekonomi dan dengan itu juga menggalakkan orang<sup>2</sup> Melayu mengambil bahagian dalam perdagangan dan perusahaan. Menurut hemat saya kalau hal itu hendak memberi kesan maka hendak-lah Kerajaan hanya membenarkan lesen<sup>2</sup> di-kedai<sup>2</sup> perniagaan itu kepada orang<sup>2</sup> Melayu sahaja di-kampong<sup>2</sup> yang ada jumlah ramai-nya orang<sup>2</sup> Melayu atau dalam tanah yang telah di-jadikan kawasan Melayu atau Malay Reservation, bagaimana memberikan kepada orang<sup>2</sup> Melayu dalam lapangan kenderaan dan pengangkutan dan bagi mereka yang bukan Melayu tidak-lah berasa iri hati kerana mereka juga berpeluang berniaga membuat perusahaan yang besar dalam bandar<sup>2</sup> di-tempat<sup>2</sup> yang mana penduduk mereka itu ramai. Orang<sup>2</sup> Melayu di-kampong<sup>2</sup> sa-lepas merdeka ini telah berlumba<sup>2</sup> berniaga tetapi ada tiga perkara yang mereka tidak terdaya dan terpaksa gostan ka-belakang. Pertama ada bellawanan dengan bangsa<sup>2</sup> yang bukan Melayu, kedua kerana kekurangan modal dan ketiga tidak chukup pengalaman. Kerajaan dapat mengatasi-nya dengan memberikan pinjaman dan melateh mereka dalam hal perniagaan kita tidak dapat melihat orang kita Melayu maju dalam lapangan perniagaan dan ada pula perlawanan dengan bangsa<sup>2</sup> asing di-kampong<sup>2</sup> itu tidak berapa lama kedai<sup>2</sup> orang kita Melayu itu akan tutup.

Kita juga harus memandang lebeh jauh, kebahagiaan ketenteraman negeri ini bergantung kepada usaha meninggikan lagi kedudukan orang<sup>2</sup> Melayu dalam ekonomi mula<sup>2</sup> dari sekarang. Saya nampak menambahkan penghasilan atas shor saya ini dapat kita saksikan dalam pemerentahan Jepon, dalam masa dharurat orang<sup>2</sup> Melayu seperti chendawan perniagaan orang<sup>2</sup> kampong, tetapi bila keadaan ini puleh kedai<sup>2</sup> itu semua sa-kali berkubor dengan sebab ada-nya perlawanan—ta' ada kawalan bagi pehak Kerajaan. Saya mengharapkan shor saya ini dapat di-timbangkan oleh pehak yang berkenaan. Dan saya suka berchakap sadikit lagi mudah<sup>2</sup>an apa yang saya chakapkan ini akan membahagikan satu bahan pada Kerajaan untuk mengatasi kejadian<sup>2</sup> yang berlaku pada ra'ayat kita Persekutuan Tanah Melayu bagi Kerajaan yang sedang hendak melaksanakan dasar Rancangan Lima Tahun Yang Kedua ini.

Berpaling saya dalam titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan pelajaran ra'ayat semua menyambut dengan gembira atas titah baginda tentang kemajuan yang besar telah juga di-chapai dalam lapangan pelajaran rendah perchuma untuk seluroh kanak<sup>2</sup> yang telah di-adakan mula<sup>2</sup> tahun ini serta Lembaga Penasihat Pelajaran Kebangsaan dan Lembaga<sup>2</sup> Penasihat Pelajaran Negeri akan di-tubuhkan. Saya gemar menarek perhatian Kerajaan dan juga Lembaga<sup>2</sup> itu supaya dapat melanjutkan sa-tahun lagi umur kanak<sup>2</sup> itu dalam pelajaran rendah kerana umur kanak<sup>2</sup> itu sekarang 12 tahun dan saya minta-lah di-lanjutkan kepada 13 tahun (2 tahun dalam darjah Enam). Dengan menambahkan sa-tahun itu akan bertambah-lah chergas otak kanak<sup>2</sup> itu dan di-harap ramai bilangan mereka yang lulus dalam peperiksaan dalam darjah menengah kelak. Sebab-nya saya membawa perhatian ini ia-lah oleh kerana keadaan udara dan iklem penduduk negeri ini ada berlainan dengan negeri<sup>2</sup> asing, kanak<sup>2</sup> kita di-Tanah Melayu kalau berumur 12 tahun itu maseh mentah dan maseh lemah. Saya fikir kalau 13 tahun itu otak-nya chergas sadikit. Dan kedua ia-itu dalam mata pelajaran,

saya nampak sayugia di-tambah satu lagi ia-itu menjadikan ilmu tata negara sa-bagai satu mata pelajaran di-sekolah<sup>2</sup>. Pelajaran ini akan memberi pertolongan yang besar kepada Kerajaan kerana mendatangkan faedah kepada ra'ayat, oleh kerana ada pada mereka itu ilmu pengetahuan berkenaan dengan pemerintahan negeri ini, tambahan pula sa-buah negara saperti Semenanjung Tanah Melayu ini yang mana ra'ayat-nya terdiri dari berbagai<sup>2</sup> bangsa dan sekarang mereka maseh tebal lagi dalam tata negara asal-nya.

Saya berpaling pula kepada titah ucapan Seri Paduka Baginda berhubung dengan penipuan dan sekarang dalam masalah perbuatan penipuan dalam perniagaan bertambah banyak berlaku dalam negeri ini. Maka saya minta supaya Pasokan Menchegah Penipuan dalam Pasokan Polis di-Raja itu yang akan di-tubuhkan kelak akan mengambil tindakan ka-atas peraeh<sup>2</sup> yang membeli getah yang berkeliaran di-kampung<sup>2</sup> terutama sa-kali dalam negeri<sup>2</sup> yang banyak mengeluarkan hasil getah. Kita juga sudah mengetahui bilangan besar penghidupan ra'ayat di-kampung<sup>2</sup> khas-nya orang<sup>2</sup> Melayu dari pekebun<sup>2</sup> kechil getah, peraeh<sup>2</sup> itu menurut apa yang di-fahamkan kepada saya merayau<sup>2</sup> di-cherok dapor membeli getah, bukan sahaja getah yang baharu kering tetapi juga getah yang baharu di-pres. Tiga kesalahan yang saya nampak kepada peraeh<sup>2</sup> itu. Nombor satu membeli getah dan menyimpan-nya dengan ta' ada lesen. Nombor dua mereka menggunakan daching yang mungkin daching palsu. Yang ketiga di-samping meraeh getah, mereka juga menjual teket judi tikam ekor. Akibat-nya boleh melemahkan atau meng-kuborkan sharikat<sup>2</sup> kilang getah atau sharikat membekukan getah yang di-anjurkan oleh Kerajaan di-kampung<sup>2</sup> itu, tambahan pula orang<sup>2</sup> kampung tidak dapat harga getah yang di-tetapkan dan di-tolak dengan susut dengan tidak ada satu pedoman. Ini-lah satu gejala penghisap darah orang<sup>2</sup> Melayu di-kampung dan sayugia wajib di-hapuskan dan di-minta Kerajaan memandang perkara ini dengan berat dan chermat.

Dalam titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hujung

yang pertama telah menyatakan ia-itu akan menambahkan lagi pengeluaran negara kita supaya dapat meninggikan taraf hidup ra'ayat. Saya sangat mengalu<sup>2</sup>kan atas titah di-raja itu, tetapi saya hendak menggambarkan beberapa halangan atau rintangan yang di-terima oleh ra'ayat. Sa-bahagian yang saya hendak sebutkan itu ya'ani saya chuma hendak menarek perhatian dalam tujuan 'am pada penghidupan ra'ayat jelata daripada gulongan nelayan. Dalam hujungon khas ada menyebutkan bagi meninggikan lagi taraf hidup nelayan. Kerajaan menggalak menggunakan motor boat dan alat penangkap ikan yang modern. Ini termasuk juga bagi ikan darat di-Sungai Danau dan Kerajaan telah menchurahkan baka<sup>2</sup> ikan ditasek<sup>2</sup>, di-kolam dan juga di-mana kolam yang di-buat oleh ra'ayat. Tetapi apa kesulitan yang mereka alami pada masa sekarang ia-itu saya minta Kerajaan mengambil satu tindakan yang chergas dan berkesan bagi mereka yang membunuh ikan<sup>2</sup> darat itu dengan menggunakan rachun, tuba dan bom. Perkara ini saya pernah di-beritahu oleh ra'ayat di-kampung yang ada hubongan dengan ikan darat bahkan dalam sa-buah tasek yang Kerajaan sendiri telah menarok baka<sup>2</sup> ikan itu, tetapi malang-nya dalam tasek itu juga telah di-bom oleh orang yang tidak bertanggung jawab. Merachon dan ngebom ikan itu boleh membunuh ikan besar, ikan kechil, kemudian di-tinggal-nya ikan itu mati memuteh, ra'ayat di-kampung itu mengambil ikan yang mati. Kita khuatir orang yang mengambil ikan<sup>2</sup> itu akan mendapat berbagai<sup>2</sup> penyakit. Sa-kira-nya di-biarkan akan menyusahkan pada penghidupan ra'ayat yang bergantung mata pencharian-nya dalam hal ini, dan saya mengharapkan juga Kerajaan dapat mengemukakan pasaran ikan darat dengan di-selenggarakan oleh RIDA bagaimana membuat ikan kering dan ikan pekasam. Ini ada-lah menambah mata pencharian penghidupan ra'ayat dalam kampung dalam hal ehwal ikan ini.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchepak dalam hal kebersehan. Kebersehan dan kesihatan dalam kampung<sup>2</sup> atau lebeh terkenal dengan pendudok luar bandar apa yang telah

di-buat oleh Kerajaan ada-lah menekmati dan benar<sup>2</sup> memberi faedah, hanya saya hendak menarek perhatian Kerajaan dalam mengusahakan penduduk dalam Majlis Tempatan yang sa-banyak 293 buah dalam Persekutuan Tanah Melayu ia-itu keluaran peruntokan wang supaya dapat menambakkan tar<sup>2</sup> jalan raya dalam kawasan Majlis Tempatan. Menurut apa yang saya faham Majlis ini tidak ada wang yang menchukupi untuk berbuat demikian, dan selama itu-lah penduduk di-situ menerima penyeksaan habok tanah merah dalam musim panas, dan lichak jalannya waktu hujan yang akibat-nya itu juga boleh mendatangkan berbagai<sup>2</sup> penyakit.

Kedua, saya minta Kerajaan supaya mengadakan satu item peruntokan wang kerana menimba dan membersehan perigi dalam Majlis Tempatan dan perigi kampong yang di-luar bandar. Hal ini ra'ayat tidak berupaya hendak menimba perigi yang berbelas<sup>2</sup> kaki dalam-nya dan pernah meminta kerjasama Pejabat Kesihatan tetapi ta' dapat menunaikan kerana perigi itu konon-nya bukan di-buat oleh Pejabat Kesihatan. Semenjak kemajuan luar bandar dilancarkan di-antara projek<sup>2</sup> yang kecil, perigi-lah yang banyak beratus<sup>2</sup> telah kita adakan, maka usaha membersehan itu, saya mengharapkan supaya dapat Kerajaan memberi kerjasama-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak berchakap dalam masaalah luar negeri berkenaan dengan Algeria—sikit sahaja—ia-itu kita menyambut tuntutan ra'ayat Algeria akan selesai dengan sebab kebijaksanaan yang ditunjukkan oleh Kerajaan Perancis dengan Kerajaan Algeria Bebas. Tetapi yang saya kehendaki dan meminta supaya kita semua mengutok dengan keras-nya kepada Pertubuhan Tentera Sulit Eropah yang sa-bilangan ramai anggota-nya daripada orang Perancis. Mereka melakukan kekejaman. Sungguh pun Perjanjian telah terchapai, boleh di-katakan tiap<sup>2</sup> hari darah orang Islam di-Algeria mengaler. Ramai orang yang menjadi janda dan kanak<sup>2</sup> yang tidak berbapa dan orang yang meminta layanan perubatan. Maka telah sampai masa-nya bagi Kerajaan Persekutuan

Tanah Melayu memberi sumbangan, sama ada yang berupa wang atau pun mata benda kepada "tabong derma membantu perjuangan ra'ayat Algeria" itu, sumbangan telah di-beri oleh beberapa buah Kerajaan Negeri, dan UMNO Malaya sendiri yang berjumlah \$25,500.

Pada akhir-nya, saya hendak berchakap dalam usaha Rancangan Lima Tahun Yang Kedua. Kerajaan tidak sunyi daripada menerima berbagai<sup>2</sup> halangan; dari rancangan yang pesat di-laksanakan sekarang ia-lah Kelas Dewasa. Saya minta Kerajaan mengambil perhatian yang penoh berhubung dengan satu berita dalam Surat Khabar Utusan Melayu yang bertarikh 25 hari-bulan April, 1962. Kepala berita-nya mengatakan: "Motokar guru Kelas Dewasa di-bakar. Orang ramai mendengar sharahan gempar. Polis sedang menyiasat". Kejadian ini, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bacha sedikit lagi untuk memberi berita yang penoh apa yang telah saya chakapkan ini—"Polis Kelantan sedang menyiasat satu kejadian membakar motokar kepunya<sup>2</sup> sa-orang guru Kelas Dewasa. Kejadian tersebut berlaku sa-malam sedang orang ramai berhimpun mendengar sharahan dan penerangan mengenai Rancangan Kelas Dewasa di-Kampong Limau Hantu, Daerah Tanah Merah....." Rupanya usaha yang baik ini ada penghalang. Jadi yang saya maksudkan supaya Kerajaan bertindak dengan tegas betul<sup>2</sup> bagi menghukum orang yang menjadi penghalang ini. Mudah<sup>2</sup>an kejadian yang sa-umpama ini tidak akan berlaku kepada negeri Kelantan dan juga kepada negeri<sup>2</sup> yang lain. Ini baharu usaha Kelas Dewasa. Kita hendak-lah mengambil tindakan yang tegas, kerana kalau ada berbagai<sup>2</sup> rancangan yang memberi faedah kepada ra'ayat kelak, mereka akan di-buat sa-umpama itu. Sa-takat itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kaseh.

**Puan Hajjah Zain binti Sulaiman (Pontian Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, untok masa ini jadi-lah bagi saya memberi pandangan dan mengalu<sup>2</sup>kan Titah Uchapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari sa-malam. Perkara<sup>2</sup> yang saya hendak chakapkan ini tidak sedikit pun menyentoh apa

yang sudah di-chakapkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi. Perkara-nya dalam Titah Baginda ia-lah:

“Pembangunan perusahaan ada-lah juga menjadi satu daripada asas bagi mengatasi masaalah memperbanyakkan jenis<sup>2</sup> ekonomi negeri ini dan juga bagi meninggikan pengeluaran negara kita, dan dengan kerana itu Kerajaan Beta akan melanjutkan pertolongan<sup>2</sup> yang mustahak kepada perusahaan persendirian dengan memberi galakan supaya memperluaskan lagi asas<sup>2</sup> perusahaan negara”.

Dan juga di-bawah-nya:

“Satu ulangkaji sedang di-jalankan mengenai dasar pembangunan perusahaan yang ada sekarang ini. Satu penyiasatan “barang keluaran” ada-lah sedang di-selenggarakan untuk menyiapkan satu senarai yang lengkap mengenai perusahaan<sup>2</sup> yang boleh di-tubuhkan dengan serta merta dan yang boleh memberi keuntungan”.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara mengeluarkan barang<sup>2</sup> perusahaan dalam negeri kita ini ada satu perkara atau barang<sup>2</sup> yang mesti tidak boleh tidak di-gunakan oleh tiap<sup>2</sup> orang yang hidup dalam negeri ini ia-itu pakaian. Di-sini nampak-nya sangat kurang perusahaan pakaian di-tubuhkan oleh Kerajaan sendiri supaya perusahaan itu lebeh<sup>2</sup> giat di-jalankan dan usaha itu hingga memberi kesan dan untuk menyenangkan penduduk dalam negeri ini tentang pakaian. Sebab, sa-bagaimana yang telah di-katakan tadi, bilangan wanita lebeh banyak daripada laki<sup>2</sup>, Kerajaan hendak-lah membuat perusahaan<sup>2</sup> benang dan tempat menenun kain baju dengan banyak supaya wanita kita yang tidak ada pekerjaan atau menganggor terutama janda<sup>2</sup> yang susah dan miskin itu di-kumpulkan dan di-ajar mereka membuat benang dan menenun kain supaya segala jenis kain yang masok dari luar negeri itu yang mengayakan orang luar negeri dan kita di-sini mengeluarkan wang, biar-lah bergiler pula ia-itu kita sendiri membuat kain<sup>2</sup> itu. Apabila wanita itu sudah pandai bekerja, maka barang<sup>2</sup> itu boleh pula di-jual ka-luar negeri. Saya minta perkara ini di-lekaskan sadikit.

Satu lagi berkenaan dengan perusahaan ini. Banyak betul pemuda<sup>2</sup> kita yang menganggor walau pun Kerajaan kita ada menghantar mereka belajar dalam hal perusahaan ka-luar negeri. Tetapi yang saya inginkan biar-lah pemuda kita ini bekerja sa-chara pemuda yang gagah berani, tolong-lah buat

tempat supaya pemuda yang tidak ada kerja itu di-lateh dan di-ajar mereka membuat basikal dan motosikal sebab bahan membuat kenderaan ini banyak dalam negeri kita ini, supaya pada suatu masa kelak apabila di-adakan Grand Prix saperti yang di-adakan di-Singapura itu, ada motosikal keluaran dari Malaya sendiri menang, dan juga membuat radio yang kechil sa-kira-nya tidak boleh buat yang besar. Tolong-lah ambil orang yang pandai dari Jepun atau mana<sup>2</sup> negeri yang bagus membuat radio dan motosikal untok mengajar pemuda<sup>2</sup> dan pemudi<sup>2</sup> kita membuat-nya supaya tidak-lah barang<sup>2</sup> yang kechil itu pun mesti datang dari luar negeri.

Perusahaan<sup>2</sup> yang macham ini patut-lah di-tegaskan oleh Kerajaan dan ditugaskan supaya orang yang banyak wang itu dapat mengusahakan membuka share atau bekerjasama asalkan perusahaan sa-umpama ini di-berikan betul<sup>2</sup> kepada orang ramai untok mengusahakan.

Lagi satu perkara barang<sup>2</sup> yang boleh di-usahakan, kalau-lah kita datangkan guru<sup>2</sup> daripada luar negeri yang pandai<sup>2</sup> sa-bagai ganti menghantar anak<sup>2</sup> kita keluar negeri yang memakan belanja yang banyak itu ia-itu mengajar membuat typewriter; banyak betul typewriter dalam negeri ini di-datangkan dari luar negeri. Kalau pemuda pemudi kita di-ajar membuat typewriter tentu-lah Kerajaan kita tidak lagi membeli banyak sangat typewriter dari luar negeri.

Sekarang nampak-nya typewriter sudah menggantikan pencil atau kalam dan pekerja<sup>2</sup> typist makin banyak. Pekerjaan menaip ini banyak di-lakukan oleh wanita<sup>2</sup>. Pekerjaan typist ini patut di-berikan kepada pemudi<sup>2</sup> sahaja kerana kerja ini mudah sangat dan pemuda<sup>2</sup> kita jangan lagi di-berikan pekerjaan ini tetapi di-naikkan semangat-nya (*Ketawa*) di-ajar mereka membuat kapal terbang, meriam dan lain<sup>2</sup>. Saya perchaya lelaki yang bekerja saperti ini tidak akan lembik dan lembab lagi, sekian.

**Enche' Liu Yoong Peng (Rawang):**  
Mr. Speaker, Sir, with regard to this motion to praise the King's Speech, I note that the Government at least have now come to realise the precarious

position in the price of natural rubber and the importance of diversification in the agricultural economy of our country. From the point of view of "better late than never, and better to have at least something than to have nothing at all," at least this is an improvement on the part of the Government from the past years. But I still think that the endeavour of the Government towards diversification in rural economy is not launched on a scale which would actually be required to uplift our economy sufficiently. Although the Government says that it is starting the new planting of manila hemp, coconuts and oil palm, I think there are more products than these few things which can be launched on a wide scale by the Government. Therefore, Mr. Speaker, Sir, more research should be done by the Government to explore the possibilities of planting more of the agricultural products on a wider scale. Even with these three products which the Government already had in mind, the scale that has been started—if they have ever started at all up till now—is still a very meagre one, and therefore steps must be taken to speed up the planting of these products, especially coconuts and oil palm.

With regard to the rural development plan of the Government, we know that the Government is aware of the need to have more products in the agricultural and rural areas. We also know that the Government has been conscious of building roads, bridges, and so on, with whatever means they may have at hand. But I think this method of approach of the Government in the development of the rural economy of our country is a bit topsy-turvy in the sense that what is most important is not what is being done in the form of construction or production in the rural areas however much that may be desirable for our country, but what is of fundamental importance is the economic structure of the marketing system of the rural areas.

I regret to note that in the King's Speech the Government has not given enough emphasis on the importance of the co-operatives in our country. But I am happy to note that, in fact, some of the backbenchers in the Government, on the Alliance side, do realise that this is

not a happy state of affairs. For instance, in the speech of the Member for Muar Utara, he said that the leeches are sucking the blood of the kampong people. This is very true indeed, for the more the Government can build better roads for the kampong people the better can these leeches suck the blood of the kampong people. Of course, Sir, by this I do not mean that new or better roads should not be built. But that is not the point. The point is that as long as the economical basis of the market system of a country remains as it is under the so highly praised method of free enterprise as suggested by the Member for Larut Selatan, then it will be very difficult for us to protect our poor kampong people. As was shown by the leader of the P.M.I.P., chillies could be thrown into the river. Although they have been able to plant chillies with good results, without proper protection for our markets the rural people would suffer tremendously however well they may increase their productive capacity and however well they can get the products to the markets, if the markets are not conceived to accept those products at a price, or indeed if they did ever give a price for those products at all. Therefore, Sir, the most important thing for the Government at the moment is to protect the farmers by protecting the co-operative movement that has been launched, or if through good protection it will be launched in the future, by guaranteeing that these co-operative societies would be in a position to purchase the products of the kampong people and at a fair price, and also by guaranteeing that these products can be channelled into the markets at home and abroad or into the industries that may be set up for this purpose. I think that unless and until the Government sees fit to start rural development on that basis, no amount of construction work and production efficiency would be able to uplift the wellbeing of the kampong people in our country. As the time is up (*Laughter*) and as for other topics we have other Members from our side to speak on them, I will leave it as it is. Thank you.

**Mr. Speaker:** The meeting is suspended till half-past four this afternoon.

*Sitting suspended at 1.00 p.m.*

*Sitting resumed at 4.30 p.m.*

*(Mr. Speaker in the Chair)*

## THE YANG DI-PERTUAN AGONG'S SPEECH

### Address of Thanks

Debate resumed.

Question again proposed.

**Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok):** Tuan Yang di-Pertua, chadangan dari Yang Berhormat daripada Larut Selatan supaya menyampaikan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ucapan shukur dan terima kaseh ada-lah satu chadangan yang biasa di-gunakan bagi membahatkan dasar dan bentuk kerajaan di-dalam ucapan itu sendiri. Di-dalam ucapan Kebawah Duli itu bagaimana dapat kita lihat telah mengulangkan perkara<sup>2</sup> yang telah pun di-sampaikan kepada Dewan ini dari masa ka-samasa oleh Kerajaan. Ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah menjadi kehairanan bagi kita. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa masalah yang menjadi dasar bagi Kerajaan Persekutuan ini yang saya fikir patut menjadi perbahathan bagi persidangan Dewan ini. Duli Yang Maha Mulia telah menyebutkan soal belanjawan yang bersangkutan di-dalam hal<sup>2</sup> bagi membentok kesatuan ra'ayat di-dalam negeri kita yang merdeka ini, dan apa yang akan di-buat oleh Kerajaan. Apabila Duli Yang Maha Mulia menyebut bagi dasar Kerajaan akan hal yang bersangkutan dengan University Kebangsaan maka ada-lah yang menjadi fikiran kepada saya bahawa soal yang patut juga di-fikirkan yang pada masa ini pada pendapat saya ia-lah Baginda telah meninggalkan ucapan berkenaan dengan pelajaran<sup>2</sup> yang bersangkutan dengan pelajaran tinggi Islam dalam negeri ini. Pada satu masa dahulu, Tuan Yang di-Pertua, sa-orang pegawai yang agak kanan di-dalam Kementerian Pelajaran telah, di-sebabkan oleh kesilapan atau ketelanjoran atau sama ada dengan usaha-nya memaksudkan demikian, membuat kenyataan bahawa Kerajaan Persekutuan akan membangunkan sa-buah University Islam di-Persekutuan ini. Menteri Pelajaran baharu masuk sa-bentar ini tentu-lah akan dapat

peluang bagi menetapkan atau menapi-kan apa yang di-katakan oleh pegawai-nya itu. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bagi saya bukan-lah soal penubohan atau penapian itu patut di-persoalkan. Tetapi sama ada menjadi dasar Kerajaan Persekutuan hendak meninggalkan pelajaran agama Islam di-dalam Persekutuan ini atau Kerajaan Persekutuan telah memandang bahawa telah chukup dengan aliran<sup>2</sup> yang ada ini. Persekutuan Tanah Melayu ini adalah hendak membentok satu bangsa yang bermutu tinggi yang bernilai maka pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak-lah chukup samata<sup>2</sup> memandang kechil soal pelajaran Islam di-negeri ini, soal memenohkan tuntutan kehendak<sup>2</sup> pengajaran Islam, tetapi hendak-lah menjadikan bahawa pengajian Islam yang tinggi itu menjadi sumber bagi pengetahuan hidup dan kebijaksanaan hidup dalam negeri ini.

Bagi saya amat-lah molek-nya jika Menteri Yang Berhormat menubuhkan apa yang telah di-katakan oleh pegawai-nya itu, sa-buah University Islam bagi Persekutuan. Ini ada-lah satu perkara yang di-idam<sup>2</sup>kan oleh ra'ayat negeri ini. Sungguh pun hal ini satu hal yang agak besar tetapi oleh kerana kita berada di-dalam zaman pembangunan dan kita berada dalam zaman hendak membentok musharakat pada masa yang akan datang maka langkah ini ada-lah langkah yang besar. Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-buah College Islam telah ada di-Kelang dan baharu<sup>2</sup> ini kita telah melihat di-dalam anggaran belanjawan sedang di-uruskan dalam Dewan ini sa-bahagian besar daripada belanja<sup>2</sup> yang telah di-untokkan di-dalam hal College Islam menjadi sa-bahagian belanja Pengajian Islam di-University Malaya maka saya fahamkan bahawa maseh menjadi kewajipan bagi Kerajaan Persekutuan supaya melaksanakan apa yang di-katakan oleh Menteri Pelajaran bahawa pelajaran Islam itu amat dekat dengan hati-nya. Kalau dalam Dewan ini mendekati sa-suatu kepada hati tidak-lah chukup dengan menyebutkan ucapan<sup>2</sup> dan sa-bagai-nya, tetapi hendak-lah di-buktikan.

Tuan Yang di-Pertua, hal ini saya harap supaya mendapat perhatian yang



baik, sebab, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu pada masa ini guru<sup>2</sup> yang akan mengajar di-sekolah<sup>2</sup> kebangsaan di-peringkat menengah ada-lah berhajat pengajaran<sup>2</sup> yang tinggi dan bagi membolehkan mereka itu mendapatkan taraf yang demikian kerja meninggikan taraf College Islam menjadi sa-buah University Islam ada-lah satu perkara yang kita tidak dapat lari daripada-nya. Sunggoh pun, Tuan Yang di-Pertua, Persekutuan Tanah Melayu ini ada-lah sa-buah negeri yang mempunyai anak<sup>2</sup>-nya yang pergi belajar ka-luar negeri dan menghadapi kesusahan, tetapi apabila negeri ini telah merdeka tidak-lah boleh kita meletakkan pergantungan bagi meletakkan pelajaran anak negeri ini semata<sup>2</sup> kepada apa yang di-ajarkan oleh apa yang di-keluarkan oleh University<sup>2</sup> luar negeri seperti Indonesia, Mesir, India dan Pakistan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pelajaran ini juga di-antara perkara<sup>2</sup> yang sudah di-dasarkan oleh Kerajaan ia-lah memberi pelajaran perchuma kepada pelajaran rendah, tetapi kita tahu bahawa dalam pelajaran rendah ini beberapa soal yang sulit telah timbul. Saya telah bertanya satu soal berkenaan dengan kedudukan pelajar<sup>2</sup> Melayu yang telah mundur dalam peperiksaan baharu<sup>2</sup> ini dan meminta supaya Kerajaan menyatakan langkah<sup>2</sup> yang di-buat oleh Kerajaan bagi membetulkan kanak<sup>2</sup> Melayu. Alham du lillah dengan kebaikan hati Yang Berhormat Menteri Pelajaran, jawapan yang saya terima bahawa shor<sup>2</sup> itu telah di-dapati dan dia tengah menjalankan tindakan, tetapi tidak-lah di-butirkan di-situ walau pun saya telah tanya dengan tepat, apa-kah langkah yang sa-benar-nya yang telah di-buat oleh Kerajaan dalam lapangan ini. Satu daripada chara yang di-jalankan dalam sekolah masa ini ia-lah bahawa murid<sup>2</sup> itu pada tahun yang kelima dalam masa pelajaran ini, di-klas<sup>2</sup>kan kepada a, b dan c. Meng-klas<sup>2</sup>kan murid<sup>2</sup> ia-lah dengan tujuan supaya kita memberi pengajaran yang baik kepada orang yang baik dan memberi pengajaran yang kurang baik kepada orang yang kurang baik, dan boleh jadi memberi pelajaran yang ta' chukop kepada orang yang ta' chukop. Lojik yang di-buat atas dasar ini boleh

jadi sa-kali lalu, sa-pintas lalu dalam Majlis ini yang baik di-beri pelajaran yang baik, yang ta' baik di-beri pelajaran yang ta' baik, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa-lah nasib manusia yang sudah-lah ia mempunyai otak yang sederhana, maka ia di-ketepikan sahingga apabila sa-orang murid yang telah di-ayakkan dan di-buang di-hantar kepada b dan c lagi awal<sup>2</sup> sudah di-jawab bahawa ia tidak lagi boleh masuk sekolah tinggi. Dalam sa-buah sekolah akan di-ujudkan klas<sup>2</sup> a, b, c dan akan di-tumpukan guru<sup>2</sup> yang pandai kepada klas a. Ada pun klas c oleh kerana ia telah menerima guru yang second hand yang mengajar alakadar sahaja. Tuan Yang di-Pertua, sedangkan guru yang baik sa-kali pun tidak dapat sempurna mengajar murid yang tidak baik, apa lagi guru yang tidak baik. Maka hal<sup>2</sup> seperti ini patut-lah di-pandang dan di-timbangkan sa-mula oleh Kementerian Pelajaran supaya di-jadikan asas bahawa dalam negeri ini bukan pelajaran pilihan—pelajaran memilih orang—yang hendak di-lakukan, tetapi biar-lah ada dasar pelajaran yang merata yang akan membolehkan memberi satu taraf average yang sederhana bagi ra'ayat yang pengetahuan-nya berguna kepada ra'ayat pada masa akan datang.

Saya tidak-lah mustahak memper-katakan soal ini dari segi falsafah pendedekan, sebab soal ini ada-lah satu soal yang menjadi perbincangan. Ada kala-nya di-beri peluang bagi orang yang belum kembang kemahuan dan peribadi pengetahuan-nya itu membetulkan diri hingga ia akan menjadi orang yang baik dalam pelajaran pada akhir-nya. Soal ini, Tuan Yang di-Pertua, hendak-lah di-timbangkan oleh Kementerian Pelajaran supaya jangan-lah terinyaya nasib orang<sup>2</sup> kita kampung yang dari klas satu sampai lima ia tidak mempunyai guru yang kurang baik, maka anak-nya di-hantar ka-klas c dan akhir-nya ia tidak dapat membetulkan nasib-nya. Akan tinggal-lah orang<sup>2</sup> yang di-bandar akan dapat membetulkan diri-nya sedangkan orang yang di-kampung akan tertinggal. Soal ini agak saya ada-lah bersangkutan-paut dengan kedudukan pelajaran yang ada menyatakan hasil kemundoran, sebab, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat

walau pun Kementerian kita telah berbangga benar dengan kejayaan dalam pelajaran, tetapi kita dapat lihat di-beberapa buah sekolah menengah yang hal ini maseh lagi amat mendukachitakan oleh kerana hasil pepereksaan sama ada Sijil Pelajaran Persekutuan atau pun Sijil Cambridge Sa-berang Laut belum lagi merupakan perkembangan yang baik. Hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap supaya dapat di-kaji sa-mula dasar<sup>2</sup> yang telah menjadi kelemahan<sup>2</sup> yang zahir-nya dalam Kementerian Pelajaran.

Satu daripada perkara yang saya fikir patut juga di-perhatikan lagi yang telah juga di-sebutkan dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ia-lah berkenaan dengan kemajuan orang<sup>2</sup> Melayu dan sa-bagai-nya. Galakkan yang di-katakan oleh Kerajaan telah di-bahathkan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat daripada sana dan saya menyokong pandangan-nya ia-itu maseh banyak langkah<sup>2</sup> yang boleh di-buat oleh Kerajaan supaya mempersungguhkan langkah<sup>2</sup> bagi membela dan menaikkan taraf ekonomi bagi orang<sup>2</sup> Melayu dalam negeri ini terutama dalam perniagaan dan perdagangan. Perkara ini telah banyak kali saya perkatakan dalam Dewan ini. Kita tahu soal membiarkan orang<sup>2</sup> Melayu terdedah kepada perlumba<sup>2</sup> perdagangan dan perniagaan dalam negeri ini akan mengakibatkan bahawa mereka ini akan kalah. Ta' usah-lah di-katakan bahawa dalam perniagaan Kerajaan ta' boleh buat apa<sup>2</sup> sebab ada perkara<sup>2</sup> yang Kerajaan telah pun champor tangan sa-hingga dalam perusahaan telah di-nyatakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa sa-kira-nya dalam perusahaan itu nyata bahawa pehak<sup>2</sup> peniaga ber-sendirian tidak sanggup atau tidak mahu menjalankan langkah yang di-fikirkan mustahak dalam perniagaan dan sa-bagai-nya, maka Kerajaan akan meng-ambil langkah permulaan dalam perkara ini. Kalau ini satu perkara yang benar<sup>2</sup> hendak di-lakukan, maka la-pangan yang besar ia-lah menjadikan sa-tengah daripada penduduk Persekutuan Tanah Melayu ini ia-itu yang berbangsa Melayu menjadi orang<sup>2</sup> yang sama active—yang chergas dalam per-

niagaan dan perdagangan sa-hingga mereka ini dapat dalam masa yang akan datang membuktikan kebolehan mereka bagi memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negeri ini.

Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, soal tipu-menipu dalam perniagaan dan kita tahu bahawa tipu-menipu akan bertambah burok sa-kira-nya di-lakukan di-antara satu gulongan yang telah keras dan sudah kuat dalam perniagaan terhadap satu gulongan yang baharu dapat. Maka ini-lah kawalan yang di-kehendaki.

Saya ambil satu chontoh, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam masharakat perniagaan ini saperti masharakat jual beli tukang emas. Dalam negeri ini ada tukang<sup>2</sup> emas yang waktu dia menjual emas dia menimbang emas itu dan waktu dia membeli emas dia juga menimbang emas itu. Kalau di-tulis 3 mayam, maka tidak ada galangan ia menimbang 2½ mayam, kalau di-tulis 4 mayam, maka tidak ada galangan yang di-beri-nya itu 3 mayam. Sa-orang tukang emas Melayu telah menyatakan dengan terang-nya bahawa ini-lah amalan yang telah di-lakukan oleh tukang<sup>2</sup> emas dalam negeri ini. Saya suka supaya Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mewujudkan satu chara pengawalan (control) dalam hal ini sa-hingga boleh perkawalan di-lakukan supaya tidak ada lagi berlaku dalam negeri ini tipu menipu yang berlebehan, terutama kepada orang kampung yang tidak mengerti asal usul dalam perniagaan ini. Tuan Yang di-Pertua, hal ini saya perchaya akan dapat di-perhatikan oleh Kerajaan sa-kira-nya Kerajaan dapat mengadakan tempat<sup>2</sup> atau pusat<sup>2</sup> yang memerhatikan hal ini di-bandar<sup>2</sup> yang besar dalam Persekutuan Tanah Melayu ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Teramat Mulia Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu telah menyatakan tadi bahawa di-dalam perkara askar<sup>2</sup> kita di-Congo kata-nya, kita akan mengikut apa yang di-anjorkan oleh Pertubohan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu. Waktu membuat soalan itu, saya memang-lah bertujuan hendakkan jawab-nya supaya dapat saya bahathkan dalam Uchapan ini pada hari ini. Kalau Persekutuan Tanah Melayu hendak menjadi sa-buah negeri

yang mendokong tuntutan<sup>2</sup> nternational sa-bagai hendak menjadi jagoh semua sa-kali, maka akan berat-lah beban kita. Kita tahu ada keadaan<sup>2</sup> di-dalam negeri itu yang memerlukan pertolongan sa-bagai sa-chara pengu-batan, tetapi ada keadaan<sup>2</sup> yang memerlukan pertolongan kerana orang itu meminta pertolongan dan ada keadaan<sup>2</sup> orang yang meminta pertolongan itu nampak-nya perlu di-tolong, tetapi pada hakikat-nya tidak-lah begitu berat. Kita telah membacha surat khabar dan mendengar apa yang di-terangkan oleh radio dan sa-bagai-nya berbanding dengan apa yang telah berlaku pada awal<sup>2</sup> askar<sup>2</sup> kita di-hantar ka-sana dahulu. Nyata-lah bagi kita bahawa hal itu telah berkurangan dan tenang.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ada-lah menjadi kewajipan bagi Kerajaan Persekutuan menuntut supaya Bangsa<sup>2</sup> Bersatu dapat menimbangkan sa-mula kedudukan Pasokan Tentera Bersenjata Persekutuan Tanah Melayu di-Congo itu, dan supaya di-benarkan mereka itu balek ka-negeri-nya.

Tuan Yang di-Pertua, waktu askar<sup>2</sup> kita pergi ka-Congo, tujuan kita yang besar ia-lah hendak menjaga keamanan dan perjalanan undang<sup>2</sup> dalam negeri itu, dan sekarang ini apabila telah reda pertarongan di-antara orang Congo dengan orang Congo, maka soal yang besar sekarang ini telah selesai. Soal membentok diri bagi mereka itu dan soal hendak menjaga supaya jangan bergaduh lagi di-antara dia sama dia tidak-lah dapat di-perbebankan ka-atas sa-buah Kerajaan saperti Persekutuan Tanah Melayu yang amat berhajat menjaga diri-nya.

Dasar yang baharu di-buat oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang di-istiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ia-itu kita hendak membesarkan tentera kita supaya dapat kita menjaga kawalan pertahanan dari luar dan sa-bagai-nya. Semua-nya ini ia-lah dasar<sup>2</sup> yang menunjukkan bahawa kita pentingkan kepada kawalan yang rapi dalam negeri kita ini. Kita telah tahu baharu<sup>2</sup> ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Yang Teramat Mulia Perdana

Menteri telah menyebut<sup>2</sup> hendak menutup Tambak Johor dan sa-bagai-nya. Dan sekarang ini apabila hendak di-adakan Malaysia—saya telah mula merasa sa-olah<sup>2</sup> yang kita hendak bersiap kalau<sup>2</sup> berperang, ia-itu telah mula menjaga sempadan dan sa-bagai-nya. Oleh kerana kekhuatiran telah nampak dalam keadaan ini elok-lah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengkhabarkan kepada Pertubohan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu walau pun memang benar kami mendokong Pertubohan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, tetapi yang menjadi soal ia-lah kami satu Kerajaan yang muda, maka biar-lah kami chuba menarek balek tentera<sup>2</sup> kami supaya dapat menjaga negeri kami sendiri. Ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah sa-suai dengan kedudukan kita, sebab negeri<sup>2</sup> yang besar yang mempunyai tentera yang banyak boleh mempertahankan keamanan di-Congo. Dan askar kita jika hendak pergi ka-Congo pun, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah susah sa-kira-nya ada perkara yang memustahakan tentera Persekutuan Tanah Melayu. Askar<sup>2</sup> kita boleh naik kapal terbang, dan tidak-lah orang Congo itu di-sembeleh dalam masa yang sengkat hingga tidak sempat kita memberi pertolongan, kerana dunia yang moden ini mempunyai jet dan sa-bagai-nya. Saya fikir elok-lah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu memikirkan perkara ini, dan dasar Kerajaan untok bertegang dalam perkara ini ada-lah sa-mata<sup>2</sup> dasar yang tidak memikirkan kepentingan negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya amat sukachita—walau pun Yang Berhormat dari Johor Tenggara pada satu masa dahulu mengatakan tidak usah-lah kita besarkan tentera kita—kerana pada hari ini ada pengistiharan dalam Kementerian Pertahanan pasokan tentera hendak di-besarkan supaya boleh menjaga kawasan<sup>2</sup> sempadan Persekutuan Tanah Melayu. Ini ada-lah satu langkah yang bijaksana dan sa-suai dengan perkembangan negeri kita sa-bagai sa-buah negeri yang merdeka, tetapi jangan-lah persediaan itu sampai nampak orang yang kita hendak berperang sangat, sebab hal itu merapatkan kita dengan bahaya yang tidak kita ingini.

Satu daripada perkara yang saya suka membahathkan di-sini dalam dasar yang di-buat oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang di-istiharkan oleh ka-Bawah Duli Yang Maha Mulia ia-lah berkenaan dengan ujian nuclear. Nam-pak saya, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada masa ini berpandangan—entah bagaimana keputusan-nya saya pun tidak tahu—bahawa ujian nuclear itu di-buat elok-lah, tetapi biar-lah di-kawal oleh badan antara bangsa. Ini di-nyatakan dalam Uchapan yang di-istiharkan oleh Seri Paduka Baginda. Pada pendapat saya, Tuan yang di-Pertua, lebeh baik Kerajaan Perseku-tuan Tanah Melayu ini meminta supaya di-berhentikan sahaja ujian<sup>2</sup> nuclear ini daripada menyetujui di-adakan ujian<sup>2</sup> nuclear dalam dunia ini dengan di-kawal oleh badan antara bangsa, sebab per-kataan “di-kawal oleh badan antara bangsa” itu kosong dari segi kenake-lieran (nuclear) sa-sabuah negeri. Ke-rana orang yang membuat ujian nuclear ini tidak pula takut sangat kapada badan antara bangsa kalau di-bolehkan lagi dia membuat ujian hari ini, besok, lusa dan kemudian-nya, maka akan berpanjangan, dia akan dapat-lah menyaksikan kejayaan nuclear-nya sendiri. Kalau dia telah sanggup mengadakan ujian itu di-satu tempat yang di-kawal oleh badan antara bangsa, dan di-lihat-nya, senjata-nya lebeh besar dan lebeh kuat daripada puak yang lain, apa-lah yang hendak di-takutkan-nya dengan kawalan itu. Awak kawal kata-nya, saya akan letupkan lagi. Akhir-nya badan antara bangsa yang jadi penga-wal itu tidak dapat mengawal-nya lagi, pada masa itu apa akan jadi? Pada fikiran saya perkara ini patut di-fikirkan oleh Persekutuan Tanah Melayu dan turut mempelupori-nya lagi dalam Pertubohan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu meminta supaya ujian nuclear itu biar-lah di-berhentikan. Hujah<sup>2</sup> yang memi-irkan bahawa perkembangan nuclear dalam negeri<sup>2</sup> itu akan pada satu masa besok dapat di-tukar kapada perkem-bangan<sup>2</sup> kebajikan, hujah<sup>2</sup> ini akan memakan mangsa yang banyak dalam dunia ini. Jadi hal ini walau pun kita tidak ada nuclear dan tidak pula ber-chadang hendak meletupkan-nya dan kita pun orang kecil yang patut takut kapada perkara yang saperti ini, saya

rasa sudah tepat bagi Persekutuan Tanah Melayu menegaskan dasar-nya dalam Pertubohan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, dan merayu kapada Pertubohan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, terutama kapada bangsa<sup>2</sup> yang besar supaya menginsafi keadaan yang mereka ada di-dalam-nya dalam per-kembangan nuclear ini. Jadi saya tidak bersetuju sama sa-kali dengan dasar yang di-buat oleh Kerajaan yang hendak meletakkan perhubungan (test) nuclear di-bawah kawalan badan antara bangsa, sebab ini akan membuka dan men-dedahkan perkembangan nuclear itu dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, dunia telah menjadi sempit; walau pun kita berfikir perkara itu kecil pada diri kita akan menentukan-nya tetapi bagi keselamatan kita ini-lah saya minta supaya Kerajaan memikirkan semula perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal Irian Barat pula Kerajaan Tanah Melayu saya minta berfikir semula. Dia kata “bagus-lah sudah selesai tidak ada apa<sup>2</sup> lagi.” Jadi, dia menunggu apabila sudah selesaikan orang itu kata-nya bagus-lah tetapi apabila belum selesai kedudukan itu kita berdo'a sahaja-lah. Jadi, ini yang menjadi soal, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu menegaskan kedudukan itu terlebeh dahulu. Jadi, dia tunggu macham dia hendak masuk main bola akhir-nya seri, bagus-lah. Perbuatan yang sa-macham ini saya rasa tidak-lah baik, mengelat, ya'ani tunggu hasil-nya, kemudian baharu di-keluarkan. Saya fikir chara ini tidak sunggoh<sup>2</sup> sa-kadar dia di-letakkan hitam puteh dalam segala perkara. Ada perkara yang ber-laku sesuai dengan dasar Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu maka ke-dudukan Persekutuan Tanah Melayu di-dalam perkara sa-macham ini— sa-perti soal menentang penjajah, soal pemerasan dan penindasan, jangan tunggu<sup>2</sup> sampai sudah chukup mem-bunyikan whistle akhir baharu kita mahu masuk sa-belah mana. Biar kita masuk serta baik pun yang kalah tetapi benar. Tuan Yang di-Pertua, kekuatan moral di-dalam pertarongan dunia mesti ada bagi satu bangsa yang sudah meng-alahkan dan menentang penjajahan. Jadi, perkara ini hendak-lah di-fikirkan oleh Kerajaan Persekutuan T a n a h Melayu terutama dalam perkara<sup>2</sup> per-

kembangan international yang bersangkut-an dengan membebaskan negeri<sup>2</sup> yang dahulu-nya di-perintah oleh orang<sup>2</sup> lain seperti Irian Barat.

Saya bersetuju dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu bahawa kita pun hendak-lah menunjokkan ketegasan kita dalam perkara Tibet. Kita tidak mahu orang kuminis mengachau sebab negeri itu biar-lah di-beri kebebasan sendiri; tetapi ia bermaharaja lela bukan sahaja di-negeri Tibet tetapi negeri<sup>2</sup> lain pun begitu juga. Maka supaya dapat nampak orang dasar yang di-timbulkan atas keberanian moral politik international hendak-lah Kerajaan bertegas menyokong Indonesia dalam soal Irian Barat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-nya saya hendak menyebutkan dalam persidangan ini ia-lah hal bersangkutan dengan pentadbiran negeri ini yang telah dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya hendak menyebutkan ini ia-lah soal ke'adilan, soal ini ada-lah dekat<sup>2</sup> dengan kita, tidak jauh—ke'adilan di-dalam memerintah negeri ini. Mahkamah negeri ini berdasarkan kapada ke'adilan dan Kerajaan negeri ini pun saya rasa patut berdasarkan kapada ke'adilan dan itu sudah pun di-ishtiarkan oleh Kerajaan. Saya hendak menengok keadaan yang demikian adakah berjalan dasar ke'adilan itu di-dalam pemerintahan negeri ini terutama dalam perkara yang berkaitan dengan perkembangan politik di-dalam negeri Trengganu. Dahulu PAS memerintah negeri Trengganu dan sekarang Perikatan. Itu tidak-lah menjadi soal kapada saya tetapi yang menjadi soal ia-lah apabila datang pertukaran pemerintahan maka ranchangan luar bandar di-adakan, bagus-lah itu, ranchangan raksaksa, pembangunan raksaksa semua-nya raksaksa (*Ketawa*). Dahulu-nya di-negeri Trengganu orang-nya itu juga dan ranchangan pun itu juga. Kalau dia hendak membuat jambatan, dalam negeri itu tidak ada hubungan-nya dengan Kerajaan PAS; tidak ada apa fasal, saya ada bokti yang Kerajaan ini boleh jadi belum mahu membuat ranchangan<sup>2</sup> jambatan masa PAS merentah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, boleh ditunjokkan ranchangan raksaksa itu belum ada. Jadi, ini ada-lah satu chara

yang tidak sesuai kapada ke'adilan, ada-lah satu chara yang berlawanan dengan kepentingan negeri ini. Ini ada-lah chara yang menjatuhkan demokrasi. Demokrasi negeri ini ada-lah mengatakan boleh berbedza Kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu; tetapi apabila di-berikan amalan-nya, apabila berbedza ah..... tekan-lah sa-hingga, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tergamak mengatakan dalam surat khabar; saya tidak dengar dia mengatakan di-dalam suatu sharahan-nya di-Trengganu, "kalau dalam pilihan raya nanti orang tidak memilih Perikatan maka akan payah-lah Kerajaan hendak memberi bantuan kapada kawasan<sup>2</sup> Kuala Trengganu." Jadi, dengan di-gambarkan itu pada hal Kerajaan negeri itu sudah di-kuasai oleh Perikatan; tetapi, "jika tuan<sup>2</sup> berkehendakkan parti lain juga, kalau tuan tidak hendak memilih Perikatan, kami tidak dapat menegah (*Ketawa*). Kami, Majlis Bandaran ada-lah Kerajaan Perikatan, kalau tidak pilih kami, ini harus-lah tuan<sup>2</sup> raksaksa itu tidak akan datang". Jadi, raksaksa itu dudok-nya di-keliling Kuala Trengganu (*Ketawa*). Demokrasi yang macham ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah satu amalan yang tidak patut di-lakukan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Kita hendak mewujudkan dalam negeri ini seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia ada menyebutkan di-sini bahawa kita atau Kerajaan kata-nya, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, telah dapat menchapai suasana siasah tenteram dan kedudukan kewangan-nya yang tegoh. Jadi, siasah yang tenteram itu pada pendapat saya siasah dan amalan atau prinsip demokrasi yang menjadi asas Persekutuan Tanah Melayu bukan siasah yang di-buat<sup>2</sup> mengikut kepentingan keadaan pemerintahan. Perkara yang sa-macham ini, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ada-lah perkara yang patut di-timbangan halus<sup>2</sup> oleh Kerajaan terutama Menteri di-dalam hal menyelenggarakan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebutkan soal pilih kaseh dan sa-bagai-nya. Ta' payah-lah saya sebutkan lagi sebab perkara ini tetap berjalan seperti biasa juga. Jadi, apa-lah faedah-

nya saya menyebutkan dalam Dewan ini kalau 10 kali di-sebutkan pun dia tetap berjalan juga, chuma saya tetap menafikan ada-nya "suasana siasah tenteram" di-negeri ini yang di-bachakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu. Saya tahu suasana siasah yang ada dalam negeri ini ada-lah suasana tekanan politik dan suasana yang biasa, "kalau tidak undi aku maka dia musuh aku". Maka, Tuan Yang di-Pertua, bagi keselamatan negeri ini dan supaya perchakapan yang di-tulis-kan ini benar bagi ma'aloman Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong jangan-lah di-suroh dia membacha uchapan<sup>2</sup> yang tidak benar dan suroh saya perchaya ia-nya benar. Saya harap perkara ini dapat di-timbangan, terima kaseh.

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek (Dungun):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong chadangan yang di-hadapan kita ini dan menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> tahniah Kebawah Duli yang telah memberikan titah di-Raja yang panjang lebar kepada kita. Ada juga beberapa hal yang harus saya kemukakan untok menambah lagi ranchak-nya bagi memperbaiki kemajuan dan kema'amoran ra'ayat dalam negeri ini, yang sa-makin bertambah. Mengambil bahagian di-sini di-dalam soal perekonomian, Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah bertitah:

"Bahawa kemajuan<sup>2</sup> ia-itu perjanjian ekonomi dan musharakat akan di-beri perhatian yang erat".

Akan tetapi puncha dasar luar negeri asas pengeluaran negara dan sa-bagai-nya memang kita sudah lihat pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam negara yang tumbuh dengan bagus-nya keadaan perekonomian dan perniagaan makin sa-hari makin bertambah banyak hidup-nya, dan beberapa banyak lagi perusahaan<sup>2</sup> baharu di-dalam tanah ayer kita ini. Tetapi saya suka membawa perhatian ka-dalam Dewan ini mari-lah kita berfikir bersama perusahaan<sup>2</sup> yang besar<sup>2</sup> yang hidup bak chendawan tumbuh-nya itu yang hanya kita lihat terdiri daripada saudara<sup>2</sup> kita bangsa asing, boleh di-katakan hampir tidak ada perusahaan<sup>2</sup> yang besar<sup>2</sup> itu terdiri atau pun di-dirikan oleh ra'ayat dari-

pada anak jati negeri ini ia-itu orang<sup>2</sup> Melayu. Tetapi saya merasa besar hati di-dalam titah Duli Yang Maha Mulia itu akan memberikan galakan kepada orang<sup>2</sup> Melayu supaya dapat mengejar kemajuan<sup>2</sup> itu. Saya sokong serta meng-uchapkan terima kaseh atas titah di-Raja itu hendak menggalakkan dan menolong orang<sup>2</sup> Melayu di-dalam perekonomian. Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengemukakan Kerajaan hendak-lah membena kedai<sup>2</sup> yang akan di-khaskan kepada orang<sup>2</sup> Melayu di-bandar<sup>2</sup> kerana di-bandar<sup>2</sup> besar boleh di-katakan beratus<sup>2</sup> kedai semua-nya di-punya'i oleh saudara kita bangsa asing, kalau dapat satu kedai orang Melayu boleh di-buat atau di-jadikan penawar. Tuan Yang di-Pertua, di-sini harus-lah kita merasa sangat sedeh, tetapi mudah<sup>2</sup>an dengan ranchangan Kerajaan yang akhir ini hendak memberi galakan kepada orang<sup>2</sup> Melayu akan dapat-lah kita berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan saudara<sup>2</sup> kita bangsa asing. Juga untok memajukan orang<sup>2</sup> kita Melayu saya harap hendak-lah, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita pada hari ini mengadakan satu undang<sup>2</sup> saperti saudara<sup>2</sup> kita bangsa asing dapat menilai keta'at setiaan mereka kepada Tanah Melayu ini bekerjasama dengan orang<sup>2</sup> Melayu dan menolong memaju-kan segala perusahaan atau . . . .

**Mr. Speaker:** Saya hendak ingatkan di-bawah fasal 76 (10) di-bawah per-atoran Majlis ini saya bachakan:

"Ada-lah salah peratoran menggunakan perkataan<sup>2</sup> atau hal<sup>2</sup> yang boleh menaikkan perasaan bersakit<sup>2</sup> hati atau bermusoh<sup>2</sup>an di-antara satu kaum dengan satu kaum dalam Persekutuan ini".

Saya hendak mengingatkan sahaja itu hendak-lah menjaga perkataan<sup>2</sup> itu dan harap jangan di-ulang<sup>2</sup> lagi.

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:** Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, saya bukan bermaksud hendak menaikkan perasaan untok bersakit<sup>2</sup> hati, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya meminta sa-sungguh-nya supaya antara kita satu sama lain hidup sa-bagai adek beradek, tolong-menolong, sokong-menyokong antara satu dengan lain, sebab, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam perusahaan<sup>2</sup> yang besar<sup>2</sup> pada hari ini pekerja<sup>2</sup>-nya di-ambil beberapa orang sahaja daripada

orang Melayu, kalau sa-kira-nya saudara<sup>2</sup> kita itu mahu hidup sa-chara adek beradek mengapa mereka tidak memberikan peluang bekerja sa-bagai melateh orang<sup>2</sup> Melayu yang belum faham dalam soal perekonomian ia-itu di-tiap<sup>2</sup> perusahaan itu mahu-lah sa-kurang<sup>2</sup>-nya kalau tidak boleh banyak 50% sahaja pekerja<sup>2</sup> itu daripada anak<sup>2</sup> Melayu kita, tiap<sup>2</sup> kedai itu di-ambil satu atau dua orang anak<sup>2</sup> Melayu sa-bagai di-lateh dalam lapangan perniagaan ini. Jadi, ini bukan-lah maksud untuk menimbulkan perasaan antara satu kaum dengan satu kaum, tetapi supaya kita sa-bati betul hidup dalam negeri ini. Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, hendak-lah menggalakkan dan menolong orang<sup>2</sup> Melayu ini dalam lapangan perniagaan yang mana kedapatan orang<sup>2</sup> kita tidak mempunyai modal yang banyak, chuma yang ada orang<sup>2</sup> kita Melayu yang berniaga dengan chara menaja di-tengah<sup>2</sup> jalan dan ada kala-nya bila mereka hendak memulakan perniagaan itu maka di-tangkap pula oleh polis, sa-bagaimana kejadian baharu<sup>2</sup> ini, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Muar pada bulan Puasa dekat hendak hari raya pedagang<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> Melayu itu telah di-beri izin oleh yang empunya tanah untuk berniaga di-tanah-nya itu. Tetapi bila mereka membentangkan tikar menaruhkan barang<sup>2</sup>-nya itu di-tangkap di-bawa kabalai polis kena bayar denda kalau tidak mahu membayar denda masok jail. Tuan Yang di-Pertua, kalau pun tidak ada lesen patut mereka itu di-beri nasihat mengambil lesen dan mereka mahu mengambil lesen hendak berniaga dengan sa-chara tidak melanggar undang<sup>2</sup> Kerajaan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bila meminta lesen tidak dapat maka terpaksa-lah mereka itu menchuri<sup>2</sup> menjual-nya dan bila polis nampak lekas<sup>2</sup> di-gulung dan pergi dari tempat itu.

Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat betul<sup>2</sup> berlaku saperti Ahli Yang Berhormat, di-masa orang lain berchakap. (*Ketawa*).

**Mr. Speaker:** Ini hendak beri ingat pada saya sendiri-kah? (*Ketawa*). Saya kadang<sup>2</sup> nampak Che' Puan ada juga ketawa bila orang berchakap. Jadi kalau hendak menahan orang lain berchakap, sendiri mesti jaga.

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, saya ketawa, tetapi saya tidak berchakap (*Ketawa*) dan sa-bagai yang terbacha dalam surat khabar mereka beramai<sup>2</sup> dari pedagang<sup>2</sup> kechil itu berkumpul dan merayu kepada Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita, dan di-siasat keluar surat khabar bahawa Pengerusi Majlis Bandaran mengatakan mereka tidak memerintah pehak polis. Jadi, hendak-lah supaya betul<sup>2</sup> dapat galakan, dapat sokongan dari pehak Kerajaan daripada pekerja<sup>2</sup> kechil orang<sup>2</sup> Melayu itu, maka hendak-lah jangan lagi terjadi hal yang demikian kalau sa-kira-nya mereka itu di-panggil di-beri nasihat supaya jangan mereka langgar undang<sup>2</sup>.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, tadi salah sa-orang daripada rakan saya Yang Berhormat wakil dari Muar Utara ada menyebutkan soal perkhidmatan keretapi. Dalam soal ini saya menyokong pendirian Ahli Yang Berhormat itu supaya dalam keretapi itu kantin<sup>2</sup> dalam keretapi yang akan di-bena itu beri-lah kepada orang<sup>2</sup> Melayu, sebab dalam keretapi<sup>2</sup> yang sudah<sup>2</sup> ini ada terjadi dan beliau itu sendiri mengatakan sudah melihat di-dapor-nya dan benda<sup>2</sup> yang tidak boleh di-makan oleh orang<sup>2</sup> Islam di-champor adokan sahaja dengan makanan orang<sup>2</sup> Islam, dan ada beliau itu menyebutkan chinchangan daging babi di-tarok di-atas daging lembu. Maka saya mendengar dari Ahli Yang Berhormat saudara saya wakil dari Johor Tenggara mengatakan jangan di-tengok. Di-sini saya merasa sangat dukachita sa-kali kalau-lah kita permudah<sup>2</sup> sahaja soal agama kita lebeh<sup>2</sup> lagi di-katakan jangan di-tengok atau jangan di-pandang dan itu terkeluar daripada Yang Berhormat itu sendiri sa-bagai sa-orang yang lebeh faham dalam soal agama Islam dan bekas sa-orang ustaz dalam agama, dan sa-bagai keturunan Habib kata orang<sup>2</sup> Melayu anak chuchu Rasulullah. Dengan keluar-nya kata yang sa-demikian rupa dalam negara yang mempunyai agama Islam ini sa-bagai agama resmi, saya merasa sangat dukachita sa-kali bahawa agama Islam dalam tanah ayer kita ini sangat di-pandang kechil dan di-pandang mudah sahaja.

Saya masok dalam soal perkhidmatan kesihatan. Dalam bahagian kesihatan

ini saya juga mengucapkan tahniah atas bertambah-nya kemajuan dalam soal kesihatan dalam negeri kita ini, tetapi sunggoh pun demikian maseh ada banyak lagi yang harus kita tokok tambah supaya lebeh sempurna lagi. Saya kemukakan di-sini ia-itu kami di-pantai timor sana maseh belum berapa bagus berjalan dalam soal perubatan terutama dalam kawasan saya Dungun. Baharu<sup>2</sup> ini saya melawat sana dua tiga bulan yang lalu saya dapati Hospital Dungun pinjam-meminjam s a h a j a doctor, sa-kejab pinjam dari Kemaman, sa-kejab dari Kuala Trengganu, jadi ta' ada doctor yang tetap dudok di-Dungun. Mungkin barangkali pada akhir<sup>2</sup> ini sudah ada, tetapi maseh lagi berkurangan kaki-tangan dalam Hospital Dungun itu, mithal-nya orang<sup>2</sup> yang hendak melawat ka-hulu atau keluar bandar, bila pegawai itu pergi ka-hulu maka pegawai lain tidak ada di-hospital. Saya berharap supaya pehak Kementerian Kesihatan akan mengambil perhatian yang berat supaya menambahkan dengan sa-chukop<sup>2</sup>-nya ia-itu pegawai<sup>2</sup> dalam Hospital Dungun itu.

Dalam Titah Duli Yang Maha Mulia ini ada menyebutkan bahawa akan dibena beberapa buah hospital ia-itu tiga buah, kalau saya ta' salah satu di-Dungun, satu di-Tanjong Karang, Selangor, dan satu lagi di-Changkat Melintang, Perak, ia-itu dengan mempunyai 50 tempat tidur dan estimate-nya satu million ringgit. Jadi, nampak-nya sama ketiga<sup>2</sup> hospital itu. Di-sini saya merasa sadikit dukachita dan saya akan kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri kita. Saya merasa hospital<sup>2</sup> di-Tanjong Karang dan Changkat Melintang jauh lebeh kechil daripada Dungun. Dungun ini boleh di-katakan salah satu bandar yang besar dalam negeri Trengganu, tetapi di-Tanjong Karang bila dibandingkan dengan Dungun tidak-lah sa-banding estimate yang di-berikan kepada hospital Dungun dan Tanjong Karang serta Changkat Melintang. Saya tahu dan saya berharap kepada pehak Menteri Yang Berhormat kita dengan baik hati-nya supaya memberi perhatian dalam perkara ini supaya menambahkan estimate dan membesarkan keadaan Hospital Dungun dengan melengkapkan kaki-tangan hospital itu demi untuk

keselamatan ra'ayat kita khas-nya di-Dungun.

Dan lagi dalam soal perkhidmatan kesihatan, saya suka mengemukakan di-sini bahawa ada rungutan dari orang yang saya dengar bila saya pergi ka-hospital bahawa pada masa penjajahan dahulu bila orang<sup>2</sup> datang ka-hospital untuk mengambil ubat tidak membayar apa<sup>2</sup>, Tuan Yang di-Pertua, tetapi pada hari ini bila mereka mengambil ubat di-hospital maka terpaksa membayarnya.

Jadi kata orang<sup>2</sup> yang saya dengar sa-pintas lalu ia-itu bagaimana sekarang! kita sudah merdeka, ma'amor dan negeri kita sudah kaya, tetapi apabila mengambil ubat terpaksa kena bayar, pada hal masa penjajah dahulu tidak kena bayar. Saya harap hal ini ditimbangkan oleh Menteri supaya meringankan beban orang ramai yang mengambil ubat itu, terutama orang yang miskin. Untuk menambah kesempurnaan kesihatan di-kampong<sup>2</sup>, saya suka mengemukakan pendapat saya di-sini. Tuan Yang di-Pertua, saya lihat keadaan kebersehan di-kampong<sup>2</sup>, terutama di luar bandar tidak berapa di-perhatikan dengan betul. Kalau kekotoran<sup>2</sup> ini tidak di-ambil perhatian yang berat, inilah yang menimbulkan penyakit, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau dapat sambilan kita menggalakkan Pegawai<sup>2</sup> Perubatan, mithal-nya, datang ka-kampong<sup>2</sup> dengan kereta, dapat mereka memberi nasihat seperti mengadakan kebersehan dalam rumah mereka dan di-sekeliling kampong-nya. Dan di-tempat<sup>2</sup> yang belum ada ayer paip di-nasihatkan supaya mereka itu sa-belum minum ayer itu hendak-lah di-masak terlebih dahulu, sebab kadang<sup>2</sup> ayer minuman itu di-ambil dari sungai dan telaga yang terdedah, yang mana di-situ-lah mereka mandi, membasoh kain dan serba serbi-nya. Dan ayer itu di-minum dengan tidak di-masak, ini tentu menyebabkan bermacham<sup>2</sup> penyakit seperti sakit perut, yang lebeh merbahaya-nya bagi kanak<sup>2</sup>, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dalam soal ini kita hendak-lah mengadakan penerangan dan juga dengan sa-chara membuat pamphlet atau kertas siaran di-beri kepada orang kampong. Sa-perkara lagi chara me-



makai tempat minuman. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya dapat melihat di-kampong<sup>2</sup> dan seluroh tempat di-Tanah Melayu ia-itu mereka tidak mengambil berat, mithal-nya, kalau ada 10 orang tetamu, maka mereka taroh ayer satu cherek dengan satu gelas, mereka berganti<sup>2</sup> minum dengan satu gelas itu. Chara ini juga tidak boleh, sebab kalau sa-orang daripada-nya menghidap penyakit T.B., penyakit itu boleh berjangkit. Dalam perkara ini nasihat juga hendak-lah di-beri. Dan juga, Tuan Yang di-Pertua, orang<sup>2</sup> kita barangkali tidak ada pelajaran dan maseh banyak yang buta huruf, jadi apabila ia memberi orange kepada tetamu, kalau ada berlebeh, di-kumpulkan ayer itu dan di-beri kepada orang lain minum. Minuman ini juga tidak baik. Jadi walau pun soal ini kechil, tetapi kalau memberi berjenis<sup>2</sup> penyakit, maka ia akan merebak kepada orang lain. Saya harap dalam soal kebersehan ini dari pehak Kementerian akan memberi chara<sup>2</sup> ini kepada pekerja pehak kesihatan, terutama yang bekerja di-luar bandar.

Sadikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, tentang perkhidmatan kesihatan ini yang hendak saya chakapkan. Di-sini juga ada di-sebutkan "telah makin bertambah ia-itu jururawat<sup>2</sup>, penolong<sup>2</sup> jururawat dan bidan". Dalam hal ini saya menguchapkan terima kasih dan tahniah kepada usaha Kementerian ini. Dalam perkara ini, kalau saya tidak salah, dalam chadangan saya dahulu meminta supaya jururawat<sup>2</sup>, penolong<sup>2</sup> jururawat dan bidan di-terima daripada murid<sup>2</sup> yang berkelulusan Darjah VI sekolah Melayu. Dan saya mendapat jawapan, bidan memang di-terima daripada kelulusan sekolah Melayu. Tetapi di-setengah<sup>2</sup> tempat, Tuan Yang di-Pertua, maseh ada lagi pegawai<sup>2</sup> yang menerima murid<sup>2</sup> untuk menjadi bidan ini dengan syarat atau di-pilih-nya terlebih dahulu murid<sup>2</sup> yang ada mempunyai pelajaran bahasa Inggeris di-utamakan. Tuan Yang di-Pertua, walau pun murid<sup>2</sup> yang mempunyai kelulusan sekolah Melayu sudah dua tiga tahun sa-hingga mereka boleh menjadi bidan, maka apabila mereka datang ka-hospital, mereka di-beritahu ia-itu awak tidak ada mempunyai ilmu pengetahuan bahasa

Inggeris, awak tidak boleh jadi bidan, melainkan orang yang mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris.

Di-sini saya suka juga mengemukakan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya beri-lah kemudahan kepada murid<sup>2</sup> yang berkelulusan sekolah Melayu, kerana mereka sudah-lah tidak boleh menjadi jururawat, penolong jururawat dan bidan, peluang hendak-lah di-buka kepada mereka yang lebeh dalam kita melaksanakan Rancangan Luar Bandar. Di-kampong<sup>2</sup> memerlukan banyak bidan, dan hantar-lah mereka itu ka-kampong-nya masing<sup>2</sup> supaya dapat melaksanakan tugas-nya dengan lebeh baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian sadikit berkenaan dengan soal Irian Barat. Duli Yang Maha Mulia telah bertitah:

"Berkenaan dengan soal Irian Barat kita berdo'a kepada Allah Subhanahu Wata'ala mudah'an perkara ini dapat di-selesaikan dengan aman dan damai, kerana kita sa-kali<sup>2</sup> tiada dapat hendak menyokong apa<sup>2</sup> ranchangan yang akan membinasakan jiwa manusia dan harta benda."

Kita bersetuju sangat dengan Titah Duli Yang Maha Mulia ini, ia-itu tidak lagi menyokong ranchangan yang akan membinasakan jiwa manusia dan harta benda. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa bahawa Indonesia telah menyatakan dengan terang<sup>2</sup> ia-itu sa-kira-nya Belanda menyerahkan dengan sa-chara baik Irian Barat ka-pangkuan Indonesia, maka tidak akan terjadi pertumpahan darah atau kehanchoran harta benda. Jadi, kalau sa-kira-nya kita dari Persekutuan Tanah Melayu bersuara supaya pehak Belanda menyerahkan hak Indonesia itu dengan sa-chara berbaik<sup>2</sup>, maka tidak akan terjadi pertemporan, pertumpahan darah dan kehanchoran harta benda.

Oleh kerana Indonesia mempertahankan hak-nya itu ada-lah menuntut sa-bahagian daripada tanah ayer-nya ia-itu meminta kepada penjajah supaya serahkan Irian Barat itu kepada-nya. Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kalau sa-kira-nya Kerajaan kita menyokong meminta Belanda supaya menyerahkan Irian Barat itu dengansa-chara baik, saya rasa tentu tidak akan menjadi kerumitan.

Satu lagi; sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Titah Duli Yang Maha Mulia ada berkata:

“Dalam lapangan buroh, Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemajuan yang besar. Dasar Kerajaan Beta mengenal hubungan pekerja dengan majikan telah mendapat sokongan daripada kedua<sup>2</sup> belah pihak dan dengan demikian tiada-lah berlaku perselisihan antara buroh dengan majikan dan negara kita di-pandang tinggi oleh negeri<sup>2</sup> lain”.

Di-sini soal buroh dengan majikan, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa permintaan<sup>2</sup>, rayuan<sup>2</sup> daripada guru<sup>2</sup> wanita di-dalam Tanah Melayu ini dengan pihak Kerajaan, pihak guru<sup>2</sup> ada-lah sa-bagai buroh yang merayu kepada majikan<sup>2</sup> supaya gaji-nya disamakan dengan pihak guru<sup>2</sup> lelaki. Jadi, di-sini saya berpendapat dan saya minta kepada Kerajaan supaya dibuktikan-lah Titah Duli Yang Maha Mulia ini yang mengatakan:

“Oleh kerana tidak ada perselisihan antara buroh dengan majikan maka banyak-lah kerja<sup>2</sup> pembangunan dapat di-jalankan dengan sempurna”,.....

Bagitu juga saya rasa, kalau-lah kita pihak Kerajaan dapat memenuhi rayuan daripada guru<sup>2</sup> wanita itu maka mereka akan merasa gembira, merasa sunggoh<sup>2</sup> bahawa sunggoh<sup>2</sup> Kerajaan Perikatan hari ini betul<sup>2</sup> apa yang di-katakan ia-itu menchiptakan ke'adilan di-dalam tanah ayer kita ini. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, semangat wanita ini kalau mereka bersatu sunggoh<sup>2</sup> nanti dia merasa sedih atau merajok hati, Tuan Yang di-Pertua, juga kita nanti banyak mengharapkn usaha<sup>2</sup> daripada mereka ini.

Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, sa-bahagian besar tenaga<sup>2</sup> yang menguatkan atau menegakkan Kerajaan pada ini hari ia-lah terdiri daripada wanita<sup>2</sup> daripada guru<sup>2</sup> wanita di-dalam UMNO. Pada masa dahulu sa-belum merdeka mereka memberikan tenaga yang kuat, mereka memberikan semangat yang sunggoh<sup>2</sup> supaya menyokong UMNO di-tanah ayer kita ini, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak perchaya chuba-lah bertanya kepada rakan<sup>2</sup> saya di-sini sa-orang wakil daripada Pontian Selatan yang beliau sa-bagai sa-orang Penyelia Sekolah di-negeri Johore dan juga beliau pernah memimpin kaum ibu

UMNO pada masa yang silam, beliau-lah menganjorkan supaya guru<sup>2</sup> ini memberikan tenaga-nya yang kuat kepada pihak kita sa-hingga terdiri-lah Kerajaan pada hari ini. Jadi, patut-lah Kerajaan memenuhi kehendak guru<sup>2</sup> wanita itu. Tetapi, saya merasa juga sedikit dukachita sebab kekuatan sokongan ini, kekuatan dorongan ini supaya menuntut kepada pihak Kerajaan daripada Ahli<sup>2</sup> wanita Dewan Ra'ayat ini tidak berapa kuat, belum satu suara lagi meminta dengan kuat-nya. Sebab menilik dalam surat khabar, pada masa rapat umum, guru<sup>2</sup> wanita itu di-adakan di-Kuala Lumpur ini yang di-hadzi oleh dua orang wanita Yang Berhormat dari Dewan Ra'ayat ia-itu rakan<sup>2</sup> di-hadapan saya ini. Dan Yang Berhormat daripada Jitra memberikan nasehat ia-lah bersabar-lah puan<sup>2</sup> semuga niat baik itu belakang hari akan berjaya. Kalau ada dorongan, dengan tidak di-minta bagaimana-kah akan berjaya kalau kita bersabar sahaja, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Jadi, saya minta-lah hari ini supaya ketiga orang wanita dalam Dewan Ra'ayat ini bersatu suara merayu dan meminta kepada Kerajaan pada hari ini supaya diberikan-lah apa yang di-minta oleh guru<sup>2</sup> perempuan itu kerana mereka sa-bahagian besar-nya telah memberikan jasa baik-nya, kerja kuat-nya untuk menegakkan Kerajaan pada hari ini di-dalam Persekutuan Tanah Melayu.

**Datin Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap):** Untuk penerangan, Tuan Yang di-Pertua.

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:** Saya benarkan.

**Datin Fatimah binti Haji Hashim:** Bukan untuk gaji guru<sup>2</sup> wanita sahaja tetapi saya minta semua wanita<sup>2</sup> yang bekerja itu di-bagi sama gaji dengan pihak lelaki.

**Mr. Speaker:** Saya chuma hendak mengingat sahaja, saya fikir perkara ini tidak boleh di-panjangkan dengan sebab kalau kita dengar ucapan Yang Berhormat Perdana Menteri pagi tadi ada menyebutkan sa-buah Jawatan-Kuasa masa ini sedang membuat laporan. Dan kita patut-lah menunggu apa laporan yang di-buat oleh Jawatan-Kuasa yang di-tubuhkan oleh Kerajaan itu.

**Ch' Khadijah binti Mohd. Sidek:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sadikit lagi sa-bagai menjawab saudara saya Yang Berhormat dari Jitra-Padang Terap itu.

**Mr. Speaker:** Jangan panjangkan sangat.

**Ch' Khadijah binti Mohd. Sidek:** Pendek sahaja (*Ketawa*). Sa-betul-nya menurut pepatah Melayu, Tuan Yang di-Pertua, "lalu jarum lalu kelindan", erti-nya kalau guru<sup>3</sup> perempuan dapat berhasil permintaan-nya maka segala pekerja<sup>3</sup> wanita yang sama kerja-nya dengan kaum bapa tentu-lah mereka ini akan di-samakan juga.

**Datin Fatimah binti Haji Hashim:** Untuk penerangan lagi. Tuan Yang di-Pertua, dia tidak dapat jemputan sebab itu dia iri hati. Saya telah mengatakan guru<sup>3</sup> perempuan-lah yang menjadi tentera hadapan supaya dia memberi peluang kepada rakan<sup>3</sup> di-jawatan<sup>3</sup> yang lain.

**Mr. Speaker:** Saya hendak mengingatkan lagi, jangan panjangkan perkara itu sebab ada sa-buah Jawatan-Kuasa membuat laporan itu.

**Ch' Khadijah binti Mohd. Sidek:** Terima kasih, kita akan menunggu daripada laporan Jawatan-Kuasa itu dan mudah-an dengan permintaan saya pada hari ini Jawatan-Kuasa itu akan membuahkan hasil-nya, Tuan Yang di-Pertua.

Di-dalam soal pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pada hari ini memberikan pelajaran perchuma bagi murid<sup>2</sup> sekolah rendah dan di-sini saya suka-lah mengambil perhatian, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pada masa dahulu di-sekolah<sup>2</sup> Melayu juga murid<sup>2</sup>-nya dapat pelajaran perchuma dari darjah I sampai darjah VI. Dan apabila mereka otak-nya kembang pelajaran-nya bagus di-sekolah pada tahun yang ketiga atau keempat mereka di-pilih dalam sekolah Melayu ka-Special Class Melayu mereka juga tidak di-kenakan bayaran, Tuan Yang di-Pertua. Di-sekolah Inggeris sampai habis pun dia tidak kena bayar. Maka hari ini mereka yang masuk melalui Special Malay Class ini, dia kena melalui examination dan baharulah dia di-pilih, Tuan Yang di-Pertua.

Maka untuk darjah VI sa-kali lagi dia di-uji oral masuk sekolah menengah, maka sudah menjadi dua kali ujian, ini memang berat bagi anak<sup>2</sup>, Tuan Yang di-Pertua. Maju pula ujian masuk sekolah menengah di-pilih masuk sekolah menengah dan bila dia sudah masuk sekolah menengah itu dia harus kena bayar pula \$5.00 sa-bulan.

Perlis ... ..	...	307
Selangor ... ..	...	2,191
Trengganu ... ..	...	972
Kuala Lumpur ... ..	...	1,236
Total ... ..	...	22,441

	<i>Malay Medium</i>	<i>English Medium</i>	<i>Chinese Medium</i>	<i>Tamil Medium</i>	<i>Total</i>
Johore ... ..	760	632	814	94	2,300
Kedah ... ..	539	305	310	13	1,167
Kelantan ... ..	373	161	62	—	596
Malacca ... ..	214	352	206	12	784
Negri Sembilan ... ..	314	363	319	56	1,052
Pahang ... ..	289	164	180	22	655
Penang ... ..	324	766	699	29	1,818
Perak ... ..	739	977	1,115	147	2,978
Perlis ... ..	128	24	37	—	189
Selangor ... ..	427	778	654	104	1,963
Trengganu ... ..	233	62	26	—	321
Kuala Lumpur ... ..	139	704	451	51	1,345
Total ... ..	4,479	5,288	4,873	528	15,168

#### Married Women Teachers

**12. Enche' V. Veerappen** asks the Minister of Education to state the number of married women teachers at present in service in each State and according to the various language media.

**Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib:** It is regretted that information is not available as to the number of married women teachers at present in service in each State according to the various language media.

#### Unified Teaching Service

**13. Enche' V. Veerappen** asks the Minister of Education to state, according to types of schools in each State:

- (a) the number of teachers who were eligible to join the Unified Teaching Service;
- (b) the number who have opted to join;

(d) It is regretted that no figures are available giving the number who stopped their education after the primary course.

#### Women Teachers

**11. Enche' V. Veerappen** asks the Minister of Education to state the number of women teachers in fully assisted schools in each State, according to the various language media.

**Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib:** The table showing the number of women teachers in fully assisted schools in each State, according to the various language media is given below:

- (c) the number who have refused;
- (d) the number who had no option but had to join whether they liked it or not.

**Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib:** The option exercise is not yet completed and it is regretted that it is not at present possible to provide the detailed information requested. The following approximate figures may, however, be of interest:

- (a) It is estimated that about 38,000 teachers were eligible to join the Unified Teaching Service.
- (b) About 10,000 teachers have elected to join the Unified Teaching Service.
- (c) About 12,000 teachers have elected not to join the Unified Teaching Service. (It is estimated that options have not been received from about 7,000 teachers).



(d) About 9,000 trained teachers who began teaching in 1959 and subsequent years are automatically members of the Unified Teaching Service.

#### D.T.C. Malay Medium Teachers

**14. Enche' V. Veerappen** asks the Minister of Education to state whether he is aware that a number of D.T.C. Malay Medium Teachers who were recruited in 1957 and trained at Kota Bharu Training College, are being compelled to refund \$85 per month for not having a second language at the L.C.E. level, when they had passed the College Malay examination and when no such requirement was made when they joined the service in 1957, that this deduction is only made from teachers in Perak, Penang, Kedah and Perlis and not from such teachers in other States, and if so, whether he would take steps to remove this anomaly.

**Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib:** All D.T.C. Trained Teachers must fulfil both *academic* and *professional* requirements in a Second Language before they can be placed on the salary scale requiring second language requirements. A teacher who does not possess the minimum academic qualification in a Second Language is, therefore, eligible for emplacement only on the lower grade. It follows if any teacher had been paid by mistake as if he possessed second language qualifications he has to refund whatever salary overpaid to him in error.

#### Teachers and Headmasters in Mission English Schools

**15. Enche' V. Veerappen** asks the Minister of Education to state the number of teachers and headmasters by race in the Standard Type English Schools (Primary and Secondary) which are run by Missionary bodies.

**Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib:** It is regretted that no information is available on the number of teachers and headmasters by race in the Standard Type English Schools (Primary and Secondary).

#### Post-Primary School Students and L.C.E. Examination

**16. Enche' V. Veerappen** asks the Minister of Education to state whether pupils in Post-Primary Schools (Secondary Continuation Schools) would be required to take any examination or be permitted to sit for L.C.E. if any of the pupils should so desire.

**Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib:** Pupils in Secondary Continuation Schools will not be prepared for the Lower Certificate of Education Examination *vide* paragraph 93 of the 1960 E.R.C. Report. They will be prepared for their own school examinations and will not be permitted to sit the Lower Certificate of Education Examination whilst they are in schools.

#### National Language and the Malay Language

**17. Enche' V. Veerappen** asks the Minister of Education to state whether there is any difference between the National Language and the Malay Language, and if so to kindly state the difference.

**Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib:** The National Language of the Federation is the Malay Language and as such there is no difference between the two. In the teaching of this language, however, the term "National Language" has so far been used in relation to the teaching of the Malay Language to non-Malay pupils and students.

#### Raising of standards in National Primary Schools

**18. Enche' Zulkiflee bin Muhammad** bertanya kepada Menteri Pelajaran apa-kah ranchangan<sup>2</sup> dan tindakan<sup>2</sup> yang berkesan telah di-ambil dan yang akan di-ambil oleh Kerajaan, menurut asas<sup>2</sup> shor Jawatan-Kuasa yang diketuai oleh Ketua Penasehat Pelajaran, untuk menghilangkan kelemahan dan kemundoran Pelajar<sup>2</sup> Melayu di-sekolah<sup>2</sup> menengah pada masa ini.

**Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib:** Mungkin ahli Yang Berhormat itu bermaksud berkenaan dengan Jawatan-Kuasa yang saya telah me-

lantek bagi menimbangkan chara<sup>2</sup> untok mengatasi darjah pelajaran di-dalam sekolah<sup>2</sup> rendah kebangsaan. Saya telah pun menerima shor<sup>2</sup> itu dan saya suka menyatakan kepada ahli Yang Berhormat itu ia-itu saya sedang mengambil tindakan.

#### Muslim Religious Teachers in National-type Secondary Schools

**19. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa buah Sekolah<sup>2</sup> Menengah Jenis Kebangsaan di-dalam negeri Perak yang telah di-beri guru<sup>2</sup> agama Islam di-dalam tahun 1962, sa-hingga pada masa ini, dan berapa buah pula yang belum mendapat guru<sup>2</sup> agama Islam sa-hingga pada masa ini.

**Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib:**

Bilangan Sekolah <sup>2</sup> yang di-beri guru <sup>2</sup> agama	Bilangan Sekolah <sup>2</sup> yang belum lagi di-beri	Jumlah Sekolah <sup>2</sup> Menengah Jenis Kebangsaan
25	10	35

**20. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad** bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- apa-kah sebab<sup>2</sup>-nya sa-hingga pada masa ini ada beberapa buah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan di-Perak, belum memulakan pelajaran agama-nya, bahkan tidak mahu menerima kedatangan guru<sup>2</sup> agama itu, pada hal Pejabat Hal Ehwal Ugama Perak telah pun memilehkan bakal<sup>2</sup> guru agama itu, dan apa-kah tindakan yang telah di-jalankan oleh Pejabat Pelajaran Perak terhadap Sekolah<sup>2</sup> yang enggan atau sengahaja melambat<sup>2</sup>kan menerima guru<sup>2</sup> Agama itu;
- ada-kah Kementerian Pelajaran telah di-beritahu tentang ada-nya pada masa ini beberapa buah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan itu belum mahu memulakan kelas<sup>2</sup> agama Islam;
- ada-kah Kementerian dan Pejabat Pelajaran Perak akan mengambil langkah<sup>2</sup> yang menasabah bagi menyegerakan pelaksanaan pengajaran agama di-Sekolah<sup>2</sup> Menengah yang tersebut; dan

(d) bila-kah sekolah<sup>2</sup> yang belum memulakan pelajaran agama itu akan dapat memulakan pelajaran itu.

**Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib:**

- Perundingan dengan Lembaga<sup>2</sup> Pentadbir dua buah sekolah bagi pengambilan Guru<sup>2</sup> Agama maseh belum selesai. Lapan buah sekolah yang lain itu tidak mempunyai chukop bilangan Murid<sup>2</sup> Islam untok membolehkan melantek guru<sup>2</sup> agama bagi sa-penoh masa. Rundingan sedang di-jalankan untok mengambil guru<sup>2</sup> sa-paroh-masa untok mengajar di-sekolah<sup>2</sup> ini.
- Jabatan Pelajaran, Perak, tidak sedar atas ada-nya sekolah yang enggan menerima guru<sup>2</sup> agama yang di-sokong oleh Jabatan ini dan di-luluskan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Perak.
- Semua langkah<sup>2</sup> yang sesuai untok menchecepatkan pembukaan darjah<sup>2</sup> saperti itu ada-lah sedang di-ambil.
- Darjah<sup>2</sup> yang baki itu ada-lah di-jangka akan di-mulakan pada awal penggal hadapan.

#### Uniformity of School Terms and Holidays

**21. Tuan Syed Esa bin Alwee** bertanya kepada Menteri Pelajaran bila-kah semua Sekolah<sup>2</sup> Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan itu dapat di-samakan masa hari kelepasan dan penggal persekolahan-nya.

**Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib:** Penggal sekolah dan hari kelepasan dalam semua Sekolah<sup>2</sup> Kebangsaan dan Sekolah<sup>2</sup> Jenis Kebangsaan ada-lah sama sahaja, sa-kadarkan perbezaan-nya ia-lah hari kelepasan minggu dalam sekolah masing<sup>2</sup>.

#### Higher School Certificate Classes in Muar and Batu Pahat

**22. Tuan Syed Esa bin Alwee** bertanya kepada Menteri Pelajaran tidak-kah ada chadangan hendak menambah dua kelas Sijil Persekolahan Tinggi (H.S.C.) lagi dalam negeri Johor ia-itu di-Muar dan di-Batu Pahat dengan sebab ramai penuntut<sup>2</sup> yang lulus dalam

Pepereksaan Sijil Persekolahan Senior Cambridge tiap<sup>2</sup> tahun.

**Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib:** Tidak di-chadang hendak mengadakan kelas<sup>2</sup> Sijil Persekolahan Tinggi (H.S.C.) di-Batu Pahat atau di-Muar dengan segera<sup>2</sup> masa akan datang ini.

**Financial Assistance to Muslim Religious Schools**

23. Tuan Syed Esa bin Alwee bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa jumlah wang yang di-untokkan kerana memberi bantuan kepada sekolah<sup>2</sup> ugama dalam tiap<sup>2</sup> negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu.

**Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib:** Agak-nya apa yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah jumlah bantuan yang di-beri kepada sekolah<sup>2</sup> ugama bukan Kerajaan. Ada pun jumlah bantuan yang di-beri kepada sekolah<sup>2</sup> ugama Islam dalam tiap<sup>2</sup> negeri dalam Persekutuan ini ia-lah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah</i>
Perlis ... ..	\$ 8,962
Kedah ... ..	61,576
Pulau Pinang ... ..	68,052
Perak ... ..	95,950
Selangor ... ..	19,910
Negri Sembilan ... ..	16,320
Melaka ... ..	59,930
Johore ... ..	16,556
Pahang ... ..	25,822
Trengganu ... ..	24,694
Kelantan ... ..	78,746
<b>Jumlah ... ..</b>	<b>\$476,518</b>

**MINISTRY OF EXTERNAL AFFAIRS**

**Stone Relic and Clay Slate**

24. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Luar Negeri apa-kah sebab Kerajaan India tidak menyerahkan batu bertulis yang di-jumpai di-Pantai Seberang Prai, dan loh tanah liat yang di-jumpai di-Gua Batu Kurong, Perlis, untok di-jadikan milek Musium Negara Persekutuan, dan

sa-jauh mana-kah perundingan penyerahan barang<sup>2</sup> asli itu dapat di-jalankan dengan Kerajaan India.

**Perdana Menteri:** Batu bersurat yang di-dapati di-Pantai Seberang Prai adalah di-kenal dengan nama Batu Peringatan Buddha Gupta dan telah di-jumpa di-Prai lebeh kurang pada pertengahan kurun yang kesembilan belas dan di-hantar ka-Calcutta oleh British Resident, Pulau Pinang, pada masa itu. Kementerian Luar Negeri telah memulakan perundingan dengan Kerajaan India dalam bulan July, tahun 1959 berkenaan dengan memulangkan balek batu itu kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Surohanjaya Tinggi kita di-New Delhi telah di-beritahu oleh pehak yang berkuasa Kerajaan India ia-itu batu peringatan itu sekarang di-punya'i oleh persekutuan Asiatic Society of Bengal dan di-pinjamkan kepada Muzium India di-Calcutta untok di-pertunjukkan kepada orang ramai.

Dalam bulan October, 1960, Kerajaan India telah memberitahu Pesurohjaya Tinggi kita di-New Delhi ia-itu Kerajaan India telah menjalankan ikhtiar<sup>2</sup> khas memujuk persekutuan Asiatic Society of Bengal, ia-itu sa-buah badan ber-sendiri tidak bergantung kepada Kerajaan India, supaya bersetuju memulangkan balek batu asal itu dan boleh-lah di-simpan batu tiruan-nya. Persekutuan Asiatic Society of Bengal dalam bulan May, tahun 1960 telah memberi keputusan ia-itu oleh kerana tulisan pada batu itu telah di-buat oleh sa-orang kelasi dari Benggala dan tulisan itu mencheritakan pelayaran<sup>2</sup> orang Benggala, maka batu asal itu hendak-lah di-simpan di-Muzium India di-Calcutta dan batu tiruan-nya boleh-lah di-hantar ka-Tanah Melayu. Kerajaan India telah memberitahu Pesurohjaya Tinggi kita mengatakan Kerajaan India telah mendesak persekutuan Asiatic Society of Bengal itu suroh timbangan sa-mula keputusannya ini tetapi persekutuan itu tetap berpegang kepada keputusan mula<sup>2</sup> itu. Maka Kerajaan India pun telah memberitahu Pesurohjaya Tinggi kita ia-itu Kerajaan India dengan sukachitanya mahu menghadihkan batu tiruan itu kepada Kerajaan Persekutuan.

Pada 23 haribulan November, 1961, Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi Kerajaan India telah menghadihkan batu tiruan itu dengan sa-chara-nya di-Muzium Negara.

Papan batu tanah liat yang di-jumpa di-Gua Batu Kurong, Perlis, itu sudahlah di-simpan dalam Muzium Negara kita.

#### Korean Islamic Society

25. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Luar Negeri berapa banyak-kah bantuan kewangan, jika ada, dari Kerajaan yang di-berikan kepada Persekutuan Orang Islam Korea.

**Perdana Menteri:** Tidak ada apa<sup>2</sup> bantuan wang di-berikan oleh Kerajaan kepada Persatuan Korea Islam tetapi yuran akan di-kirimkan ka-sana bagi belanja membuat sa-buah masjid di-Korea daripada duit orang sendiri.

#### Angola

26. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Luar Negeri:

- (a) ada-kah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu membuat satu langkah yang berkesan terhadap Portugal sa-bagai gerakan men-chela atas sikap-nya terhadap Angola;
- (b) Apa-kah langkah yang di-ambil oleh Kerajaan menunjukkan sim-pati terhadap ra'ayat Angola.

#### Perdana Menteri:

- (a) Kerajaan Persekutuan telah menyerta negeri<sup>2</sup> Afrika-Asia yang lain<sup>2</sup> pada mendapatkan soal Angola itu di-masokkan dalam agenda Perhimpunan Agong Bangsa<sup>2</sup> Bersatu kali yang ke-enam belas. Dalam per-bahathan membincangkan soal Angola ini, Kerajaan Perseku-tuan dengan Kerajaan<sup>2</sup> lain telah bersama<sup>2</sup> mengemukakan suatu chadangan, dan di-setujukan chadangan itu, menghendaki Portugal mengator sa-mula susunan tadbir Kerajaan di-Angola dengan menepati kehendak asas Piagam Bangsa<sup>2</sup>

Bersatu. Demikian juga, menurut kehendak chadangan itu, sa-buah Jawatan-Kuasa Kechil lima kuasa telah di-tubuhkan bagi menghalusi semua keterangan berkenaan dengan Angola dan menjalankan siasat atas apa<sup>2</sup> yang patut di-siasat. Persekutuan Tanah Melayu ia-lah ahli Jawatan-Kuasa Kechil ini, dan wakil Kerajaan Persekutuan telah di-pilih jadi Pegawai Perhubungan (Rapporteur). Jawatan-Kuasa Kechil ini sudahlah menghantar laporan-nya, dan dalam Perhimpunan Agong yang ke-enam belas, Kerajaan Perse-kutuan telah menyokong suatu chadangan dan telah di-setujukan chadangan itu. Chadangan itu mengeshorkan, antara lain<sup>2</sup>, supaya penyata Jawatan-Kuasa Kechil itu di-hantar kepada Portugal bagi di-timbangkan dengan serta-merta dan di-jalan-kan sa-bagaimana yang di-shor-kan di-dalam-nya itu; menguat-kan sa-mula hak ra'ayat Angola boleh memutuskan hal-ehwal sendiri dan boleh merdeka; menuntut Portugal supaya ber-henti menjalankan langkah menindeh ra'ayat Angola; mendesak Portugal supaya dengan serta-merta membebaskan ahli<sup>2</sup> siasah Angola yang dalam tahanan; mendesak Portugal supaya dengan tidak bertanggoh lagi mesti mengadakan per-ubahan baharu dalam siasah, iktisad dan masharakah dan mengadakan wakil badan siasah yang di-pilih dengan bebas, tujuan-nya sa-bagai bersedia akan kemerdekaan Angola; dan meminta semua negeri<sup>2</sup> yang jadi ahli Bangsa<sup>2</sup> Bersatu dan badan<sup>2</sup> perwakilan khas jangan memberi sokongan dan bantuan kepada Portugal yang harus boleh di-gunakan bagi menindeh ra'ayat Angola.

- (b) Langkah Kerajaan Persekutuan dalam Majlis Bangsa<sup>2</sup> Bersatu seperti yang di-sebutkan di-atas ia-lah suatu dalil yang terang menunjukkan kita menyertai chita<sup>2</sup> ra'ayat Angola.

**Commonwealth of Islamic Nations**

27. **Enche' Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Luar Negeri berapa buah negeri hingga masa ini yang telah memberi sambutan terhadap Perdana Menteri membentok sa-buah Negara Commonwealth Islam, dan apa-kah usaha yang dapat di-jalankan berkenaan ranchangan tersebut.

**Perdana Menteri:** Perdana Menteri tidak ada membuat apa<sup>2</sup> chadangan tetap berkenaan dengan menubuhkan Negara<sup>2</sup> Commonwealth Islam. Perdana Menteri telah berchakap berkenaan dengan ini pada masa memberi ucapan lepas sembahyang Hari Raya di-Masjid Woking, London, menerangkan mustahak-nya negeri<sup>2</sup> Islam mesti bersatu padu tetapi sa-hingga sekarang senyap sahaja. Tetapi apa pandangan orang ramai dalam negeri<sup>2</sup> Islam kapada ucapan Perdana Menteri itu sedang di-perhatikan baik<sup>2</sup> dan apa<sup>2</sup> langkah yang patut di-jalankan akan di-jalankan.

**MINISTRY OF FINANCE**

**Counterfeit 50-cent coins**

28. **Enche' Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) berapa banyak-kah wang shiling palsu yang berharga 50 sen, hingga masa ini, yang telah di-sampaikan kapada Kerajaan;
- (b) tarikh<sup>2</sup> wang shiling yang tersebut;
- (c) ada-kah wang palsu itu di-chetak dalam negeri ini atau dalam negeri tetangga.

**Menteri Kewangan (Enche' Tan Siew Sin):**

- (a) 24 keping.
- (b) Tahun 1955, 1957 dan 1958.
- (c) Keterangan yang ada itu menunjukkan duit<sup>2</sup> shiling ini di-tempa di-dalam negeri ini.

**Statements of Incomes for ZAKAT**

29. **Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad** bertanya kapada Menteri Kewangan:

- (a) ada-kah mana<sup>2</sup> Jabatan Ugama Negeri<sup>2</sup> pernah berhubong dengan

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu atas perkara meminta laporan kira<sup>2</sup> perniagaan orang<sup>2</sup> Islam daripada Jabatan Chukai Pendapatan, dengan tujuan hendak menggunakan laporan itu untuk memudahkan pungutan zakat;

- (b) apa-kah jawapan yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kapada Kerajaan Negeri Perak tatkala Kerajaan Negeri itu memohon supaya Jabatan Chukai Pendapatan memberikan laporan<sup>2</sup> berkenaan perniagaan ahli<sup>2</sup> perniagaan orang<sup>2</sup> Islam di-negeri itu kapada Jabatan Ugama Negeri Perak kerana hendak memungut zakat.

**Enche' Tan Siew Sin:** Sa-panjang yang saya ketahui tidak ada permintaan saperti yang di-sebutkan itu di-buat oleh mana<sup>2</sup> jua Jabatan Hal-Ehwal Ugama dalam Persekutuan. Dengan sebab itu tidak di-beri apa<sup>2</sup> jawab kapada Kerajaan Perak.

**Pensions**

30. **Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor** bertanya kapada Menteri Kewangan:

- (a) kenapa-kah terlalu lambat diberikan layanan atas bayaran pension (sara hidup) kapada kakitangan Kerajaan yang telah bersara, dan apa-kah tindakan telah di-ambil bagi melekaskan bayaran pension itu masa hadapan;
- (b) kenapa-kah surat<sup>2</sup> pertanyaan dan kemushkilan dari bakal<sup>2</sup> bersara yang di-kirinkan dengan surat berdaftar kapada Pegawai Perjawatan Persekutuan berhubong dengan kelambatan mereka menerima pension-nya, tidak pun di-jawab oleh Pegawai Perjawatan Persekutuan;
- (c) apa-kah chara dan peratoran-nya bagi bakal<sup>2</sup> yang akan bersara itu hendak tahukan berkenaan pembayaran pension-nya.

**Enche' Tan Siew Sin:**

- (a) Tidak dapat di-beri jawab dengan tepat kapada pertanyaan ini kerana pertanyaan ini umum.

Tetapi patut-lah di-terangkan ia-itu ada beberapa perkara yang mesti di-buat dahulu baharu-lah boleh di-luluskan bayaran penchen. Menyempurnakan perkara<sup>2</sup> ini ta' dapat tidak lambat juga. Lama-nya menyiapkan surat<sup>2</sup> penchen bagi sa-saorang pegawai itu ia-lah di-antara sa-bulan dengan tiga bulan. Oleh kerana sa-saorang pegawai yang hendak bersara itu biasa-nya dapat chuti lama juga, di-ambil-nya sa-belum bersara, kalau lambat saperti ini pun tidak akan menyusahkan dia kerana dia akan mendapat gaji sementara menantikan siap surat<sup>2</sup> penchen-nya. Tetapi jika sa-saorang pegawai akan menanggung susah dan menyiapkan surat<sup>2</sup> penchen-nya itu lebih daripada sa-bulan, maka boleh-lah pegawai itu meminta di-bayar dahulu penchen atau baksis-nya, dan permintaan<sup>2</sup> demikian itu biasa-nya di-benarkan. Betul juga ia-itu peratoran dalam Pejabat Penchen barangkali boleh di-perelokkan supaya dapat di-segerakan lagi bayaran penchen. Dengan tujuan hendak menyege-rakan itu, maka sa-orang pegawai kanan Pejabat Perjawatan Kerajaan Persekutuan telah di-hantar ka-Jabatan Perbendaharaan di-United Kingdom kerana belajar selok-belok kerja penchen di-sana. Atoran yang ada sekarang di-sini sedang di-halusi dan di-jangka akan dapat di-baiki lagi dalam sedikit masa akan datang.

- (b) Atoran biasa ia-lah surat<sup>2</sup> demikian itu di-jawab dengan kad berchap mengatakan telah di-terima. Jika boleh di-sebutkan surat siapa yang tidak berjawab, boleh-lah di-siasat habis<sup>2</sup>.
- (c) Orang<sup>2</sup> penchen yang hendak bertanya berkenaan dengan hal<sup>2</sup> penchen-nya hendak-lah bertanya atau buat surat kepada Ketua Pejabat tempat kerja yang penghabisan.

## MINISTRY OF HEALTH AND SOCIAL WELFARE

### Assistance to old People

**31. Enche' Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat:

- (a) berapa ramai orang<sup>2</sup> tua yang menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam tahun 1961, dan nyatakan bangsa mereka;
- (b) berapa-kah jumlah bantuan yang dapat di-berikan kepada mereka pada tiap<sup>2</sup> bulan.

**Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat (Dato' Ong Yoke Lin):**

- (a) Bilangan orang tua yang mendapat bantuan wang, menurut Rancangan Bantuan kepada orang ramai, daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dalam tahun 1961 ia-lah 7,057 orang. Wang bantuan kepada orang ramai ada-lah di-untukkan oleh Kerajaan Negeri.
- (b) Hetong panjang jumlah bayaran bulan<sup>2</sup> dalam tahun 1961 ia-lah \$32,962. Bayaran<sup>2</sup> itu tidak tentu berapa lama-nya, ada yang beberapa bulan sahaja mengikut keadaan sa-saorang sa-telah di-siasat keadaan-nya itu.

### Old Peoples' Homes and Women Rehabilitation Centres

**32. Enche' Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat:

- (a) berapa buah rumah orang<sup>2</sup> tua didirikan di-Persekutuan Tanah Melayu dan berapa ramai penghuni-nya di-rumah<sup>2</sup> itu;
- (b) berapa buah Rumah Pemulehan Ikhlik untuk wanita<sup>2</sup> di-Persekutuan Tanah Melayu dan bilangan penghuni-nya.

**Dato' Ong Yoke Lin:**

- (a) Ada 8 buah Rumah Orang Tua yang di-tanggung belanja oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Persekutuan, boleh muat sa-ramai 1,630 orang. Sa-lain

daripada itu ada dalam Persekutuan Tanah Melayu 84 buah Rumah Orang Tua yang di-jalankan oleh badan<sup>2</sup> sukarela dengan di-bantu oleh Kerajaan dan daripada wang Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat, boleh muat saramai 1,750 orang.

- (b) Ada sa-buah Pusat Pemulehan bagi orang<sup>2</sup> perempuan, Po Leung Kok, di-Pulau Pinang, di-jalankan oleh sa-buah badan sukarela dengan mendapat bantuan daripada Kerajaan. Pada masa ini ada enam orang perempuan di-sana.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Kerajaan ada dua tempat ia-itu Sekolah Budak Jahat Perempuan di-Sungai Lereh, Melaka dan Rumah Tompangan Bahagia di-Kuala Lumpur ia-lah bagi budak<sup>2</sup> perempuan yang ka-bawah daripada 17 tahun umur pada masa di-hantar ka-sana. Pada masa ini sekolah<sup>2</sup> itu ada 55 orang budak perempuan yang di-hantar ka-sana menurut Undang<sup>2</sup> Mahkamah Budak<sup>2</sup>.

#### Federation Blood Bank

33. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat:

- (a) berapa banyak darah yang dikehendaki bagi Tabong Darah Persekutuan;
- (b) berapa banyak darah yang telah di-gunakan dari Tabong Darah Persekutuan semenjak Merdeka;
- (c) berapa jumlah ahli penderma darah;
- (d) apa-kah hadiah<sup>2</sup> yang di-berikan kepada mereka itu.

#### Dato' Ong Yoke Lin:

- (a) Kita tidak ada "Tabong Darah" seperti yang di-maksudkan itu. Banyak-nya darah yang dikehendaki oleh rumah<sup>2</sup> sakit diseluruh Persekutuan Tanah Melayu di-anggarkan 20,200 pint pada sa-tahun.
- (b) Banyak-nya darah yang telah di-pakai semenjak Merdeka berjumlah 58,800 pint.

(c) Bilangan pemberi<sup>2</sup> darah yang ada dalam daftar ia-lah 20,560 orang.

(d) Hadiah<sup>2</sup> yang telah di-beri kepada pemberi<sup>2</sup> darah semenjak Merdeka ia-lah seperti di-bawah ini:

3 Palang/Bintang Emas kelas 2...	Jumlah 25 pemberian
7 Palang/Bintang Emas kelas 1...	Jumlah 20 pemberian
72 Bintang Emas	Jumlah 15 pemberian
326 Bintang Perak	Jumlah 5 pemberian
557 Bintang Suasa	Jumlah 3 pemberian

#### Radio Active Fallout

34. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat ada-kah apa<sup>2</sup> tindakan yang telah di-ambil oleh Kerajaan untuk menentukan sukatan debu Radio Active dalam Persekutuan Tanah Melayu dengan ada-nya letupan bom Nuclear Rusia sa-berat 50 megaton itu, dan sa-kira-nya ada tindakan<sup>2</sup> itu, ada-kah debu itu akan membahayakan kepada penduduk Persekutuan Tanah Melayu.

Dato' Ong Yoke Lin: Bagi menentukan ada tidak-nya debu berachun (radio active) dalam udara, maka dikehendaki suatu alat khas dan alat ini telah di-masokkan dalam daftar barang X-ray dan lain<sup>2</sup> alat kesiapan yang akan di-hadiahkan oleh Kerajaan Federal Republic German kepada Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi barang<sup>2</sup> ini di-jangka tidak akan sampai sa-hingga tahun 1963/64. Kerana hendak menyegerakan kerja, Kementerian Kesihatan, Persekutuan Tanah Melayu, telah bersetuju berpakat dengan Kementerian Kesihatan Singapura hendak membeli alat seperti yang di-sebutkan itu.

Dengan sebab itu Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak dapat mempestitkan berapa banyak debu berachun dalam Persekutuan Tanah Melayu yang di-sebabkan oleh bomb nukliar 50 megaton yang di-letupkan oleh Rusia baharu<sup>2</sup> ini.

Akan tetapi Kementerian saya sepanjang masa mendapat keterangan daripada natijah ujian<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh University of Singapura

dalam hal ini. Ujian<sup>2</sup> ini menunjukkan ada-lah bahan debu beracun itu (radio active) ia-lah sa-takat "Factor No. 2" dan di-fikirkan sedikit pun tidak merbahaya kepada penduduk<sup>2</sup> dalam Persekutuan. Yang boleh memamatkan orang ia-lah kalau "Factor 50 sampai 60".

## MINISTRY OF THE INTERIOR

### Councils

**35. Enche' Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Dalam Negeri berapa buah Majlis<sup>2</sup> yang di-sebutkan di-bawah ini dalam Persekutuan Tanah Melayu:

- (a) Majlis Bandar Raya
- (b) Majlis Municipal
- (c) Majlis Bandaran
- (d) Majlis Tempatan.

**Menteri Dalam Negeri (Dato' Dr. Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman):** Kedudukan sekarang ia-lah seperti di-bawah ini:

- (a) Majlis Bandar Raya (City Council) ... .. 1
- (b) Majlis Perbandaran (Municipal Council) ... .. 2
- (c) Majlis Bandar (Town Council) ... .. 38\*
- (d) Majlis Tempatan (Local Council) ... .. 293

\* 27 buah daripada-nya ia-lah Majlis berkuasa sendiri dalam hal ehwal kewangan-nya.

### Aborigines in the mukim of Tangkak

**36. Enche' Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Dalam Negeri apa-kah langkah<sup>2</sup> yang di-chadang oleh Kerajaan untuk memberi nikmat Rancangan Pembangunan Luar Bandar kepada orang<sup>2</sup> asli Mukim Tangkak.

**Dato' Dr. Ismail:** Orang<sup>2</sup> asli penduduk Mukim Tangkak mengandungi tiga kumpulan orang<sup>2</sup> Temuan sa-ramai 110 orang semua sa-kali. Menurut Rancangan Lima Tahun bagi Jabatan Orang Asli, sa-jumlah 97 ekar tanah Kerajaan telah di-gazettekan sa-bagai tanah simpanan orang asli dan telah di-asingkan untuk di-gunakan oleh orang<sup>2</sup> asli di-Tanah Gambah. 300 ekar lagi telah di-minta dan sedang di-rundingkan dengan Jabatan Hutan. Orang<sup>2</sup> asli dalam Mukim Tangkak telah di-sediakan juga dengan sa-buah

kolam ikan; alat kerja tani dan barang<sup>2</sup> ramu rumah telah di-beri kepada mereka dengan perchuma.

Jabatan Orang Asli (Johor) baharu<sup>2</sup> ini telah membuat suatu penyata 42 muka mengandungi hal satu-persatu dan menerangkan chadangan<sup>2</sup> hendak memberi kemudahan luar bandar kepada orang<sup>2</sup> asli di-Johor. Hasil daripada penyata itu, maka sekarang Kerajaan Johor telah menubuhkan sa-buah jawatan-kuasa khas dengan diketuakan oleh Timbalan Pengerusi Jawatan-Kuasa Kemajuan Luar Bandar, Negeri Johor sa-bagai pengerusi-nya ia-lah bagi menimbangkan apa<sup>2</sup> jalannya hendak memajukan orang<sup>2</sup> asli dalam Johor.

### Federal Citizens

**37. Tuan Syed Esa bin Alwee** bertanya kepada Menteri Dalam Negeri berapa jumlah penduduk<sup>2</sup> dalam tiap<sup>2</sup> negeri yang telah menjadi ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu sa-hingga akhir tahun 1961.

**Dato' Dr. Ismail:** Jumlah bilangan warga negara Persekutuan yang telah di-daftarkan hingga 31 haribulan December, tahun 1961 ia-lah 1,795,087 orang.

Bilangan mengikut Negeri<sup>2</sup> ia-lah seperti di-bawah ini:

Negeri	Bilangan orang yang telah jadi warga negara
Selangor ... ..	391,213
Negeri Sembilan ... ..	79,102
Kelantan ... ..	12,858
Pulau Pinang ... ..	193,934
Melaka ... ..	58,772
Pahang ... ..	55,024
Perak ... ..	349,145
Johor ... ..	188,952
Trengganu ... ..	11,135
Kedah ... ..	104,150
Perlis ... ..	10,462
Persekutuan Tanah Melayu (hingga tahun 1952) ... ..	340,340
Jumlah ... ..	1,795,087

## MINISTRY OF INTERNAL SECURITY

Royal Federation of Malaya Police—  
Marching to Mosque for Friday prayers

**38. Enche' Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri apa-kah sebab-nya



anggota polis yang beragama Islam tidak berbaris waktu menunaikan fardzu Juma'at, bagaimana yang diperbuat sa-belum perang dahulu.

**Menteri Keselamatan Dalam Negeri (Dato' Dr. Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman):** Ahli<sup>2</sup> pasokan Polis di-Raja Persekutuan Tanah Melayu yang beragama Islam biasa-nya berkawad pergi ka-masjid sembahyang Juma'at jika masjid itu dekat dengan rumah Polis, syarat-nya ada chukup orang, yang tidak menjalankan kewajipan<sup>2</sup> mustahak, boleh di-adakan baris kawad.

Di-Kuala Lumpur, kadang<sup>2</sup> ahli Pasokan Polis yang beragama Islam, dengan berpakaian kawad, dan disertai oleh pasokan pancharagam polis, berkawad pergi ka-Masjid Jame' kerana sembahyang Juma'at.

#### Police Buildings and Barracks at Tangkak

**39. Enche' Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri ada-kah Kerajaan sedar bahawa bangunan Polis dan sa-bahagian daripada barik Polis Tangkak, Johor itu sangat burok dan berhampiran dengan jalan raya, dan sa-kira-nya sedar, ada-kah Kerajaan berchadang hendak menggantikan dengan bangunan baharu, dan bila.

**Dato' Dr. Ismail:** Kerajaan sedar akan keadaan bangunan<sup>2</sup> polis dan berek<sup>2</sup> polis di-Tangkak dan Kerajaan berchadang hendak menggantikan bangunan<sup>2</sup> ini dalam tahun 1964 menurut Rancangan Kemajuan Lima Tahun.

#### Deaths by Drowning

**40. Enche' Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Keselamatan dalam Negeri:

- (a) berapa ramai kanak<sup>2</sup> dan dewasa mati lemas semenjak Merdeka;
- (b) berapa jumlah kematian lemas semenjak Merdeka dalam negeri Johor;
- (c) apa-kah langkah<sup>2</sup> Kerajaan yang telah di-ambil untuk mengelakkan kejadian itu.

#### Dato' Dr. Ismail:

(a) Bilangan orang mati lemas semenjak Merdeka ia-lah:

Budak <sup>2</sup>	...	1,373	orang
Orang tua	...	1,227	..
		—	
Jumlah	...	2,600	..
		—	

(b) Bilangan orang mati lemas dalam Johor semenjak Merdeka ia-lah:

Budak <sup>2</sup>	...	268	orang
Orang tua	...	177	..
		—	
Jumlah	...	445	..
		—	

(c) Perkara ini mengenai pehak berkuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Di-fahamkan ia-itu langkah<sup>2</sup> saperti yang tersebut di-bawah ini sedang di-jalankan sekarang dengan tujuan hendak mengelakkan kemalangan mati jatuh sungai atau perigi atau sa-umpama-nya:

- (i) Dalam kawasan kemajuan luar bandar, perigi<sup>2</sup> yang dibuat oleh Kerajaan ada diberi berinding dan bertutup takutkan orang jatuh ka-dalam-nya.
- (ii) Di-kampong<sup>2</sup>, penduduk<sup>2</sup> kampong di-nasihatkan supaya membuat dinding dan tutup perigi mereka supaya jangan orang jatuh ka-dalam-nya.
- (iii) Dalam kawasan<sup>2</sup> Majlis Bandar dan Majlis Tempatan yang mendapat ayer daripada perigi, syarat<sup>2</sup> biasa memang di-kuatkan bila<sup>2</sup> orang membuat perigi sendiri.
- (iv) Dalam kawasan<sup>2</sup> tepi sungai dan tepi laut, mengadakan bilangan pelampung yang chukup ia-lah satu syarat baharu boleh di-keluarkan lesen perahu penambang dan peri membawa orang<sup>2</sup> tumpangan.

Walau macham mana pun, sungguh pun ada langkah<sup>2</sup> menjaga keselamatan, tetapi mustahak juga mendapat kerjasama daripada orang ramai bagi keselamatan diri mereka sendiri.

## MINISTRY OF JUSTICE

### Letters of Administration

**41. Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor** bertanya kepada Menteri Ke'adilan kenapa-kah surat<sup>2</sup> permintaan Kuasa Harta dan Tanah lambat di-selenggarakan oleh Pejabat Daerah, walau sa-kali pun di-hantar beberapa puchok surat ulangan kapada-nya, dan apa-kah sikap Kerajaan untuk memudahkan urusan permintaan surat<sup>2</sup> Kuasa itu masa hadapan.

**Menteri Ke'adilan (Tun Leong Yew Koh):** Permohonan<sup>2</sup> meminta Surat Kuasa ia-lah di-buat kepada Pegawai Daerah dengan sifat-nya sa-bagai Pemungut Hasil Tanah menurut Undang<sup>2</sup> Tanah yang berjalan kuatkuasa-nya dalam sa-sabuah negeri. Maka sayogia-nya di-timbangkan ia-itu menurut syarat<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> (Berbahagi) Harta Pesaka Sadikit<sup>2</sup>, tahun 1955, Pemungut Hasil Tanah, apabila di-terima-nya Rayuan hendak berbahagi harta pesaka, hendak-lah ia menyiasat hal itu habis<sup>2</sup>. Pemungut Hasil Tanah di-kehendaki menuliskan semua keterangan saksi dalam bichara harta pesaka itu dan memutuskan, daripada keterangan<sup>2</sup> itu, siapa warith yang berhak mendapat harta itu dan berapa bahagian masing<sup>2</sup>. Dengan sebab itu ta' dapat tidak lama juga-lah masa-nya baharu dapat di-keluarkan perintah boleh berbahagi harta pesaka itu. Tetapi jika sa-kiranya ada mana<sup>2</sup> permintaan yang terlambat benar di-selesaikan, maka Ahli Yang Berhormat itu boleh-lah, sa-kiranya baik pada fikiran-nya, berutus dengan Kerajaan Negeri.

## MINISTRY OF RURAL DEVELOPMENT

### F.L.D.A. Scheme

**42. Enche' V. Veerappen** asks the Deputy Prime Minister to state how much a settler in a F.L.D.A. Scheme

owes the Federal Government by the time his land is in full production.

**The Deputy Prime Minister (Tun Abdul Razak):** Approximately \$7,228.00.

**43. Enche' V. Veerappen** asks the Deputy Prime Minister to state what is the rate of interest, if any, charged by Government on the debt.

**Tun Abdul Razak:** The rate of interest is at present under consideration.

**44. Enche' V. Veerappen** asks the Deputy Prime Minister to state whether the Federation Government proposes to recover such debt, and if so, how.

**Tun Abdul Razak:** By monthly instalments when the settler is obtaining a profitable return from the marketing of his major crop.

## MINISTRY OF TRANSPORT

### Hualage Permits

**45. Tuan Syed Esa bin Alwee** bertanya kepada Menteri Pengangkutan berapa banyak-kah kebenaran "A" haulage yang telah di-keluarkan sa-hingga hari ini kapada tiap<sup>2</sup> negeri dan berapa banyak-kah daripada jumlah bilangan ini di-beri kapada orang<sup>2</sup> Melayu.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Sardon bin Haji Jubir):** Bilangan lesen "A" haulage yang telah di-keluarkan sa-hingga 31 haribulan March, 1962 ia-lah saperti di-bawah ini:

Negeri	Jumlah	Kapada Melayu
Johor	378	22
Melaka	104	9
Negri Sembilan	141	3
Selangor	483	3
Perak	296	14
Pulau Pinang dan Province		
Wellesley	208	9
Kedah/Perlis	89	25
Kelantan/Trengganu	22	14
Pahang	61	10

## MINISTRY OF WORKS, POSTS AND TELECOMMUNICATIONS

### Post Office at Bukit Gambir

**46. Enche' Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom ada-kah Kerajaan berchadang hendak mendirikan Pejabat Pos di-pekan Bukit Gambir, dan bila.

**Menteri Kerja Raya, Pos dan Tali-kom (Dato' V. T. Sambanthan):** Chadang hendak mendirikan Pejabat Pos di-Bukit Gambir itu sudah di-masokkan dalam Rancangan Lima Tahun bagi tahun 1964.

## PRIME MINISTER'S DEPARTMENT

### Non-Malay Muslim Missionary Officers

**47. Enche' Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Perdana Menteri berapa ramai Pegawai Persekutuan Seruan Islam Sa-Malaya yang bukan Melayu, bekerja dalam Jabatan Penerangan, serta nyatakan nama<sup>2</sup>-nya, dan dalam bahagian apa mereka di-tempatkan.

**Perdana Menteri:** Tidak ada.

### Equal Pay for Women Employees

**48. Enche' V. Veerappen** asks the Prime Minister to state when the Committee of Enquiry into the question of equal pay for women employees in the Public Services is going to be appointed.

**The Prime Minister:** The Government has appointed a Committee of officials comprising representatives of various Ministries, the Treasury and the Malayan Railway to examine the claim.

**49. Enche' V. Veerappen** asks the Prime Minister to state whether this Committee of Enquiry, when appointed, would have the status of a Parliamentary Committee or that of a Royal Commission.

**The Prime Minister:** Neither. The Committee is an official Committee.

**50. Enche' V. Veerappen** asks the Prime Minister to state, if the answer to the question above is in the negative,

what exactly would be the status of this Committee and whether its report would be placed before Parliament.

**The Prime Minister:** This is already clarified in the answers to the questions above.

**51. Tuan Syed Esa bin Alwee** bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan berchadang hendak menyamakan tingkatan gaji pegawai<sup>2</sup> perempuan dengan pegawai<sup>2</sup> lelaki dalam semua peringkat perjawatan.

**Perdana Menteri:** Perkara ini sedang di-halusi oleh sa-buah Jawatan-Kuasa rasmi yang di-lantek oleh Kerajaan.

### Legislation for refusal to Vote

**52. Tuan Syed Esa bin Alwee** bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan berchadang hendak membuat suatu undang<sup>2</sup> menguatkan dan memberi hukuman kepada ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu yang berumur 21 tahun kerana tidak mahu keluar mengundi dalam sa-barang pilihan raya.

**Perdana Menteri:** Kerajaan tidak berchadang hendak mengeluarkan undang<sup>2</sup> demikian itu.

### Advance against Pension entitlement

**53. Tuan Syed Esa bin Alwee** bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan berchadang hendak memberi pendahuluan sa-bahagian daripada pension atau semua-nya yang patut diterima-nya kepada pegawai<sup>2</sup> Kerajaan yang telah berumur 55 tahun, tetapi maseh suka hendak berkhidmat lagi sa-hingga 60 tahun supaya daripada pendahuluan pension itu dapat peluang membuat rumah atau masok dalam sa-barang sher yang di-galakkan oleh Kerajaan.

**Perdana Menteri:** Menurut undang<sup>2</sup> penchen, penchen atau sa-umpama-nya tidak boleh di-bayar sa-hingga sa-saorang pegawai itu telah bersara betul daripada jawatan Kerajaan dengan sebab<sup>2</sup> yang mematutkan dia boleh dapat penchen, baksis atau sa-umpama-nya. Dengan sebab itu tidak-lah boleh di-bayar pendahuluan.

## HUJONGAN KHAS

KAPADA

TITAH UCHAPAN

**Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Majlis Pembukaan Parlimen pada hari Rabu, 25hb April, 1962**

*Kertas ini ia-lah Hujongan Khas kepada Titah Uchapan yang di-lafadzkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Majlis Pembukaan Parlimen pada hari Rabu, 25 haribulan April, tahun 1962, ia-itu mengandongi lain<sup>2</sup> penerangan yang lengkap.*

### PERDANA MENTERI

#### (1) Jawatan-Kuasa Peranchang Pembangunan Negara

Tugas<sup>2</sup> kewajipan Jawatan-Kuasa Peranchang Pembangunan Negara itu ia-lah:

- (i) Mengupas dan mengkaji ranchangan<sup>2</sup> pembangunan tiap<sup>2</sup> tahun dan membuat shor<sup>2</sup> berkenaan dengan perkara menguntok<sup>2</sup>kan perbelanjaan.
- (ii) Memeriksa sebab<sup>2</sup>-nya Ranchangan itu lambat di-laksanakan dan kesusahan, menjalankan-nya dan menchadangkan bagaimana jalan-nya supaya tiada lambat dan tiada susah menjalankan-nya.
- (iii) Menchadangkan apa<sup>2</sup> perubahan yang mustahak di-buat kepada Ranchangan itu oleh kerana keadaan ekonomi berubah<sup>2</sup> dan menimbangkan kesulitan<sup>2</sup> yang timbul pada masa menjalankan Ranchangan itu, dan
  - (a) membuat keputusan<sup>2</sup> atas hal ini atau
  - (b) meminta fikiran Jawatan-Kuasa Ekonomi Kabinet;
- (iv) Menimbangkan perkara<sup>2</sup> atau masa'elah<sup>2</sup> yang ada kena mengena dengan Ranchangan itu ia-itu yang di-serahkan kapada-nya oleh Kerajaan dari sa-masa ka-samasa.

#### (2) Jawatan-Kuasa Penasihat Ekonomi

Tugas<sup>2</sup> kewajipan Jawatan-Kuasa Penasihat Ekonomi itu ia-lah :

- (i) Menimbangkan perkara membuat dan menjalankan dasar<sup>2</sup> besar

dalam lapangan ekonomi dan menasihatkan Jawatan-Kuasa Ekonomi Kabinet dalam perkara itu.

- (ii) Menimbangkan masa'elah yang di-serahkan kapada-nya oleh Kerajaan dari sa-masa ka-samasa dan membuat shor<sup>2</sup> berkenaan dengan-nya.

#### (3) Ranchangan Negara, Kuala Lumpur

Ranchangan negara di-Ibu Kota Persekutuan amat menarek perhatian orang ramai. Kerja melaksanakan dua buah daripada ranchangan<sup>2</sup> ini telah dimulakan beberapa lama dahulu dan akan siap dalam tahun ini. Ranchangan<sup>2</sup> itu ia-lah ranchangan membena Muzium Negara dan ranchangan membena Stadium Negara. Pada minggu yang lepas Stadium Negara telah di-buka dengan resmi-nya oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Stadium itu ia-lah suatu buah tangan usaha ahli<sup>2</sup> jurutera yang mena'jubkan. Ia akan di-gunakan bagi mengadakan sokan dalam rumah dan pertunjukan<sup>2</sup>. Kerajaan sedang menyediakan undang<sup>2</sup> berkenaan dengan Stadium Merdeka. Pada masa ini Stadium itu di-tadbirkan oleh sa-buah Lembaga Penguasa tetapi Lembaga itu tiada mempunyai kuasa yang sah pada sisi undang<sup>2</sup>. Oleh hal yang demikian satu undang<sup>2</sup> ada-lah sedang di-buat untok menjadikan Stadium Merdeka itu sa-buah perbadanan yang di-tadbirkan oleh sa-buah Lembaga Penguasa. Apabila undang<sup>2</sup> ini berjalan kuatkuasa-nya Stadium Negara pun akan di-tadbirkan oleh Lembaga Penguasa Stadium Merdeka.

Muzium Negara ada-lah satu lagi ranchangan yang amat berfaedah kapada negara. Muzium ini di-bena untok menggantikan Muzium lama yang di-binasakan oleh bomb pada masa Peperangan Dunia yang Kedua dahulu. Kerajaan akan mengadakan undang<sup>2</sup> bagi Kerajaan<sup>2</sup> Negeri menubuhkan Muzium. Mengikut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, Muzium ia-lah tanggong jawab Kerajaan Pusat akan tetapi oleh kerana beberapa buah Negeri telah ada Muzium<sup>2</sup>-nya sendiri maka di-fikirkan patut di-adakan undang<sup>2</sup> bagi memberi kuasa kapada Negeri<sup>2</sup> itu

menubuhkan Muzium. Tambahan pula, Negeri yang lain<sup>2</sup> suka hendak menubuhkan Muzium<sup>2</sup>-nya masing<sup>2</sup>. Chadangan hendak mengadakan undang<sup>2</sup> itu telah pun mendapat persetujuan Kerajaan<sup>2</sup> Negeri.

Kerja menerangkan tapak Masjid Negara sedang di-jalankan dan demikian juga-lah persediaan bagi menegakkan Tugu Peringatan Kebangsaan bagi mengenang jasa mereka yang telah terkorban pada masa Dharurat dahulu. Sambutan ra'ayat kepada rayuan mengutip derma bagi kedua<sup>2</sup> buah ranchangan ini amat-lah memuaskan hati. Dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada tahun yang lalu Baginda telah memberi tahu ia-itu Kerajaan berhajat hendak mendirikan sa-buah Tugu Peringatan Kebangsaan bagi mengingatkan perjuangan Pasokan<sup>2</sup> Keselamatan melawan keganasan Kominis. Tugu ini sedang di-bena dengan wang derma yang di-kutip daripada orang ramai dan wang yang di-adakan oleh Kerajaan. Kerja menempa patong<sup>2</sup> tembaga bagi Tugu Peringatan Kebangsaan itu ada-lah sedang di-jalankan dan demikian juga kerja menyediakan tapak Tugu itu di-kawasan Taman Bunga. Kerja menerangkan tempat tapak itu sedang di-jalankan.

Kerajaan sedang menimbangkan suatu ranchangan baharu ia-itu hendak membena sa-buah Istana Negara yang baharu di-sabwah kawasan yang tiada jauh daripada Taman Bunga bersempadan dengan kawasan Duta. Kerajaan memikirkan sa-buah Istana yang sesuai hendak-lah di-dirikan bagi menggantikan Istana Negara yang ada ini kerana Istana itu tiada memuaskan hati oleh sebab masa mula<sup>2</sup> di-bena dahulu bukan di-maksudkan hendak di-jadikan Istana. Istana Negara yang baharu itu di-fikirkan patut mempunyai kemudahan<sup>2</sup> yang tiada pada Istana yang ada ini ia-itu seperti kolam bernang, padang tennis dan padang golf supaya Ketua Negara tiada payah pergi ka-tempat lain.

#### (4) Menggalakkan Kesenian

Berkenaan dengan kesenian Kerajaan ada-lah menggalakkan kesenian dengan jalan memberi bantuan wang kepada

berbagai<sup>2</sup> pertubohan<sup>2</sup> kesenian. Di-antara pertubohan<sup>2</sup> yang mendapat bantuan<sup>2</sup> itu ia-lah Majlis Kesenian, Persekutuan Tanah Melayu, Balai Seni Lukis Negara dan Angkatan Pelukis Semenanjung. Majlis Kesenian telah meminda Perlembagaan-nya supaya yang banyak menjadi ahli<sup>2</sup>-nya ia-lah wakil<sup>2</sup> pertubohan<sup>2</sup> kesenian di-Persekutuan Tanah Melayu ini. Undang<sup>2</sup> telah di-adakan bagi menentukan perkara mentadbirkan Balai Seni Lukis Negara itu akan tetapi undang<sup>2</sup> itu belum lagi berjalan kuatkuasa-nya. Tiada berapa lama lagi sa-buah Lembaga Amanah akan di-lantek.

#### (5) Jabatan Muzium

Dua perkara yang penting dalam ranchangan<sup>2</sup> bagi Jabatan Muzium telah mula di-jalankan dalam tahun ini. Yang pertama berkenaan dengan Muzium Negara yang baharu. Yang kedua berkenaan dengan lantekan sa-orang Melayu yang mula<sup>2</sup> sa-kali menjadi pegawai kanan dalam Jabatan itu. Ia telah di-lantek menyandang jawatan Curator Muzium pada bulan Januari. Sa-lain daripada itu sa-orang lagi orang Melayu sedang menuntut 'Ilmu Archæology di-University Cambridge. Apabila ia kembali kelak di-harap ia akan menyandang jawatan Curator Archæology yang pada masa ini maseh kosong. Satu lagi jawatan ia-itu Curator Zoology telah di-adakan. Di-harap akan dapat sa-orang Malayan menyandang jawatan ini pada tahun ini. Banyak barang<sup>2</sup> pertukangan orang Melayu yang chantek dan jarang di-jumpai telah dapat di-chari untuk Muzium Negara itu. Jabatan itu ada memelihara sa-buah Kubu Melayu perbakala di-Johor Lama. Kubu ini telah di-chari oleh kaki-tangan Jabatan itu pada tahun 1960. Sa-telah di-jumpai ia telah di-bena sa-mula pada tahun itu juga. Tiga orang kaki-tangan Jabatan itu telah berada di-Kedah Selatan sa-lama tiga bulan mencari tapak sa-buah kubu perbakala di-Pengkalan Bujang dan mereka telah berjumpa dengan 10,000 keping tembikar, kacha dan barang<sup>2</sup> seperti labu dan belanga yang di-gunakan orang lebeh daripada 900 tahun dahulu. Yang demikian itu ada-lah menunjukkan bahawa di-tempat ini ada sa-buah

bandar pelabohan yang ma'amor tempat perdagangan dengan negeri<sup>2</sup> asing dalam kurun yang ke-sabelas dan dua belas dahulu.

(6) Menghantar Ra'ayat Melawat Negeri<sup>2</sup> Asing

Kerajaan telah mengadakan lawatan<sup>2</sup> ka-luar negeri asing untuk meluaskan pandangan ra'ayat kita dan mengokohkan lagi tali persahabatan ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu dengan ra'ayat negeri<sup>2</sup> jiran kita. Pada tahun yang lalu 25 kumpulan ra'ayat Persekutuan ia-itu 247 orang laki<sup>2</sup> dan 52 orang perempuan daripada berbagai<sup>2</sup> gulungan telah melawat negeri<sup>2</sup> asing. Negeri<sup>2</sup> yang di-lawat berjumlah dua belas buah. Lawatan ka-negeri asing ada-lah di-ranchangkan lagi bagi tahun ini, tiga kumpulan sedang membuat lawatan. Kerajaan Persekutuan ada-lah juga menjemput penduduk<sup>2</sup> dari negeri<sup>2</sup> tetangga-nya untuk melawat Persekutuan Tanah Melayu. Pada tahun lalu ada sa-puluh lawatan yang telah di-lakukan oleh kumpulan wakil<sup>2</sup> dari negeri<sup>2</sup> Borneo dan banyak lagi lawatan<sup>2</sup> yang sa-umpama itu di-ranchangkan bagi tahun ini.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN SHARIKAT KERJASAMA**

Bagi memperelokkan lagi perjalanan tadbiran Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama supaya kerja<sup>2</sup> berkenaan dengan Ranchangan Pembangunan Lima Tahun yang Kedua dapat di-laksanakan dengan lancar-nya, maka semua Jabatan di-dalam Kementerian itu telah di-satukan dalam tahun 1961. Untuk menchapai kejayaan sa-bagaimana yang di-chadangkan di-dalam Ranchangan itu maka Kementerian itu telah di-beri tanggung-jawab<sup>2</sup> yang lebeh berat lagi. Jika di-pandang kapada kejayaan yang telah di-chapai dalam tahun 1961, tiada shak lagi kejayaan yang gilang gemilang akan di-chapai dalam tahun ini.

Banchi pertanian yang telah di-jalankan oleh Kerajaan telah pun selesai, dan daripada hasil banchi ini dapat-lah Kerajaan menimbang dan menyusun ranchangan kemajuan pertanian yang lebeh baik dan dapat di-laksanakan dengan lichin-nya.

Kerajaan Beta sedar peri ada-nya lagi kekurangan bahan makanan yang mustahak, terutama sa-kali padi. Oleh itu kerja<sup>2</sup> menyelidek ada-lah di-utamakan supaya pengeluaran padi dapat di-tambah lebeh banyak lagi. Maka dengan bantuan dan kerjasama pakar<sup>2</sup> dari luar negeri, kita telah berjaya di-dalam hal ini pada tahun lalu dan pada tahun ini kerja<sup>2</sup> menyelidek itu ada-lah di-perluaskan lagi. Sa-lain daripada itu Kerajaan Beta berchadang hendak memberi beneh<sup>2</sup> padi yang terpilih kapada penanam<sup>2</sup> padi dan juga baja dengan harga yang murah. Dengan jalan ini ada-lah di-harap bahawa pengeluaran padi akan dapat di-tambah lagi dari sa-tahun ka-sa-tahun.

Kerajaan ada-lah mengambil perhatian yang berat betapa mustahak-nya mengadakan berjenis<sup>2</sup> tanaman dalam lapangan pertanian. Umpama-nya menggalakkan tanaman kelapa bali dan pokok sabut manila. Kementerian telah pun menyiasat dan maseh lagi menyiasat sama ada tanah-nya sesuai atau tidak bagi tanaman<sup>2</sup> tersebut. Penyelidekan<sup>2</sup> kapada lain<sup>2</sup> tanaman ada-lah juga di-jalankan. Kerajaan Beta sedar akan kesusahan<sup>2</sup> yang di-hadapi oleh kebun<sup>2</sup> kelapa dan ranchangan menanam sa-mula kelapa ada-lah sedang di-jalankan pada tahun ini, begitu juga dusun<sup>2</sup> buah<sup>2</sup>an yang telah tua di-kampong<sup>2</sup> ada-lah juga di-ranchangkan untuk di-tanam sa-mula.

Dalam tahun 1961 Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan<sup>2</sup> Negeri telah dapat menyudahkan 120 ranchangan parit dan tali ayer dan ranchangan yang terbesar sa-kali yang telah di-siapkan ia-lah di-Tampoi, Johor. Di-situ sa-luas 29,650 ekar tanah kelapa dan getah telah dapat di-keringkan kawasan<sup>2</sup>-nya yang benchah dan di-Besut pula sa-luas 5,585 ekar tanah telah dapat di-naikkan ayer untuk bertanam padi. Dalam tahun ini lebeh banyak lagi ranchangan<sup>2</sup> akan di-laksanakan yang akan memakan belanja sa-banyak 23 juta ringgit. Sa-tengah<sup>2</sup> daripada ranchangan parit dan tali ayer ini akan membolehkan satu<sup>2</sup> kawasan itu di-tanami dengan padi dua kali sa-tahun dan ada-lah menjadi chita<sup>2</sup> Kerajaan hendak menambah lagi kawasan<sup>2</sup> tempat bertanam padi yang sa-umpama itu.

Kerajaan juga sedar berkenaan dengan kekurangan binatang<sup>2</sup> ternak di-dalam negeri ini. Oleh itu dalam tahun 1961 langkah<sup>2</sup> telah di-ambil bagi menambahkan lagi bilangan binatang<sup>2</sup> ternak itu. Berternak ayam, itek dan babi ada-lah berjalan dengan jaya-nya.

Bagi meninggikan lagi taraf hidup nelayan<sup>2</sup>, maka Kerajaan sa-bagaimana pada tahun<sup>2</sup> yang lalu akan chuba menggalakkan lagi mereka itu menggunakan motorboat<sup>2</sup> dan alat<sup>2</sup> penangkap ikan yang lebeh baik supaya mereka itu dapat menangkap ikan lebeh banyak lagi. Nelayan<sup>2</sup> juga telah di-galakkan menangkap ikan di-lautan<sup>2</sup> yang dalam. Bantuan<sup>2</sup> wang yang di-beri kepada nelayan<sup>2</sup> ini ada-lah melalui Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama. Jabatan Perikanan telah juga memberi nasihat<sup>2</sup> yang berguna kepada orang kampong supaya mereka itu dapat menjual barang<sup>2</sup> jualan mereka dan membeli barang<sup>2</sup> keperluan mereka dengan harga yang patut. Pada tahun ini Kerajaan akan mengembangkan lagi kemajuan Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama yang pada masa ini telah mengambil bahagian yang besar di-dalam perkembangan kemajuan perusahaan.

#### KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN

Sa-belum ini telah di-nyatakan betapa luas-nya lunas<sup>2</sup> dasar Kerajaan mengenai badan<sup>2</sup> perusahaan yang di-jalankan bersendirian. Dengan hal yang demikian banyak modal yang telah dapat di-tarek ka-dalam negeri ini bagi faedah perusahaan dan juga sangat memuaskan. Banyak-nya bilangan sharikat<sup>2</sup> perusahaan yang telah menanamkan modal-nya kerana telah di-beri taraf<sup>2</sup> perintis itu ada-lah sa-kali ganda lebeh banyak pada akhir tahun 1961 jika di-bandingkan dengan bilangan-nya yang ada pada tahun 1960.

Kerajaan akan terus berusaha menarek sa-berapa banyak lagi sharikat<sup>2</sup> perusahaan dan kawasan<sup>2</sup> tempat mendirikan kilang<sup>2</sup> perusahaan akan di-adakan lebeh banyak lagi. Wang pinjaman akan di-berikan kepada Kerajaan Negeri untuk mengadakan kawasan<sup>2</sup> itu. Negeri Perak telah pun menerima wang pinjaman itu dan adalah di-jangka bahawa Kerajaan<sup>2</sup> Negeri yang lain akan dapat mengadakan

kawasan<sup>2</sup> perusahaan yang baharu dalam tahun ini.

Pada masa ini perusahaan<sup>2</sup> getah tiruan ada-lah di-tambah pengeluarannya, lebeh lagi dengan ada-nya chara<sup>2</sup> membuat getah tiruan yang baharu yang bernama "stereo-regular synthetic rubber". Oleh itu Kerajaan ada-lah memikirkan peri mustahak-nya mengadakan lebeh banyak lagi ladang<sup>2</sup> getah dan kebun<sup>2</sup> kecil untuk di-tanam semula. Kerja Jawatan-Kuasa Kerja Bersama yang telah di-tubuhkan untuk menimbangkan kedudukan masa hadapan ranchangan Kerajaan berkenaan dengan bertanam getah itu telah pun siap dan penyata Jawatan-Kuasa tersebut ada-lah sedang di-timbangkan oleh Kerajaan dengan sa-halus<sup>2</sup>-nya. Langkah<sup>2</sup> telah pun di-ambil untuk menambahkan lagi bantuan<sup>2</sup> wang yang hendak di-berikan kepada pekebun<sup>2</sup> kecil untuk menjadi galakan kepada mereka itu.

Penyelidekan getah ada-lah juga di-jalankan dengan tekun-nya; kawalan ka-atas dasar menyelidek dan juga menyusun ranchangan semua-nya ada-lah di-tempatkan di-Kuala Lumpur. Jawatan-Kuasa Kerja pada masa ini sedang menyediakan suatu Undang<sup>2</sup> baharu supaya Lembaga Pendaftaran Getah Ekseptot Tanah Melayu itu dapat menjaga dengan chekap dan memberi kesan akan mutu getah kita yang hendak di-jual ka-luar negeri. Akhir-nya Badan Pengawal Perdagangan Getah Tanah Melayu telah pun di-tubuhkan dan adalah di-harapkan bahawa Badan ini akan dapat memberi keperchayaan antara bangsa berkenaan dengan betapa kukohnya pasaran getah Tanah Melayu ini supaya dapat menarek lebeh banyak lagi perdagangan getah ka-Persekutuan.

Tahun yang lepas ia-lah suatu tahun yang gilang gemilang bagi perusahaan bijeh timah kerana bijeh banyak di-keluarkan dan di-jual pula dengan harga yang tinggi. Kerajaan berasa yakin sa-penoh<sup>2</sup>-nya kepada Perjanjian Bijeh Timah Antara Bangsa yang Kedua dan berharap ia akan menetapkan harga pasaran bijeh timah. Bagaimana pun Kerajaan ingin hendak mengulang rasa waham-nya terhadap kesan yang akan berlaku kira-nya simpanan bijeh yang

penting akan di-keluarkan, dan dengan demikian ia-itu sa-belum mengeluarkan simpanan bijeh mereka maka harap dapat kira-nya Kerajaan yang berkenaan itu menimbangkan buah<sup>2</sup> fikiran dan chadangan<sup>2</sup> Kerajaan Persekutuan dengan sa-penoh<sup>2</sup> dan sa-'adil<sup>2</sup>-nya.

Berkenaan dengan batu besi pula, Kerajaan berchadang hendak terus menggalakkan usaha memajukan perusahaan itu supaya bersesuaian dengan banyak-nya batu besi yang di-kehendaki dan bersesuaian pula dengan dasar Kerajaan hendak menggalakkan lebeh ramai lagi ra'ayat Tanah Melayu mengusahakan perusahaan itu.

Atas perkara perusahaan nenas pula, perkara<sup>2</sup> hendak menubuhkan sa-buah Pusat Pengeluaran Nenas Kebangsaan dan sa-buah Pertubuhan Pusat Jualan Nenas bagi menetapkan harga pasaran nenas dan mengukuhkan lagi kedudukan pasaran nenas dalam tin telah hampir selesai di-ranchangkan. Ada-lah di-jangkakan ia-itu Pertubuhan Pusat Jualan Nenas itu akan sempurna ditubuhkan pada penghujung tahun ini. Dalam pada itu Jabatan Penyelidikan, Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu telah di-susun sa-mula supaya usaha<sup>2</sup> yang lebeh besar dan berkesan dapat di-jalankan.

Ranchangan Pusat Letrik Cameron Highlands sedang berjalan dengan baik, dan di-jangka jentera<sup>2</sup> mengeluarkan kuasa letrik yang pertama akan di-uji dan di-luluskan menjalankan kerja-nya kira<sup>2</sup> akhir bulan Februari tahun hadapan. Lembaga Letrik Pusat telah mula menchari tempat<sup>2</sup> yang sesuai bagi melancharkan peringkat kedua ranchangan pusat letrik itu, yang di-beri nama Ranchangan Batang Padang. Jika penyata<sup>2</sup> itu dapat di-terima, sa-bagaimana yang di-jangkakan maka di-harap dapat memulakan kerja mengenai ranchangan ini kira<sup>2</sup> pada tahun 1964 dengan harapan dapat menggunakannya pada tahun 1968.

Kemajuan yang telah di-chapai oleh Kerajaan, dalam usaha hendak membetulkan perkara kurang-nya orang<sup>2</sup> Melayu berbanding dengan bangsa<sup>2</sup> lain dalam perdagangan dan perusahaan, ada-lah memuaskan hati, tetapi maseh banyak lagi yang patut di-buat oleh

pehak yang berkenaan pada masa hadapan.

Kerajaan ada-lah sedar peri mustahak-nya perusahaan pelanchong bagi kepentingan ekonomi negara ini, dan langkah<sup>2</sup> yang patut bagi memperbaiki, memajukan serta menggalakkan perusahaan tersebut sedang di-ambil.

#### KEMENTERIAN PERTAHANAN

##### (1) Tugas Baharu Angkatan Bersenjata

Hingga pada masa ini tugas besar Angkatan Bersenjata ia-lah menjaga keamanan termasuk-lah gerakan<sup>2</sup> melawan pengganas<sup>2</sup>. Pada masa hadapan tugas besar-nya ia-lah mempertahankan negara dan tugas-nya menjaga keamanan ia-lah tugas yang kemudian daripada tugas mempertahankan negara. Dengan sebab tugas baharu itu ranchangan melateh Angkatan Bersenjata mesti-lah di-ubah dan Angkatan Bersenjata seluroh-nya dan sa-tengah<sup>2</sup> pasokan kena-lah di-susun sa-mula sadikit<sup>2</sup>. Bagaimana chara-nya hendak membuat demikian itu ada-lah sedang di-fikirkan.

##### (2) Pasokan Tentera

*Congo*. Pasokan Khas Tanah Melayu telah berubah saperti yang di-sebutkan di-bawah ini :

- (a) *Bulan October tahun 1960*. Pasokan Khas Tanah Melayu yang mula<sup>2</sup> pergi ka-Congo. Pasokan itu mengandongi Askar Melayu di-Raja yang Keempat kurang satu Company dan Squadron "C" bagi Pasokan Peninjau yang Kedua. Ahli Pasokan Khas itu berjumlah 607 orang.
- (b) *Bulan Februari tahun 1961*. Baki Company Askar Melayu yang Keempat pergi ka-Congo naik kapal terbang. Pada masa itu ahli Pasokan Khas Tanah Melayu berjumlah 740 orang.
- (c) *Bulan April tahun 1961*. Ahli Pasokan itu telah di-tambah ia-itu dengan menghantar baki Pasokan Peninjau yang Kedua dan Pasokan Brigade Headquarters ka-Congo. Pada masa itu ahli Pasokan Khas itu bertambah menjadi 1,473 orang.

Sa-hingga bulan Februari tahun 1962 Pasokan Khas Tanah Melayu itu ada-lah



mengandongi satu Battalion Askar Berjalan Kaki, satu Regiment Peninjau dan satu Brigade Headquarters ia-itu sa-telah satu Squadron Sabre dalam Regiment Peninjau di-gantikan dengan satu Company Askar Berjalan Kaki. Dalam bulan June, 1962, Pasokan Khas itu akan mengandongi Brigade Headquarters dan dua Battalion, tiap<sup>2</sup> satu Battalion kurang satu Company tetapi tempat-nya di-ganti dengan satu Squadron Peninjau. Apabila siap di-susun sa-mula Pasokan Khas itu akan mempunyai 1,623 orang.

*Gerakan di-Sempadan.* Gerakan<sup>2</sup> di-sempadan bersama<sup>2</sup> dengan Pasokan Polis di-Raja Persekutuan Tanah Melayu dan Pasokan<sup>2</sup> Thailand akan terus di-adakan sa-berapa besar yang di-kehendaki mengikut keadaan.

*Senjata<sup>2</sup> Baharu.* Kerja mengganti senapang<sup>2</sup> dalam semua Pasokan dengan senapang<sup>2</sup> yang boleh mengisi ubat dengan sendiri-nya akan selesai tiada berapa lama lagi, dan sa-belum habis tahun ini satu machine gun baharu yang ringan mengganti Bren akan di-beri kepada Tentera. Satu keputusan telah juga di-buat bagi mengganti 25 pounder field gun yang ada sekarang dalam Askar Meriam Persekutuan itu dengan 105 mm. howitzer bentok baharu. Lain<sup>2</sup> senjata baharu sedang di-timbangkan dan senjata<sup>2</sup> yang di-fikir sesuai dengan kehendak<sup>2</sup> Persekutuan akan di-chuba.

*Bantuan kepada Pasokan<sup>2</sup> lain daripada Pasokan<sup>2</sup> Persekutuan.* Pasokan Tentera akan terus membantu menuboh dan melateh Askar Brunei dan telah mengaku hendak mengadakan beberapa kaki-tangan mustahak yang tertentu bagi membantu menubuhkan Battalion yang Kedua Pasokan Tentera Singapura.

*Latehan.* Kemudahan<sup>2</sup> bagi melateh yang di-beri oleh negara<sup>2</sup> Commonwealth di-dalam Persekutuan dan Singapura dan juga di-lain<sup>2</sup> negeri akan terus di-gunakan. Sekolah Latehan Pasokan<sup>2</sup> Bersenjata sedang di-perbesarkan lagi supaya latehan<sup>2</sup> dapat di-beri kepada ahli<sup>2</sup> Pasokan Peninjau dan juga di-adakan satu Chawangan Melateh Drebar<sup>2</sup>. Tambahan<sup>2</sup> kepada kemudahan<sup>2</sup> itu akan mengurangkan kehendak<sup>2</sup> bagi latehan<sup>2</sup> mengikut peratoran<sup>2</sup> Commonwealth. Satu kursus akan di-mulakan

pada bulan July ini di-Maktab Tentera Persekutuan bagi melateh Kadet Short-service Commission yang di-ambil masok dari gulungan orang 'awam.

### (3) Angkatan Laut

*Kapal<sup>2</sup> Baharu.* Enam buah kapal peronda yang laju telah pun di-pesan dan akan sampai pada awal tahun 1963. Kerja<sup>2</sup> bagi mengadakan kaki-tangan<sup>2</sup> dan pegawai<sup>2</sup> teknik untuk kapal<sup>2</sup> itu sedang di-jalankan.

*Latehan.* Latehan<sup>2</sup> dalam pusat<sup>2</sup> latehan Commonwealth di-Persekutuan dan Singapura dan di-negeri<sup>2</sup> lain akan terus di-jalankan. Satu kursus yang di-adakan khas di-Britain akan mulai pada bulan May tahun 1962 untuk melateh beberapa orang pegawai Short-service Commission yang termasuk pegawai<sup>2</sup> tambahan yang di-kehendaki untuk Angkatan Laut. Sekolah Latehan Pasokan<sup>2</sup> Bersenjata akan di-gunakan lebeh banyak lagi apabila ada kursus<sup>2</sup> yang sesuai di-ajar dalam-nya.

### (4) Angkatan Tentera Udara

*Membesarkan Angkatan Tentera Udara.* Angkatan Tentera Udara di-Raja Tanah Melayu ada-lah di-perbesarkan lagi di-bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang Kedua. Ini akan selesai di-jalankan dengan chepat-nya pada tahun ini. Sa-banyak enam belas buah kapal<sup>2</sup> terbang yang baharu telah di-terima dalam tempoh bulan September, 1961, hingga bulan Februari, 1962, dan kapal<sup>2</sup> terbang ini ada-lah di-gunakan pada masa ini. Pada akhir tahun 1962 ini lima buah kapal terbang lagi akan di-terima dan dengan itu selesai-lah sudah rancangan hendak memperbesarkan lagi Angkatan Tentera Udara bagi tahun ini. Sa-lain daripada itu empat buah kapal terbang "Single Pioneer" telah di-perolehi dengan harga yang murah. Kapal<sup>2</sup> terbang ini akan di-jadikan sa-bagai Pasokan Simpanan untuk membantu pasokan kapal terbang "Single Pioneer" yang ada sekarang ini.

*Kerja<sup>2</sup> Yang Bertambah<sup>2</sup>.* Pada akhir tahun 1963 Angkatan Tentera Udara di-Raja Tanah Melayu akan memikul tanggung-jawab<sup>2</sup> membekalkan perbekalan<sup>2</sup> dari udara kepada Pasokan<sup>2</sup> Tentera Bersenjata yang bergerak di-dalam hutan Tanah Melayu ini. Pada

awal<sup>2</sup> tahun 1963 memindahkan tanggung-jawab tersebut akan selesai, kechuali perkhidmatan<sup>2</sup> kapal terbang Helicopter itu akan terus di-bantu oleh Angkatan Tentera Udara di-Raja.

*Latehan.* Sa-buah Sekolah Latehan Pemandu Kapal Terbang telah di-buka dalam bulan Februari tahun ini dan sekolah latehan ini dapat mengeluarkan sa-banyak lapan orang pemandu<sup>2</sup> pelateh dalam tempoh tiap<sup>2</sup> sa-puluh bulan. Ada-lah di-chadangkan supaya bilangan itu akan di-tambah lagi. Sa-buah Sekolah Latehan Teknikal akan di-buka dalam bulan September tahun ini untuk melateh ahli<sup>2</sup> Pasokan Tentera Udara bagaimana hendak menjaga keadaan jentera<sup>2</sup> kapal terbang, rangka<sup>2</sup> badan kapal terbang dan juga pesawat<sup>2</sup> radio-nya. Latehan<sup>2</sup> pemandu kapal terbang dan latehan khas teknikal akan terus juga di-dapati daripada kemudahan<sup>2</sup> yang di-beri oleh negara<sup>2</sup> Commonwealth, sama ada di-Persekutuan Tanah Melayu, Singapura atau seberang laut.

#### (5) Tentera Tempatan

*Menyusun sa-mula.* Tentera Tempatan sedang di-luaskan dan di-susun sa-mula supaya dapat ia di-jadikan Tentera Simpanan yang chekap kepada Tentera<sup>2</sup> biasa. Usaha<sup>2</sup> bagi menjadikan sa-tengah<sup>2</sup> Pasokan<sup>2</sup> Berjalan Kaki sa-bagai Pasokan Tentera<sup>2</sup> Teknik akan siap pada tahun ini.

*Latehan.* Kursus<sup>2</sup> khas bagi ahli<sup>2</sup> Tentera Tempatan akan di-adakan terus di-Sekolah Latehan Angkatan Bersenjata dan di-Pusat Latehan Tentera Tempatan di-Siputeh. Kursus<sup>2</sup> telah mula di-adakan oleh Pasokan Teknik Tentera Biasa untuk menolong Pasokan<sup>2</sup> Teknik baharu Tentera Tempatan. Suatu rancangan yang lengkap bagi melateh ahli<sup>2</sup> tentera itu telah di-susun bagi tahun 1962.

#### (6) Malaysia

Dengan tertuboh-nya Malaysia kelak maka Angkatan Bersenjata Persekutuan akan beroleh tanggung-jawab yang lebeh besar baik bagi pertahanan negara dari anchaman<sup>2</sup> luar mahu pun bagi memelihara ketenteraman orang ramai. Rancangan<sup>2</sup> sedang di-susun untuk melengkapkan tentera menghadapi kehendak<sup>2</sup> yang bertambah, jikalau Angkatan

Tentera yang telah di-susun itu kelak hendak dapat menunaikan tugas kewajipan mereka dengan sempurna maka terpaksa-lah di-tanggung tambahan perbelanjaan yang lebeh besar dan juga menambah bilangan ahli<sup>2</sup> yang di-pinjamkan daripada pasokan lain.

#### KEMENTERIAN PELAJARAN

Dalam lapangan pelajaran, Kerajaan berchadang hendak meluaskan kemudahan<sup>2</sup> pelajaran teknik pada beberapa peringkat mengikut kepentingan ekonomi dan perusahaan negara ini. Kerajaan ber'azam hendak membaiki dan menyatukan semua peratoran<sup>2</sup> pelajaran teknik yang ada sekarang, termasuk-lah kursus latehan jabatan yang telah maju dengan bebas antara jabatan dengan jabatan pada masa yang telah lalu.

Sekarang ini ada delapan buah Sekolah Lanjutan Kampong yang telah di-buka. Empat buah sekolah lagi untuk budak laki<sup>2</sup> dan dua buah sekolah lagi untuk budak<sup>2</sup> perempuan sedang di-dirikan, dan dalam penggal Parlimen ini Kerajaan bermaksud hendak mulai kerja<sup>2</sup> bagi mendirikan empat buah sekolah lagi untuk budak laki<sup>2</sup> dan dua buah sekolah lagi untuk budak<sup>2</sup> perempuan. Pada tahun hadapan jumlah Sekolah Lanjutan Kampong untuk budak laki<sup>2</sup> akan menjadi 16 buah dan untuk budak<sup>2</sup> perempuan akan menjadi empat buah.

Sekarang ini ada dua buah Sekolah Pertukangan Menengah sedang di-perbesarkan; dua buah Sekolah Teknik akan di-jadikan Sekolah Pertukangan Menengah dan Sekolah Pertukangan Menengah yang ke-lima akan di-dirikan di-Kuantan. Dan lagi tiga buah Sekolah Teknik Menengah yang baharu akan di-masokkan ka-dalam rancangan memperbesarkan ini. Di-kemunchak system pelajaran teknik ini ada Bahagian Pengajian Jurutera di-Universiti Malaya dan kursus diploma dan professional di-Maktab Teknik.

Ada-lah tujuan Kerajaan hendak mengkaji sama ada peratoran<sup>2</sup> latehan teknik ini dapat memenohi kehendak<sup>2</sup> perusahaan dan kemajuan ekonomi negara. Kerajaan akan berusaha bersungguh<sup>2</sup> memaju, menyesuaikan dan menyatukan semua peratoran<sup>2</sup> pelajaran

teknik yang ada sekarang ini, termasuk kursus<sup>2</sup> latihan jabatan<sup>2</sup> yang dalam masa yang sudah<sup>2</sup> chenderong maju bersendirian.

Untuk melateh guru<sup>2</sup> pelajaran pekerjaan tangan bagi sekolah<sup>2</sup> menengah, Sekolah<sup>2</sup> Lanjutan Kampong dan Sekolah<sup>2</sup> Lanjutan Menengah pada bulan hadapan Kerajaan akan membuka sa-buah Maktab Latihan Guru<sup>2</sup> Teknik dengan bantuan yang amat berharga lagi perlu daripada Kerajaan Canada dengan anjoran Rancangan Colombo. Guru<sup>2</sup> untuk sekolah<sup>2</sup> pertukangan menengah kebanyakan-nya akan di-ambil daripada perusahaan dan mereka akan di-beri latihan khas di-Maktab baharu ini. Guru<sup>2</sup> untuk Sekolah<sup>2</sup> Teknik Menengah akan di-ambil daripada mereka yang telah lulus Kursus Diploma sa-lama tiga tahun di-Maktab Teknik. Mereka ini akan di-beri latihan guru dan perusahaan sa-bagai tambahan.

#### KEMENTERIAN LUAR NEGERI

Berkenaan dengan perkara penjajahan Kerajaan Persekutuan suka hendak menegaskan pendirian-nya yang tegoh. Kerajaan menentang penjajahan sa-sabuah negeri oleh negeri lain di-mana<sup>2</sup> tempat dalam dunia ini. Penjajahan mesti-lah di-hapuskan sama sa-kali dan Kerajaan harap chara menghapuskan penjajahan itu hendak-lah chara yang aman dan damai.

Sambil menyokong semua gerakan<sup>2</sup> seluroh dunia mengadakan persidangan perluchutan senjata di-Geneva, mustahak-lah di-tegaskan bahawa pendirian Kerajaan berkenaan dengan perkara ini ada-lah berpandu kapada dasar bahawa tiap<sup>2</sup> langkah yang di-ambil bagi perluchutan senjata itu jangan-lah sampai merosakkan keamanan dunia.

Berkenaan dengan soal ujian senjata nuclear, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan menyokong penoh semua usaha dan langkah yang di-ambil bagi menchapai satu persetujuan antara bangsa berkenaan dengan mengharamkan ujian<sup>2</sup> senjata nuclear. Jika satu persetujuan antara bangsa tiada dapat di-chapai pada masa ini, pada fikiran Kerajaan langkah<sup>2</sup> antara bangsa hendak-lah di-ambil bagi menjaga keamanan dalam dunia ini dengan memberhentikan

ujian<sup>2</sup> senjata nuclear sa-hingga satu persetujuan antara bangsa dapat di-chapai. Bagaimana pun Kerajaan bimbang sa-kira-nya ada satu kuasa dalam dunia ini yang mempunyai pengalaman ujian senjata nuclear lebeh daripada kuasa yang lain.

Kerjasama antara Kerajaan<sup>2</sup> Persekutuan Tanah Melayu, Thailand dan Filipine dalam Persatuan Asia Tenggara ada-lah nyata dengan beberapa keputusan yang di-chapai dalam meshuarat Menteri<sup>2</sup> Luar Negeri negara<sup>2</sup> itu yang telah di-adakan di-Cameron Highlands baharu<sup>2</sup> ini. Satu daripada keputusan<sup>2</sup> yang di-buat dalam meshuarat itu ia-lah berkenaan dengan kerjasama dalam lapangan teknik dan pelajaran tinggi supaya pegawai<sup>2</sup> teknik negara<sup>2</sup> ini boleh mendapat banyak lagi pengalaman dalam kerja mereka masing<sup>2</sup>. Keputusan telah juga di-buat bagi menyelidek dan menjalankan bersama perkara<sup>2</sup> berkenaan dengan pertanian, perusahaan, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan orang ramai dan lain<sup>2</sup> perkara yang bersangkutan. Sa-telah tertuboh Persatuan Asia Tenggara terang-lah betapa rapat-nya perhubungan Kerajaan Persekutuan dengan negara<sup>2</sup> jiran kita dan ada-lah di-harapkan apabila negeri<sup>2</sup> di-Asia Tenggara lebeh bersafahaman, khas-nya antara negeri<sup>2</sup> yang menjadi ahli Persatuan Asia Tenggara taraf<sup>2</sup> hidup orang dalam Tenggara Asia ini akan bertambah baik dan tiap<sup>2</sup> Kerajaan itu akan maju dengan aman dan ma'amor.

#### KEMENTERIAN KEWANGAN

##### (1) Undang<sup>2</sup> Berkenaan Dengan Sharikat<sup>2</sup> Insurance

Kejadian<sup>2</sup> yang berlaku baharu<sup>2</sup> ini berthabit dengan sharikat<sup>2</sup> insurance nyawa yang telah tumbuh saperti chendawan banyak-nya itu telah pun di-sebut tadi. Keadaan yang timbul tahun lalu itu telah di-kawal dengan dua Undang<sup>2</sup> sementara. Undang<sup>2</sup> yang pertama berkehendakkan sharikat<sup>2</sup> baharu mempunyai sa-kurang<sup>2</sup>-nya \$1,000,000 modal yang sudah di-kumpul dan undang<sup>2</sup> yang kedua berkehendakkan semua sharikat mengenakan premium sa-banyak yang di-sahkan menchukopi oleh sa-orang pakar berkenaan dengan bayaran insurance. Satu Undang<sup>2</sup> bagi

menutup sharikat<sup>2</sup> yang tumbuh seperti chendawan itu dengan paksa mulaï berjalan kuat-kuasa-nya awal tahun ini dan kerja<sup>2</sup> bagi menutup lebeh kurang 40 sharikat<sup>2</sup> itu sedang di-jalankan. Harta sharikat<sup>2</sup> itu sedang di-kumpul-kan oleh orang<sup>2</sup> yang menutup-nya dan perniagaan sharikat<sup>2</sup> itu yang sudah<sup>2</sup> sedang di-selideki. Penyelidekan shari-<sup>2</sup>kat yang di-pilih menunjukkan bahawa sharikat<sup>2</sup> itu tiada berwang. Kejadian<sup>2</sup> ini menunjukkan dengan terang-nya betapa tiada lengkap-nya undang<sup>2</sup> yang ada sekarang ini mengenai insurance. Kerajaan sangat sedar berkenaan dengan hal ini dan kerja<sup>2</sup> bagi membuat undang<sup>2</sup> yang lengkap itu di-tanggohkan semen-tara kerana kakitangan yang berpenga-laman di-kehendaki bagi mentadbir-kan-nya.

## (2) Employees Provident Fund

Tahun 1961 itu ia-lah tahun kemajuan yang terus menerus bagi E.P.F. Dalam tahun itu jumlah orang yang membayar kepada E.P.F. itu meningkat dari 1,141,000 kepada 1,219,000 dan jumlah wang yang di-bayar meningkat dari \$574,947,000 kepada \$704,700,000. Fund itu akan bertambah<sup>2</sup> banyak lagi memandangkan kepada penduduk<sup>2</sup> yang bertam-<sup>2</sup>bah<sup>2</sup> banyak dalam Persekutuan ini. Oleh yang demikian Lembaga Fund itu telah membuat keputusan hendak mem-perbesarkan lagi Ibu Pejabat di-Petaling Jaya, dengan belanja antara \$750,000 dengan \$1,000,000. Ada-lah di-jangka bahawa tambahan ini akan siap pada awal tahun 1963 dan akan memuat sa-kali ganda banyak pekerja daripada yang ada sekarang ini.

## KEMENTERIAN KESIHATAN DAN KEBAJIKAN MUSHARAKAT

### (1) Kesihatan

Kesihatan 'am penduduk<sup>2</sup> terus me-muaskan hati. Oleh kerana langkah berjaga<sup>2</sup> dan langkah kawalan telah di-jalankan sa-panjang masa pada tahun yang lalu maka dapat-lah di-elakkan penyakit<sup>2</sup> berjangkit yang merbahaya daripada masuk ka-dalam negeri.

Sungguh pun ada berlaku penyakit ta'un dan penyakit<sup>2</sup> yang berhubong dengan penyakit ta'un dalam negeri<sup>2</sup> yang berjiran dengan negara kita tetapi

Tanah Melayu telah terselamat daripada bahana penyakit<sup>2</sup> itu. Obat chuchok melawan penyakit ta'un telah di-keluar-kan dengan banyak-nya dan lebeh dari 1½ juta chuchok telah di-hadiahkan kepada Sarawak, Brunei, Borneo Utara dan Filipine untuk membantu negeri<sup>2</sup> itu melawan penyakit<sup>2</sup> ini. Rancangan yang teliti telah di-buat untuk melawan penyakit<sup>2</sup> ini dengan chepat dan ber-kesan jika sa-kira-nya ia berlaku di-negeri ini.

Perkara melanjutkan perkhidmatan<sup>2</sup> perubatan dan kesihatan ka-kawasan<sup>2</sup> luar bandar sentiasa di-beri keutamaan; 12 buah pusat kesihatan besar, 43 buah pusat kesihatan kecil dan 218 buah klinik bidan yang belanja-nya kira<sup>2</sup> 11.8 juta ringgit telah siap atau hampir<sup>2</sup> akan siap. Sekarang ada 653 buah klinik kesihatan, 161 buah gudang obat tetap, dan 120 buah kereta obat yang berjalan di-seluruh negeri, pada hal dalam tahun 1955 hanya ada 553 buah klinik kesihatan, 148 buah gudang obat tetap dan 77 buah kereta obat.

Perkhidmatan mengangkut dengan kapal terbang orang<sup>2</sup> sakit terok yang tinggal di-tempat<sup>2</sup> jauh ka-rumah<sup>2</sup> sakit besar kerana hendak di-obat dengan segera telah di-kekalkan sa-panjang tahun yang lepas dan kira<sup>2</sup> 142 orang telah di-angkut dengan kapal terbang. Perkhidmatan ini telah dapat di-laksana-kan dengan kerjasama Pasokan Udara Di-Raja Tanah Melayu, Pasokan Udara Di-Raja dan Pasokan Polis Di-Raja Persekutuan Tanah Melayu. Sekarang perkhidmatan ini telah menjadi sa-bahagian yang mustahak daripada Per-<sup>2</sup>khidmatan Kesihatan bagi kawasan<sup>2</sup> luar bandar.

Lagi satu perkara yang di-utamakan oleh Kementerian ini ia-lah perkara melateh semua peringkat kakitangan yang di-kehendaki untuk membetulkan kekurangan pada masa yang lalu dan juga untuk menemui kehendak perkhid-<sup>2</sup>matan Perubatan dan Kesihatan yang sedang bertambah<sup>2</sup> banyak. 580 orang penuntut jururawat dan 70 orang pelateh pembantu rumah sakit sedang di-lateh di-sekolah<sup>2</sup> tempatan dan 49 orang penuntut jururawat sedang berlateh di-Australia dengan anjoran Rancangan Colombo, pada hal dalam tahun 1955

hanya ada 281 orang penuntut jururawat sahaja dan 94 orang pelateh pembantu rumah sakit yang berlateh. Ada-lah di-jangkakan bahawa dalam tahun 1962 ranchangan latehan ini akan di-lanjutkan lagi dan kira<sup>2</sup> 700 orang penuntut jururawat serta lebeh 125 orang pelateh pembantu rumah sakit akan di-lateh di-negeri ini. Sa-lain daripada itu, 50 orang penuntut jururawat akan berlateh di-Singapura, 11 orang penuntut jururawat akan berlateh di-Australia dan lebeh dari 200 orang penuntut jururawat akan berlateh di-United Kingdom dengan anjoran Ranchangan Colombo. Ranchangan latehan yang di-besarkan ini telah menambah bilangan jururawat<sup>2</sup> yang terlateh dan pembantu<sup>2</sup> rumah sakit hingga menjadi 910 orang pada hal dalam tahun 1960 hanya ada 781 orang sahaja jururawat yang terlateh.

Ranchangan latehan bagi pembantu<sup>2</sup> jururawat dan bidan<sup>2</sup> telah di-besarkan saperti itu juga. Bilangan jururawat<sup>2</sup> yang terlateh sekarang ia-lah 1,110 orang dan bidan<sup>2</sup> yang terlateh ia-lah 933 orang. Pada masa ini ada 437 orang pembantu jururawat pelateh dan 329 orang bidan pelateh yang sedang berlateh.

Dengan tujuan hendak mengadakan mutu perkhidmatan yang baik dalam negeri ini, jururawat<sup>2</sup> yang berkelayakan ada-lah menghadziri kursus lepas latehan baik di-dalam atau pun di-luar negeri. Pada masa ini tujuh orang ketua jururawat sedang menghadziri kursus lepas latehan di-United Kingdom dan 23 orang lagi telah di-pilih untuk pergi belajar pada tahun ini. Bilangan ketua jururawat yang terlateh atau yang sedang berlateh dalam berbagai<sup>2</sup> pusat pelajaran lepas latehan di-negeri ini ia-lah 263 orang.

Bilangan doktor<sup>2</sup> dan pegawai<sup>2</sup> gigi telah bertambah banyak. Daripada 1,082 orang doktor yang ada dalam senarai pada hari ini 515 orang bekerja dengan Kerajaan, pada hal dalam tahun 1960 hanya ada 457 orang sahaja dan dalam tahun 1955 ada 369 orang. Sekarang ada 114 orang pegawai gigi pada hal dalam tahun 1960 ada 93 orang. 31 orang doktor dan 2 orang pegawai gigi pada masa ini sedang mengambil kursus lepas

latehan untuk belajar khas dalam beberapa lapangan doktor dan gigi di-luar negeri; dan 22 orang pegawai lagi telah di-pilih untuk mengambil kursus yang sa-umpama itu pada tahun ini.

Dalam jabatan perubatan ada 78 orang doktor yang mempunyai kepandaian khas dan 54 orang daripada mereka ia-lah doktor Tanah Melayu. Dalam tahun 1955 ada 46 orang doktor yang mempunyai kepandaian khas dan 11 orang daripada mereka ia-lah doktor Tanah Melayu. Perkhidmatan doktor<sup>2</sup> khas ini meliputi beberapa lapangan perubatan dan gigi.

Jumlah kerja yang telah di-jalankan kerana membaiki rumah<sup>2</sup> sakit di-anggarkan hampir<sup>2</sup> sa-banyak \$6,000,000 ia-itu termasuk kerja membaharukan dan membaiki rumah<sup>2</sup> sakit yang ada sekarang, membuat bilek<sup>2</sup> orang sakit yang baharu, pejabat<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> sakit yang tinggal di-luar dan kemudahan<sup>2</sup> yang mustahak bagi sa-buah rumah sakit. Tiada kurang daripada 50 buah rumah sakit dalam negeri ini sedang di-perbaiki serentak.

Kerja membena Rumah Sakit Beranak yang baharu di-Kuala Lumpur dengan belanja sa-banyak \$5,000,000 itu di-jangka akan siap pada bulan July tahun ini. 63 ekar tanah di-Klang telah di-dapati untuk membuat sa-buah rumah sakit baharu di-Klang dengan belanja sa-banyak \$8,000,000. Kerja membuat tapak bagi Rumah Sakit Besar di-Seremban dengan belanja sa-banyak \$10,000,000 di-jangka akan di-mulakan beberapa bulan lagi. Rumah<sup>2</sup> sakit baharu yang mempunyai 50 buah tempat tidur lengkap dengan rumah kakitangannya dan di-anggarkan memakan belanja sa-juta ringgit bagi tiap<sup>2</sup> sa-buah rumah sakit itu, akan di-bena di-Dungun (Trengganu), Changkat Melintang (Perak), dan di-Tanjong Karang (Selangor).

Lembaga Penaksir<sup>2</sup> yang mengan-dongi dua orang akitek yang terkenal di-United Kingdom dan sa-orang di-Tanah Melayu, bagi Pertandingan Akitek untuk membuat Rumah Sakit Besar yang baharu di-Kuala Lumpur, sekarang telah menyampaikan syarat<sup>2</sup> yang di-shorkan mereka untuk di-timbang dan di-luluskan oleh Kementerian

Kerja Raya, Pos dan Talikom dan Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Musharakat. Syarat<sup>2</sup> 'am bagi pertandingan itu, penerangan 'am bagi akitek<sup>2</sup> dan jadual tempat serta peratoran<sup>2</sup> lain yang berhubung dengan pertandingan itu sedang di-kaji oleh Kementerian<sup>2</sup> ini. Jabatan Kerja Raya pada masa ini sedang memasokkan satu i'lan di-dalam akhbar di-negeri ini dan di-luar negeri menjemput akitek<sup>2</sup> mendaftarkan diri mereka bagi pertandingan itu. Wang yang telah pun di-untokkan bagi ranchangan ini ia-lah \$23,000,000.

Sa-orang Pengetua dan enam orang Maha Guru bagi Jabatan Pengajian Perubatan di-Universiti Malaya di-Kuala Lumpur akan di-lantek dan Sekolah Perubatan ada-lah di-jadualkan untuk di-mula<sup>2</sup> dalam tahun 1963 dan Rumah Sakit Tempat Belajar di-jadualkan untuk di-mula<sup>2</sup> dalam tahun 1965. Apabila ranchangan<sup>2</sup> ini siap maka dapat-lah ia membantu kekurangan doktor yang ada sekarang.

Oleh kerana bilangan penduduk<sup>2</sup> bertambah ramai dengan chepat-nya dan layanan perubatan yang modern semakin di-gemari maka bilangan ra'ayat yang berubat di-rumah sakit sama ada yang tinggal di-luar atau di-rumah sakit itu, kelinik<sup>2</sup> kesihatan luar bandar dan kelinik<sup>2</sup> gigi telah bertambah banyak.

Ranchangan Pemandu Menghapuskan Demam kepialu yang telah di-mula<sup>2</sup> dalam tahun 1960 sedang menchapai kemajuan yang memuaskan hati dan bilangan orang<sup>2</sup> yang terkena demam kepialu dalam kawasan tempat di-jalakan ranchangan itu telah di-kurangkan hampir<sup>2</sup> 50 peratus. Ranchangan itu di-jadualkan akan tamat dalam bulan June tahun 1963 tetapi jika hendak mengetahui apa-kah hasil ranchangan itu sa-penoh-nya terpaksa-lah di-tunggu hingga tahun 1965.

Ranchangan Kebangsaan bagi Mengawal Penyakit Batok Kering telah di-lancharkan dalam bulan June tahun yang lalu. 150 orang kakitangan juru-rawat telah di-beri latehan yang mustahak tentang chara<sup>2</sup> Mengawal Penyakit Batok Kering dan mereka sedang sibok menjalankan gerakan memberi obat chuchok B.C.G. Hampir<sup>2</sup> 100,000 orang termasuk kanak<sup>2</sup> yang

di-lahirkan di-rumah<sup>2</sup> sakit telah di-chuchok di-seluruh Persekutuan. Gerakan ini akan di-percepatkan lagi apabila kakitangan yang terlately bertambah banyak. 30,000 orang yang terdiri dari berbagai<sup>2</sup> peringkat penduduk telah juga di-eksray. Satu gerakan eksray yang di-jalakan dari sa-tempat ka-satempat telah di-mula<sup>2</sup> di-Selangor, Negeri Sembilan, Perak Selatan dan Pahang Barat. Di-negeri<sup>2</sup> itu lebeh dari 2,500 orang telah di-X-ray Apabila juru<sup>2</sup> teknik yang terlately bertambah lebeh banyak maka beberapa kumpulan lagi akan di-hantar ka-lain<sup>2</sup> tempat di-Persekutuan.

Kemajuan yang besar telah terchapai di-sebabkan oleh bantuan yang di-beri oleh Ranchangan Colombo. Empat orang pakar teknik Australia telah berada di-negeri ini sa-lama sa-tahun dan sibok menganjor serta menjalankan ranchangan latehan. Satu rombongan yang terdiri dari lima orang pakar Pertubohan Kesihatan Sa-Dunia akan tiba dalam bulan June untuk menggantikan pakar<sup>2</sup> Ranchangan Colombo itu apabila tamat tempoh perkhidmatan mereka.

Gerakan mengawal Penyakit Untot ada-lah terbahagi kepada dua peringkat. Peringkat satu meliputi kira<sup>2</sup> 155,000 orang yang tinggal dalam kawasan<sup>2</sup> yang banyak penduduk<sup>2</sup>-nya terkena penyakit untot ia-itu di-Kedah, Pulau Pinang dan Pahang dan peringkat yang kedua akan di-tumpukan kepada kawasan<sup>2</sup> yang tiada berapa ramai orang<sup>2</sup> yang terkena penyakit itu dalam negeri<sup>2</sup> ini dan di-Johor. 12 buah kumpulan yang terlately ada-lah di-kehendaki untuk menjalankan gerakan ini dengan sempurna. Enam buah kumpulan sekarang sedang menjalankan kerja di-luar. Lebeh 15,000 orang telah di-pereksa, 1,850 orang telah di-dapati mengidap penyakit itu dan 27,200 orang di-beri obat chuchok. Latehan yang mustahak sedang di-beri kepada enam rombongan lagi.

Gerakan Mengawal Puru, yang di-mulakan dalam tahun 1954 di-Kelantan dan Trengganu, sangat berjaya dan penyakit ini telah banyak sungguh kurang-nya. Penyakit ini terjadi di-tempat<sup>2</sup> yang terpenchil dalam Negeri Pahang dan Negeri Kedah sedang di-kawal oleh tiga kumpulan yang terlately

dengan di-kelolakan oleh sa-orang Pegawai Kesihatan. Satu kumpulan baharu telah di-ambil dan di-lateh untuk mengawal penyakit itu di-sapanjang kawasan<sup>2</sup> di-tepi sungai negeri Perak.

Pusat Penyiasatan Ular dan Bisa, Pulau Pinang, yang mulai menjalankan kerja<sup>2</sup>-nya dalam tahun 1960 telah mencapai kemajuan yang besar dengan membuat obat chuchok melawan bisa ular laut. Dengan kerjasama Makmal<sup>2</sup> Obat Bisa Commonwealth, Melbourne, Pusat ini sedang membuat obat chuchok melawan bisa ular sendok dan ular<sup>2</sup> yang bisa bagi Tanah Melayu. Obat<sup>2</sup> chuchok melawan bisa ular ini ada-lah di-jangka akan dapat di-keluarkan awal tahun ini dan ini akan memberi faedah kepada penduduk<sup>2</sup> di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar di-seluruh Malaysia. Dan lagi penyelidekan<sup>2</sup> sedang di-jalankan untuk mendapatkan satu jenis obat yang baharu ia-itu obat menjauhkan darah daripada beku. Obat ini akan di-perolehi daripada bisa<sup>2</sup> ular sendok dan ular<sup>2</sup> lain di-Tanah Melayu. Guna-nya obat itu untuk mengubati penyakit jantung dan lain<sup>2</sup> penyakit berthabit dengan jantung dan penyakit<sup>2</sup> urat sarap. Jika sa-kira-nya penyelidekan ini berjaya maka ini akan menjadi satu kemajuan yang besar dalam lapangan perubatan.

Perkhidmatan Bank Darah, Kementerian ini dalam tahun 1960 telah pun menunjukkan kemajuan-nya. Ada sa-banyak 4,000 penderma<sup>2</sup> darah dalam tahun 1958 dan ini telah bertambah hingga menjadi sa-banyak 16,000 orang dalam tahun 1960.

Ini-lah ulong kali-nya di-dalam sejarah kita mendapatkan perkhidmatan sa-orang pakar anak Tanah Melayu yang di-namakan dalam Bahasa Inggeris-nya "Psychiatric Specialist". Ia baharu sahaja kembali daripada berlateh di-United Kingdom. Dengan bantuan sa-orang "Mental Consultant" daripada Pertubohan Kesihatan Sa-Dunia pada tahun ini, ada-lah di-harapkan bahawa kemajuan akan di-chapai lagi di-dalam perkhidmatan tersebut.

Kerja<sup>2</sup> di-dalam Pusat Penyelidekan Perubatan ada-lah sedang di-susun samula dengan terbentok-nya beberapa pusat<sup>2</sup> penyelidekan makmal di-rumah<sup>2</sup> sakit yang besar di-negeri ini. Apabila

pusat<sup>2</sup> makmal ini siap maka pegawai<sup>2</sup> penyelidek di-Pusat Penyelidekan Perubatan itu akan dapat menumpukan masa dan tenaga-nya sa-mata<sup>2</sup> untuk pekerjaan menyelidek sahaja. Enam orang pegawai dari Tanah Melayu telah di-pilih untuk belajar "ilmu penyelidekan di-dalam jurusan "Pathology, Bacteriology dan Biochemistry". Dua orang daripada mereka itu telah pun berada masa ini di-United Kingdom, dan yang empat orang lagi itu akan pergi pula tidak lama lagi apabila ganti<sup>2</sup> mereka telah di-dapati. Sa-orang pegawai Tanah Melayu sa-telah tamat mengambil kursus "post-graduate" di-dalam "ilmu "Biochemistry" telah kembali ka-negeri ini. Dua orang pegawai ia-itu sa-orang pegawai "Zoologist" Perubatan dan sa-orang pegawai "Parasitologist" yang datang dari Hooper Foundation pada masa ini ada berkhidmat di-Pusat Penyelidekan Perubatan. Mereka itu berkhidmat di-bawah Rancangan Pertukaran Ahli<sup>2</sup> Penyelidek Perubatan.

Bagi melateh Pembantu<sup>2</sup> Makmal maka Pertubohan Kesihatan Sa-Dunia telah pun mengadakan sa-orang guru untuk mengajar "Clinical Pathology". Pasokan Pengaman Amerika pun telah dapat memberikan perkhidmatan empat orang Juru Teknik Makmal untuk berkhidmat di-pusat<sup>2</sup> makmal di-rumah<sup>2</sup> sakit di-Kota Bharu, Kuantan, Seremban dan di-Pusat Penyakit Batok Kering Negara, Kuala Lumpur. Majlis Penyelidekan Perubatan British telah pun mengadakan sa-orang pegawai untuk menjalankan kerja<sup>2</sup> menyelidek Penyakit Kusta.

Dalam usaha kita hendak meninggikan lagi darjah kesihatan di-dalam negeri ini maka bantuan<sup>2</sup> daripada pakar<sup>2</sup> teknik, alat<sup>2</sup> perkakas dan lain<sup>2</sup> kemudahan yang besar faedah-nya telah pun di-terima daripada berbagai pertubohan antara bangsa dan sukarela dan juga daripada Kerajaan negara yang bersahabat dengan kita. Pertubohan Kesihatan Sa-Dunia dan juga Kumpulan Wang Kanak<sup>2</sup> Bangsa<sup>2</sup> Bersatu maseh lagi memberi kita bantuan<sup>2</sup> di-dalam beberapa rancangan kesihatan negara.

Kerajaan<sup>2</sup> Australia, Canada, India dan United Kingdom dan juga Pasokan

Perubatan mendiang Doktor Tom Dooley, The Hooper Foundation dari University California dan Majlis Penyelidikan Perubatan British dan banyak lagi badan<sup>2</sup> yang lain telah memberi berbagai bantuan yang sangat berguna.

## (2) Kebajikan Musharakat

Jabatan Kebajikan Musharakat adalah memperluaskan lagi gerakan<sup>2</sup>-nya dengan tersusun sa-bagaimana yang ditentukan dalam Rancangan Lima Tahun yang Kedua itu. Berthabit dengan penyiasatan yang telah di-jalankan pada tahun yang lalu berkenaan dengan orang<sup>2</sup> yang chachat anggota-nya dan juga berkenaan dengan hasil<sup>2</sup> yang telah di-dapati daripada rancangan<sup>2</sup> yang telah di-adakan itu, maka satu rancangan yang lebeh lengkap telah pun di-adakan untuk menjaga keadaan, latehan dan pemulehan sa-mula berbagai<sup>2</sup> peringkat orang<sup>2</sup> yang chachat anggota-nya. Ada pun rancangan itu meliputi berbagai<sup>2</sup> perkhidmatan yang di-kehendaki untuk berbagai<sup>2</sup> jenis orang<sup>2</sup> yang chachat anggota-nya. Ini akan di-majukan lagi mengikut chara<sup>2</sup> yang lebeh baik yang di-jalankan oleh sa-orang Penasihat Bangsa<sup>2</sup> Bersatu yang pada masa ini berkhidmat didalam Jabatan Kebajikan Musharakat sa-lama tempoh satu tahun. Bagi rancangan permulaan-nya dua buah Pusat Pemulehan sa-mula ada-lah di-jadual di-dirikan tahun ini, satu ia-lah bagi faedah kanak<sup>2</sup> yang chachat anggota-nya dan yang satu lagi itu bagi kanak<sup>2</sup> yang rosak 'akal fikiran-nya.

Bantuan kepada kanak<sup>2</sup> miskin adalah di-perluaskan lagi supaya dapat meliputi lebeh banyak lagi kawasan<sup>2</sup> di-seluruh Persekutuan, terutama sekali di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar. Dengan sebab itu dua buah Rumah Kanak<sup>2</sup> yang baharu akan di-siapkan pada tahun ini. Sa-lain daripada itu sa-buah Rumah Budak<sup>2</sup> Nakal/Asrama untuk budak<sup>2</sup> nakal akan di-dirikan juga tahun ini.

Perkhidmatan pemuda pemudi adalah di-pandang mustahak. Pusat Latehan Ketua Belia Negara yang baharu di-Kuala Kubu akan di-siapkan untuk menggantikan bangunan yang ada di-Morib itu. Pusat Pertubohan Belia bagi faedah belia<sup>2</sup> di-Kuala Lumpur akan di-siapkan dan ini akan men-

jadi suatu chontoh tauladan bagi pembangunan Pusat<sup>2</sup> Pertubohan Belia di-lain tempat di-Persekutuan pada masa akan datang.

Perkhidmatan<sup>2</sup> bagi faedah orang<sup>2</sup> tua akan di-perluas dan di-tambah lagi. Dalam pada itu juga langkah<sup>2</sup> ada-lah di-jalankan untuk mengawal peminta<sup>2</sup> sedekah. Dengan sebab itu dua buah Pusat Pemulehan Sa-Mula ada-lah sedang di-dirikan di-Melaka dan Negeri Sembilan. Sa-lain daripada itu Undang<sup>2</sup> Negeri dan Undang<sup>2</sup> Persekutuan berkenaan dengan hal ini ada-lah sedang di-kaji sa-mula dengan tujuan meminda-nya di-mana<sup>2</sup> yang di-fikirkan menasabah.

## KEMENTERIAN PENERANGAN DAN SIARAN RADIO

### (1) Jabatan Penerangan

Pada masa ini penduduk<sup>2</sup> dari luar negeri bertambah<sup>2</sup> banyak hendak mengetahui berkenaan dengan Tanah Melayu dan dengan sebab itu banyak-lah pula siaran<sup>2</sup> dan penerangan<sup>2</sup> yang di-kehendaki di-luar negeri. Bagi melaksanakan kehendak<sup>2</sup> yang sa-umpama itu, maka Bahagian Siaran Luar Negeri di-Ibu Pejabat Perkhidmatan<sup>2</sup> Penerangan itu ada-lah di-tambah lagi kakitangan<sup>2</sup>-nya. Satu Bahagian Penyelidikan telah pun di-tubuhkan untuk menyiasat berbagai<sup>2</sup> benda yang hendak di-siasat di-Tanah Melayu ini bagi faedah penduduk<sup>2</sup> di-dalam negeri ini dan luar negeri.

Jabatan Filem Negara ada-lah terus mengeluarkan filem<sup>2</sup> yang tinggi mutunya dan sangat di-gemari oleh penduduk<sup>2</sup> Tanah Melayu ini dan juga di-sa-berang laut. Pada masa ini lebeh banyak lagi filem<sup>2</sup> Jabatan Filem Negara yang di-tayangkan di-luar negeri daripada tahun lalu. Jabatan Filem Negara ini akan terus mengeluarkan filem<sup>2</sup> yang banyak dan tinggi mutu-nya dan akan chuba juga dengan sa-daya upaya-nya untuk meninggikan lagi mutu filem<sup>2</sup>-nya itu.

### (2) Siaran Radio

Bagai melaksanakan rancangan hendak memajukan lagi kawasan<sup>2</sup> Siaran Radio bagi Gelombang Sederhana-nya di-seluruh Persekutuan, maka pehak Radio Malaya telah pun melakukan beberapa kemajuan sa-menjak tahun



lalu. Tiga buah alat pemancar, 10 kilowatt yang kuat bagi siaran<sup>2</sup> gelombang sederhana dan dua buah alat pemancar 10 kilowatt bagi siaran<sup>2</sup> gelombang pendek telah pun di-adakan di-Pulau Pinang semenjak bulan Januari, 1961, bagi faedah pendengar<sup>2</sup> di-Utara Tanah Melayu supaya mereka itu dapat mendengar siaran<sup>2</sup> radio lebeh terang dan kuat lagi. Pejabat dan Studio yang baharu di-Pulau Pinang tidak lama lagi akan siap dan ini akan memberi kemudahan<sup>2</sup> yang lebeh baik lagi bagi faedah siaran<sup>2</sup> radio bagi kawasan itu.

Bagitu juga sa-menjak bulan October tahun lalu, tiga buah alat pemancar 10 kilowatt yang kuat bagi siaran<sup>2</sup> gelombang<sup>2</sup> sederhana telah pun di-adakan di-Melaka untuk menggantikan alat pemancar yang  $\frac{1}{4}$  kilowatt yang lama itu. Jika Studio baharu itu siap dalam awal<sup>2</sup> tahun 1963 kelak, maka ranchangan<sup>2</sup> siaran radio dari Melaka akan bertambah baik-lah lagi. Kuasa alat pemancar siaran radio gelombang sederhana di-Kajang itu akan di-tambah sa-kali ganda tidak lama lagi. Kota Baharu akan dapat menggunakan 2 alat pemancar 10 kilowatt bagi siaran gelombang sederhana dan sa-buah Studio yang baharu sa-belum akhir tahun 1962 untuk menyiarkan bahan<sup>2</sup> ranchangan<sup>2</sup> radio-nya yang banyak yang boleh di-dapati di-negeri<sup>2</sup> Pantai Timor itu.

Oleh itu pada akhir tahun 1964, banyak-lah kawasan<sup>2</sup> di-Persekutuan ini dapat mendengar lebeh kuat dan terang lagi siaran<sup>2</sup> radio dari gelombang sederhana yang alat<sup>2</sup> pemancar-nya akan di-dirikan di-Johor Bahru, Ipoh, Kuantan dan Kuala Trengganu sa-lain daripada yang ada sekarang di-Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Melaka.

Berkeanaan dengan ranchangan siaran radio pula, ada-nya Studio<sup>2</sup> yang lengkap alat<sup>2</sup>-nya di-Pulau Pinang, Melaka dan Kota Baharu itu, maka mudah-lah lagi bagi pehak Radio Malaya menyelenggarakan ranchangan siaran radio-nya dan dalam pada itu juga dapat menggalakkan lagi siaran<sup>2</sup> radio dari kawasan<sup>2</sup> yang tersebut tadi. Sa-belum akhir tahun 1962 waktu ranchangan siaran radio akan di-panjangkan lagi dan pada tiap<sup>2</sup> hari Sabtu sidang pendengar akan dapat mendengar siaran

radio hingga waktu tengah malam. Kaki-tangan Pancharagam Radio pun akan di-tambah lagi sa-hingga menjadi suatu Pancharagam Radio yang mengandongi 17 unit yang boleh memberikan music yang lebeh baik lagi kapada sidang<sup>2</sup> pendengar. Bagi sidang pendengar yang beragama Islam pula, dengan ada-nya Siaran<sup>2</sup> Ugama di-dalam Bahagian Melayu itu, maka dapat-lah mereka menikmati siaran<sup>2</sup> mengenai Ugama yang lebeh baik lagi.

Siaran Perdagangan telah pun di-adakan dan ini ada-lah menjadi satu tambahan hasil pendapatan dan ranchangan siaran radio pun bertambah ria oleh-nya. Radio Malaya telah mengadakan siaran perdagangan itu mulai 1 haribulan Januari, 1962 dan ini telah berjalan dengan lancar-nya. Jika keadaan saperti ini berjalan dengan baik-nya, maka wang yang boleh di-dapati daripada siaran<sup>2</sup> itu dalam tahun yang pertama ini akan berlebeh<sup>2</sup> lagi daripada yang di-anggarkan hingga akhir tahun ini.

Pada masa ini bertambah<sup>2</sup> banyak-nya orang<sup>2</sup> yang membeli radio dan siaran<sup>2</sup> ranchangan khas berkenaan dengan Pembangunan Luar Bandar dan Pelajaran Dewasa ada-lah memberi faedah kapada pendengar<sup>2</sup> di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar. Ranchangan<sup>2</sup> sedang di-jalankan untuk mengelokkan lagi isi<sup>2</sup> dan susunan<sup>2</sup> ranchangan siaran radio bagi faedah orang<sup>2</sup> kampung.

Satu lagi ranchangan yang besar dan yang akan menjadi satu lambang dalam sejarah siaran radio di-negeri ini ia-lah chadangan hendak mengadakan Television dan perkara itu sedang di-timbangkan dengan giat-nya. Sa-belum akhir tahun 1963 perkhidmatan permulaan-nya akan di-adakan di-Kuala Lumpur.

## KEMENTERIAN DALAM NEGERI

### (1) Jabatan Orang Asli

Dasar jangka panjang bagi mentadbirkan dan memajukan chara kehidupan orang<sup>2</sup> asli ada-lah sedang di-jalankan. Pada 'am-nya tujuan Kerajaan ia-lah supaya orang<sup>2</sup> asli lama-kelamaan-nya hidup berchampur dengan lain<sup>2</sup> penduduk negara ini tetapi hendak-lah

di-jaga supaya mereka hidup bercham-por dengan lain<sup>2</sup> penduduk itu berpadanan dengan kemajuan<sup>2</sup> yang telah di-chapai mereka. Apa<sup>2</sup> dasar jangka panjang yang di-buat pada masa hadapan mesti-lah luas tujuan-nya dan mesti-lah boleh di-jalankan dengan berbagai<sup>2</sup> chara. Kerajaan puas hati bahawa dasar-nya yang di-terangkan baharu<sup>2</sup> ini akan dapat memenohi tujuan<sup>2</sup> ini. Bagi melaksanakan dasar ini Kerajaan telah meluluskan perkara menubuhkan sa-buah Jabatan Orang Asli yang tetap.

Jabatan Orang Asli telah banyak menyempurnakan kerja<sup>2</sup>-nya berkenaan dengan Rancangan Pembangunan Luar Bandar. Dalam tiap<sup>2</sup> Negeri telah di-buka sa-buah atau beberapa buah chontoh kawasan tempat kediaman. Dengan hal yang demikian sa-makin banyak-lah orang<sup>2</sup> asli yang dapat menggunakan kemudahan<sup>2</sup> pentadbiran Kerajaan.

Memberi pelajaran kepada orang<sup>2</sup> Asli ada-lah maseh menjadi satu daripada tugas<sup>2</sup> yang penting bagi Jabatan itu dalam tahun 1962. Jabatan itu berchadang hendak membuka 28 buah sekolah lagi. 12 buah lagi asrama dan sembilan buah rumah<sup>2</sup> guru. Khidmat<sup>2</sup> perubatan bagi orang<sup>2</sup> Asli telah diperelokkan lagi. Dalam tahun ini 16 buah tempat berubat lagi akan di-buka di-dalam hutan. Tempat<sup>2</sup> berubat ini dan tempat<sup>2</sup> berubat yang telah sedia ada akan di-lengkapkan dengan transmitter<sup>2</sup> radio yang akan di-kendalikan oleh orang<sup>2</sup> asli sendiri.

#### (2) Perkhidmatan Penjara

Perkhidmatan Penjara, sa-bagaimana yang di-dapati pada masa yang sudah<sup>2</sup> ada-lah satu daripada perkhidmatan penjara yang amat baik di-Benua Asia. Rancangan menggantikan pegawai<sup>2</sup> dagang dengan pegawai<sup>2</sup> tempatan telah berjalan dengan memuaskan hati; chuma ada dua jawatan tinggi sahaja dalam Jabatan itu yang maseh di-pegang oleh pegawai<sup>2</sup> dagang.

#### (3) Rancangan<sup>2</sup> Perumahan

Dasar Kerajaan ia-lah hendak menolong keluarga<sup>2</sup> yang berpendapatan rendah dengan jalan memberi mereka kemudahan<sup>2</sup> bagi memiliki rumah yang

murah dan dengan yang demikian kurang-lah sedikit orang yang tiada tempat kediaman. Wang sa-banyak \$45,000,000 ada di-untukkan bagi hal ini dalam Rancangan Lima Tahun yang Kedua dan daripada-nya sa-banyak \$7,000,000 di-untukkan bagi tahun 1961.

Tiga rancangan perumahan telah di-siapkan di-Sungai Siput dalam Negeri Perak, di-Bukit Mertajam, Pulau Pinang dan di-Kampong Majeedi, Johor Bharu; kira<sup>2</sup> 438 buah rumah telah di-dirikan. Kerja menyempurnakan rancangan<sup>2</sup> lain di-Ipoh dan Taiping sedang berjalan baik; kedua<sup>2</sup> rancangan itu ada-lah hampir<sup>2</sup> siap. Rancangan<sup>2</sup> baharu telah pun di-luluskan dalam Negeri Perak, Negeri Sembilan, Kedah dan Pulau Pinang dengan bertujuan hendak membuat 956 buah rumah lagi, termasuk-lah membuat rumah<sup>2</sup> batu dan rumah<sup>2</sup> papan bentok melayu.

Kerajaan berpendapat ia-itu ranchangan<sup>2</sup> perumahan ini ada-lah amat penting bagi mengadakan rumah<sup>2</sup> yang baik bagi penduduk<sup>2</sup> negeri ini, dan menggalakkan ra'ayat memileki harta benda sendiri dengan tiada halangan. Majlis<sup>2</sup> Perbandaran telah juga di-beri bantuan dengan chara mengadakan kumpulan<sup>2</sup> wang membuat rumah<sup>2</sup> murah; wang sa-banyak \$2,000,000 telah di-untukkan bagi Majlis Bandar Raya, Georgetown, untuk membina rumah bertingkat<sup>2</sup>, dan dalam Ibu Kota Persekutuan ranchangan hampir siap bagi mendirikan rumah<sup>2</sup> di-Jalan Sungai Besi untuk orang<sup>2</sup> yang menumpang tanah Kerajaan. Kerja<sup>2</sup> mem b u a t rumah<sup>2</sup> baharu telah juga di-mulakan di-Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur.

#### (4) Perancangan Bandar dan Kampong

Kerajaan telah memberi perhatian yang besar atas perkara mengemaskan dan membesarkan lagi Jabatan Peranchang Bandar dan Kampong. Ada-lah di-jangka ia-itu pejabat<sup>2</sup> baharu akan di-tubuhkan pada tahun ini di-Kota Bharu untuk seluroh Negeri Kelantan dan Trengganu, dan di-Seremban bagi seluroh Negeri Sembilan dan Melaka. Ada-lah di-harap supaya ranchangan pembangunan luar bandar dan bandar kelak akan di-buat untuk memberi

jaminan supaya usaha kemajuan itu berjalan dengan baik.

#### KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI

Bagi menjayakan dasar Kerajaan hendak meninggikan lagi taraf hidup Anggota<sup>2</sup> Polis Di-Raja Persekutuan Tanah Melayu, Kerajaan telah melancarkan suatu ranchangan di-bawah Ranchangan Lima Tahun bagi mengadakan tempat tinggal bagi mereka. Dasar Kerajaan ia-lah mengutamakan mendirikan rumah<sup>2</sup> bagi pegawai<sup>2</sup> rendah dan Polis<sup>2</sup> biasa yang kebanyakan-nya maseh tiada mempunyai rumah tempat tinggal yang sempurna. Ada-lah di-taksirkan ia-itu sa-banyak 1,765 buah rumah berharga \$13,900,000 akan siap di-bena di-bawah Ranchangan Lima Tahun, dan kebanyakan rumah<sup>2</sup> itu akan siap pada tahun ini. Sa-banyak 614 buah rumah lagi yang berharga \$5,500,000 di-jangka akan siap di-bena antara tahun 1963 dan tahun 1965.

#### KEMENTERIAN KE'ADILAN

Kerajaan bertujuan hendak meneruskan usaha bagi mendirikan sa-buah bangunan tempat mentadbirkan ke'adilan yang di-beri nama "Istana Ke'adilan". Sa-lain daripada membena sa-buah bangunan Mahkamah Tertinggi yang baharu di-Perlis dan dua buah Bangunan Mahkamah di-Perak maka ada juga di-buat ranchangan hendak mendirikan bangunan<sup>2</sup> Mahkamah Tertinggi yang baharu di-Kelantan dan Trengganu. Dua buah Bangunan Mahkamah yang baharu akan di-dirikan juga di-Selangor pada tahun ini.

Hadiah<sup>2</sup> pelajaran akan terus di-berikan kepada pegawai<sup>2</sup> yang sedang berkhidmat dengan tujuan hendak mendapat kelulusan undang<sup>2</sup> yang mustahak bagi memegang jawatan dalam Perkhidmatan Undang<sup>2</sup> Persekutuan. Tiga orang hakim dalam Jabatan Undang<sup>2</sup> telah di-beri hadiah<sup>2</sup> pelajaran dalam tahun 1961 bagi mengikuti kursus 'ilmu undang<sup>2</sup> di-United Kingdom.

Tugas Jabatan Pemegang Amanah Raya maseh lagi tiada banyak di-ketahui oleh orang ramai, terutama sa-kali orang<sup>2</sup> yang tinggal di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar. Oleh yang demikian ada-lah

menjadi dasar 'am Jabatan ini pada masa hadapan hendak berusaha supaya lebeh ramai lagi ra'ayat mengetahui apa jua perkara<sup>2</sup> yang dapat di-perbuat oleh Jabatan ini. Bagi menchapai tujuan ini-lah maka sa-buah Pejabat Chawangan yang baharu, Jabatan Pemegang Amanah Raya telah di-buka di-Alor Star, Kedah, pada bulan August tahun lalu.

Jabatan Penjaga Harta Musoh telah mengambil tanggung jawab bagi menjaga harta<sup>2</sup> yang tiada di-tuntut atau harta<sup>2</sup> yang bukan kepunyaan musoh yang tiada dapat di-tentukan hak empunya-nya kerana di-sebabkan oleh Pendudukan Jepun yang lama dan kesusahan<sup>2</sup> yang di-sebabkan oleh Pendudukan Jepun itu. Harta<sup>2</sup> yang sumpama itu ada-lah sa-tengah daripada harta yang telah di-kumpulkan. Pekerjaan hendak membinasakan harta benda musoh telah selesai di-jalankan, tetapi beberapa perkara undang<sup>2</sup> yang sulit mengenai beberapa perkara kumpulan wang yang tiada di-ketahui maseh belum dapat di-selesaikan lagi. Perkara<sup>2</sup> ini ada-lah di-perhatikan dengan sungoh<sup>2</sup> dan kita ada-lah berhubong dengan negeri<sup>2</sup> Commonwealth yang ada hubongan dengan perkara itu, tetapi usaha<sup>2</sup> bagi menyelesaikan-nya tiada dapat di-buat dengan bergesa<sup>2</sup>.

#### KEMENTERIAN BUROH

Ada pun dasar Kerajaan dalam lapangan perhubungan perusahaan ia-lah hendak menggalakkan serta membantu usaha hendak menubuhkan kebebasan bertindak dalam perusahaan. Dasar ini bertujuan hendak menubuhkan suatu sistem sukarela mengenai perhubungan perusahaan supaya kedua<sup>2</sup> pehak dalam perusahaan dapat menyelesaikan dengan berbinchang sa-sama mereka sendiri atas semua perkara dan masa'elah yang mengenai mereka dengan tiada payah di-ganggu oleh orang lain. Bagi menchapai tujuan inilah maka Kerajaan terus menggalakkan supaya gerakan Kesatuan sa-kerja yang kuat, bebas, bertanggung jawab dan demokratik dalam negeri ini terus berkembang dan maju, dan supaya dapat menolong majikan dan pekerja bagi menubuhkan dan menjalankan alat perbinchangan dan perundingan ber-

sama yang sukarela bagi menyelesaikan semua perkara yang ada hubungan antara kedua<sup>2</sup> pihak.

Sistem sukarela ini telah di-terima oleh pihak majikan dan pekerja dan kejayaan-nya ada-lah nyata dengan bertambah-nya alat perhubungan bersama dalam perusahaan. Boleh-lah dikatakan ia-itu hampir<sup>2</sup> semua tempat<sup>2</sup> kerja yang besar dalam negeri ini telah menubuhkan alat perbinchangan atau perundingan bersama mereka masing<sup>2</sup>. Pada penghujung tahun 1961 ada 345 alat perhubungan yang sa-umpama itu yang di-jalankan. Pemogokan dan hari<sup>2</sup> kerja yang hilang bagi tahun 1961 menjadi bukti atas kejayaan sistem sukarela itu. Ada 58 pemogokan yang membabitkan sa-ramai 9,045 orang pekerja dan kerja yang boleh di-buat oleh 59,730 orang dalam tahun 1961 tiada dapat di-jalankan. Lebih sa-tengah daripada pemogokan<sup>2</sup> ini tiada lama masa-nya, dan kebanyakan-nya ia-lah berhenti bekerja sa-lama sa-hari sahaja.

Dasar Kerajaan ia-lah hendak menggalakkan lebih banyak lagi kesatuan<sup>2</sup> sa-kerja di-tubuhkan mengikut kumpulan perusahaan dari pekerjaan. Bilangan ahli kesatuan sa-kerja yang ada sekarang ada-lah yang tinggi sa-kali dalam sejarah pergerakan itu di-Persekutuan Tanah Melayu. Ada 283 buah kesatuan<sup>2</sup> sa-kerja dengan ahli<sup>2</sup> yang membayar yuran sa-ramai 234,069 orang semua-nya. Ini menunjukkan tambahan yang banyak daripada angka<sup>2</sup> tahun 1960 ia-itu: 262 buah kesatuan<sup>2</sup> sa-kerja dengan ahli<sup>2</sup> sa-ramai 184,627 orang.

Kerajaan juga sedar akan penting-nya menjaga kepentingan<sup>2</sup> dan keselamatan pekerja<sup>2</sup> yang bekerja dalam sa-tengah<sup>2</sup> perusahaan, yang tiada dapat oleh beberapa sebab, bagi menguruskan hal ehwal mereka dengan sempurna bagi tujuan perundingan bersama dan syarat<sup>2</sup> bekerja itu amat tiada memuaskan hati sa-hingga Kerajaan terpaksa champor tangan. Dalam keadaan seperti ini ada undang<sup>2</sup> yang mengadakan syarat<sup>2</sup> bagi menubuhkan Majlis<sup>2</sup> Gaji untuk menetapkan gaji yang sa-rendah<sup>2</sup>-nya dan syarat<sup>2</sup> bekerja. Satu daripada Majlis<sup>2</sup> Gaji seperti itu telah pun di-tubuhkan bagi penolong<sup>2</sup> dalam kedai dan sa-buah lagi akan di-tubuhkan tiada lama lagi

bagi faedah pekerja<sup>2</sup> di-pelabohan Pulau Pinang.

Undang<sup>2</sup> baharu sedang di-susun bagi mengukuhkan lagi sistem sukarela perhubungan perusahaan. Undang<sup>2</sup> Mahkamah Perusahaan sedang di-pinda untuk memberi kuat kuasa kepada Menteri untuk champor tangan dalam sa-suatu pertikaian, tiada kira sama ada pertikaian itu telah di-beri tahu kapada-nya, jikalau ia berpendapat ia-itu pertikaian itu nyata tiada dapat di-selesaikan dengan chara<sup>2</sup> biasa; ia-itu dengan chara bertolak ansor antara pekerja dan majikan atau dengan jalan perundingan. Suatu Undang<sup>2</sup> Meluaskan Perjanjian Bersama sedang di-susun juga untuk memberi kuasa meluaskan syarat<sup>2</sup> perjanjian bersama kepada majikan<sup>2</sup> dan pekerja<sup>2</sup> supaya syarat<sup>2</sup> itu meliputi pekerja<sup>2</sup> yang ada dalam perusahaan yang sama tetapi tiada termasuk dalam perjanjian<sup>2</sup> tersebut. Perkara ini telah di-buat untuk membaiki syarat<sup>2</sup> dan chara<sup>2</sup> bekerja yang berbeza<sup>2</sup> bagi pekerja<sup>2</sup> yang sama pekerjaan dan peringkat dalam sa-suatu perusahaan.

Kerajaan sedang mengkaji Penyata yang di-buat oleh sa-orang Pakar Pertubuhan Buroh Antara Bangsa atas perkara hendak memulakan suatu rancangan jaminan musharakat untuk menghadapi kesulitan<sup>2</sup> pekerja<sup>2</sup> di-Persekutuan Tanah Melayu. Dalam masa penyata itu maseh sedang di-timbangkan maka langkah<sup>2</sup> keselamatan yang ada sekarang seperti Bayaran Sagu Hati Pekerja<sup>2</sup>, Provident Fund Pekerja<sup>2</sup> dan faedah<sup>2</sup> bagi ibu<sup>2</sup> yang mengandong sedang di-kaji dengan teliti. Ada-lah di-harapkan akan dapat membuat suatu kenyataan resmi atas Penyata Pertubuhan Buroh Antara Bangsa itu dalam masa tiada lama lagi. Kerajaan akan terus memberi jaminan supaya keadaan bekerja dan keadaan hidup pekerja<sup>2</sup> ada-lah di-perbaiki dan di-tentukan supaya selamat dan baik. Dengan tujuan ini-lah maka Kementerian Buroh ada-lah berusaha supaya rumah<sup>2</sup> yang di-adakan bagi pekerja<sup>2</sup> menchapai peringkat yang sesuai dengan taraf hidup penduduk<sup>2</sup> negeri ini. Suatu Undang<sup>2</sup> Perumahan bagi Pekerja<sup>2</sup> telah di-buat, dengan syarat<sup>2</sup> bagi mengadakan taraf hidup yang baharu dan lebih tinggi bagi tempat<sup>2</sup> tinggal yang

di-adakan oleh majikan. Undang<sup>2</sup> ini akan di-bawa ka-Parlimen pada tahun ini. Dengan anjoran sa-orang pakar Pertubohan Buroh Antara Bangsa yang telah datang melawat ka-Persekutuan untuk menyiasat keadaan<sup>2</sup> perusahaan dan keadaan<sup>2</sup> tempat bekerja dan mengkaji serta memberi laporan atas keadaan<sup>2</sup> kesihatan dalam pekerjaan yang di-dapati dalam negeri ini maka Kerajaan sedang juga menimbangkan perkara hendak menubuhkan sa-buah Badan Kesihatan Perusahaan untuk menjaga keadaan kesihatan dan keselamatan dalam pekerjaan.

Sesuai dengan dasar Kerajaan hendak menambah kemudahan<sup>2</sup> bagi pelajaran dan latehan teknik untuk memberi faedah kepada negara dalam lapangan ini maka Kerajaan berchadang hendak meluaskan lagi perkara<sup>2</sup> latehan yang di-adakan mengikut Ranchangan Latehan Negara. Ranchangan ini yang telah di-mulakan pada tahun 1957 dengan 60 orang berlateh dan 15 majikan telah bertambah bilangan-nya hingga 399 orang pelateh dan 84 majikan. Ranchangan itu akan menjadi bertambah luas apabila di-bena Pusat Latehan Perusahaan di-Kuala Lumpur untuk mengadakan Kursus Latehan dalam perkara<sup>2</sup> Pembenaan, Kejuruteraan, Perchetakan dan Letrik. Kerajaan juga sedang mengkaji perkara hendak meluaskan Ranchangan Latehan itu untuk meliputi latehan pekerjaan.

#### KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

##### (1) Bahagian Tanah

Sambil Kementerian Luar Bandar menjalankan usaha<sup>2</sup> hendak mengadakan berbagai<sup>2</sup> kemudahan di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar, Kerajaan dengan kerjasama dan bantuan Kerajaan<sup>2</sup> Negeri telah pula bersungguh<sup>2</sup> berikhtiar memberi tanah kepada warga negara kita yang tiada mempunyai tanah dan yang ada tanah tetapi tiada chukup untuk hidup dalam keadaan yang sempurna.

Dasar Kerajaan ia-lah hendak mengutamakan kerja ini dan hendak memperkemaskan pekerjaan di-semua Pejabat Tanah supaya pentadbiran tanah di-Negeri<sup>2</sup> yang mengikut dasar tanah kita akan berjalan dengan sempurna-nya.

Oleh kerana mengikut Perlembagaan yang ada ini tanah ia-lah perkara yang di-uruskan oleh Kerajaan Negeri maka tiada-lah dapat Kerajaan Persekutuan hendak mencheptakan kerja memberi tanah melainkan dengan sokongan penoh dan kerjasama Kerajaan<sup>2</sup> Negeri.

Oleh kerana hendak mencheptakan kerja memberi tanah itu dan hendak merengskakan atoran memberi tanah maka suatu undang<sup>2</sup> telah di-buat untuk menyamakan undang<sup>2</sup> tanah di-seluruh Persekutuan. Dengan hal yang demikian kerja memberi tanah telah di-cheptakan pada tahun yang lalu. Kerajaan berhajat hendak membawa ka-meshuarat Parlimen Rang Undang<sup>2</sup> bagi mengadakan Undang<sup>2</sup> Tanah Negara dan bagi mengadakan apa<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> yang mustahak di-pakai bersama<sup>2</sup> dengan Undang<sup>2</sup> Tanah Negara itu. Dengan bantuan sa-orang Penggubal Undang<sup>2</sup> yang di-adakan dengan anjoran Ranchangan Colombo, dapat-lah Pesuruhjaya Undang<sup>2</sup> Tanah mencheptakan kerja ini dan di-harap Rang<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> ini akan dapat di-siapkan supaya boleh di-jalankan kuat kuasa-nya pada tahun hadapan.

Berdasarkan kepada pengalaman yang telah lalu, dasar berkenaan dengan memajukan tanah dalam Ranchangan Kawasan Tempat Tinggal Beramai<sup>2</sup> telah di-ubah sedikit. Pada asal-nya tujuan Kerajaan ia-lah kerja memajukan tanah dalam Ranchangan<sup>2</sup> Kawasan Tempat Tinggal Beramai<sup>2</sup> ia-itu termasuk memberi tanah kawasan pinggir hendak-lah di-uruskan oleh Kerajaan<sup>2</sup> Negeri dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan hendak-lah menguruskan ranchangan<sup>2</sup> yang besar sahaja. Dalam meshuarat Majlis Tanah Negara yang di-adakan pada tahun yang lalu maka telah di-putuskan ia-itu semua ranchangan memajukan tanah yang lebeh daripada 2,000 ekar hendak-lah di-uruskan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Kerajaan<sup>2</sup> Negeri hendak-lah menguruskan kerja memberi tanah kawasan pinggir sahaja. Keputusan ini telah di-buat sa-telah menimbangkan shor<sup>2</sup> sa-buah Jawatan-Kuasa Khas yang di-lantek oleh Timbalan Perdana Menteri untuk memeriksa usaha<sup>2</sup> yang telah di-jalankan bagi kemajuan tanah.

Kerajaan<sup>2</sup> Negeri ada-lah bersetuju dengan dasar itu dan oleh yang demikian telah bersetuju menyerahkan kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan akan rancangan<sup>2</sup> kawasan tempat tinggal beramai<sup>2</sup> yang telah di-uruskan oleh mereka dahulu. Ada pun tujuan mengubah dasar itu ia-lah supaya rancangan<sup>2</sup> tanah dapat di-uruskan dengan lebeh senang dan lebeh baik. Kerja Kerajaan<sup>2</sup> Negeri hanya-lah menguruskan rancangan<sup>2</sup> kecil mengenai memberi tanah kawasan pinggir sahaja. Kerajaan Persekutuan akan terus memberi bantuan wang kepada Kerajaan<sup>2</sup> Negeri supaya senang Kerajaan<sup>2</sup> Negeri meminjamkan wang kepada orang yang mengambil tanah untuk pekerjaan menebang dan menebas hutan dan memberi wang kepada mereka untuk membeli benih dan baja.

Dengan sebab shor<sup>2</sup> yang di-buat oleh Jawatan-Kuasa Khas itu maka belanja Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan mentadbirkan 25 buah rancangan yang ada itu akan di-tanggung oleh Kerajaan Persekutuan dan tidak di-kenakan kepada orang yang mengambil tanah sa-bagaimana yang di-chadangkan pada mula<sup>2</sup>-nya. Dalam tahun ini Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan akan memulakan 11 buah rancangan lagi menjadikan tiga puluh enam buah-lah semua-nya rancangan yang di-uruskan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan luas tanah rancangan<sup>2</sup> itu ia-itu 134,326 ekar. Tujuan mengadakan rancangan<sup>2</sup> ini ia-lah hendak memberi tanah kepada 12,275 orang.

Kerajaan<sup>2</sup> Negeri telah membuka 107 kawasan pinggir sa-banyak 55,280 ekar luas-nya bagi orang yang mempunyai kebun yang tiada mendatangkan hasil yang chukup. Sa-banyak 256 kawasan lagi ia-itu 127,362 ekar luas-nya akan di-buka dalam tahun ini untuk orang<sup>2</sup> itu.

Dengan tujuan hendak mengawal dan mengelolakan rancangan<sup>2</sup> itu dengan lebeh baik maka Kerajaan berchadang juga hendak mengambil tanggung-jawab mentadbirkan rancangan menanam getah baharu yang ada sekarang. Dalam rancangan ini Lembaga Pentadbir<sup>2</sup> bagi Rancangan Perusahaan Getah (Menanam Getah Baharu bagi Pekebun<sup>2</sup> Kecil) tahun 1957 ada mem-

beri bantuan wang sa-banyak \$400 pada tiap<sup>2</sup> satu ekar.

Rancangan<sup>2</sup> tanah ini terhad kepada usaha menanam getah sa-bagai bahan tanaman yang utama dan pokok buah<sup>2</sup>-an dan padi di-tanam juga di-tempat<sup>2</sup> yang elok tanah-nya, sa-bagai tanaman yang chepat mengeluarkan hasil. Tidak-lah menghairankan ia-itu kerana getah ia-lah satu daripada bahan yang utama dari segi ekonomi yang boleh memberi pendapatan yang sa-habis<sup>2</sup> tinggi kepada pekebun<sup>2</sup> kecil maka getah ada-lah di-utamakan menanam-nya. Bagaimana pun, oleh kerana dasar Kerajaan ia-lah hendak mengeluarkan bahan<sup>2</sup> pertanian yang lain, sa-lain daripada getah maka Kerajaan sedang mengkaji perkara menanam benda<sup>2</sup> lain yang lain daripada getah, bagi rancangan<sup>2</sup> kemajuan tanah masa hadapan. Jawatan-Kuasa Peranchang Pembangunan Negara telah diberi tugas untuk menyiasat perkara ini dan memberikan chadangan<sup>2</sup>-nya. Sa-bagai permulaan-nya, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah pun memulakan suatu rancangan kemajuan tanah yang besar di-Negeri Johor untuk menanam kelapa sawit dan satu rancangan lagi di-Trengganu amat sesuai tanah-nya untuk maksud menanam kelapa sawit itu.

Dalam lapangan melombong pula, ada-lah menjadi dasar Kerajaan hendak menggalakkan orang<sup>2</sup> Melayu untuk membuat perusahaan ini. Dalam perkara ini kawasan<sup>2</sup> yang di-untukkan bagi orang<sup>2</sup> Melayu sedang di-siasat oleh Badan Menyiasat Logam atas perbelanjaan Kerajaan.

Kemudian kelak Kerajaan<sup>2</sup> Negeri akan memoleh kawasan<sup>2</sup> yang di-dapati ada bijeh timah dan menggalakkan orang<sup>2</sup> Melayu, sharikat<sup>2</sup> atau sharikat<sup>2</sup> kerjasama supaya meminta lesen<sup>2</sup> melombong di-kawasan<sup>2</sup> itu. Orang<sup>2</sup> Melayu ada-lah juga di-galakkan dengan chara Kerajaan dan sharikat<sup>2</sup> lombong memberi hadiah<sup>2</sup> pelajaran untuk berlateh dalam hal tersebut dan beberapa orang penuntut Melayu sedang di-lateh di-negeri ini dan juga di-luar negeri.

## (2) Pehak Berkuasa Pembangunan Luar Bandar dan Perusahaan

Semenjak rancangan pembangunan luar bandar Kerajaan di-mulakan, usaha

dan tenaga Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan telah di-tumpukan kebanyakan-nya kepada dua kerja-nya yang tertentu dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun itu. Yang pertama ia-lah mengadakan kemudahan<sup>2</sup> bagi membuat barang<sup>2</sup> dan menjual-nya dan yang kedua ia-lah menggalakkan perusahaan<sup>2</sup> kecil. Dalam pada itu kerja utama Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan berkenaan dengan memberi pinjaman wang dengan chara yang mudah terus merebak masuk kadalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Sa-hingga masa ini lebeh kurang \$15,000,000 telah pun di-beri pinjam sa-bagai modal kepada orang<sup>2</sup> perniagaan dan perusahaan. Pemborong<sup>2</sup> Melayu pun mendapat pinjaman ini, dalam beberapa bulan sahaja mereka telah mendapat pinjaman sa-banyak \$318,000.

Berkeanaan dengan usaha-nya mengadakan kemudahan<sup>2</sup> bagi membuat dan menjual barang<sup>2</sup> perusahaan kampong terutama sa-kali getah, Lembaga itu telah mendirikan empat buah kilang getah sa-bagai tambahan kepada tiga buah kilang yang telah di-dirikan beberapa lama dahulu. Rancangan<sup>2</sup> sedang di-buat bagi mendirikan 8 buah lagi kilang dan 47 buah kilang beramai<sup>2</sup> diseluruh Persekutuan, dan ada-lah di-harapkan bahawa semua kilang<sup>2</sup> ini akan siap sa-belum habis tahun ini. Delapan belas buah Pekan Sari telah pun siap di-dirikan dan Lembaga berchadang hendak mendirikan 80 buah lagi di-masa yang akan datang.

Berkeanaan dengan perusahaan<sup>2</sup> kampong, Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan sedang giat berusaha memperbanyakkan lagi perusahaan<sup>2</sup> kampong supaya dapat menambah pendapatan orang<sup>2</sup> kampong 'am-nya. Usaha<sup>2</sup> Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan berkenaan dengan perkara ini telah berjaya mempengaruhi orang<sup>2</sup> kampong supaya mengeluarkan barang<sup>2</sup> dengan lebeh banyak lagi sa-bagaimana yang terbukti dengan bertambah<sup>2</sup> banyak orang yang membuat tali sabut, barang<sup>2</sup> lain yang di-buat daripada sabut dan belachan. Sa-buah tempat melapah dan menyamak kulit<sup>2</sup> binatang sedang di-bena di-Bukit Mer-tajam dan sa-buah kilang kichap sedang

di-dirikan dekat Kampong Dato' Kramat di-Kuala Lumpur.

Perusahaan pengangkutan ada-lah menjadi perkara yang mustahak dalam rancangan pembangunan luar bandar, Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan. North-Eastern Transport Service Ltd., di-Kelantan, telah mendapat keuntongan semenjak Lembaga itu champor tangan dalam hal<sup>2</sup> pentadbiran dan kewangan-nya. Perkhidmatan bas yang pertama dalam rancangan Pehak Berkuasa Kemajuan Tanah Persekutuan di-Lembah Bilit telah mulai berjalan pada bulan July tahun 1961. Ada lagi rancangan<sup>2</sup> menjalankan perkhidmatan<sup>2</sup> seperti itu di-Perlis dan Melaka.

Berkeanaan Pusat Perkhidmatan Perusahaan<sup>2</sup> Kecil, sa-buah Ibu Pejabat untok-nya yang baharu telah pun siap baharu<sup>2</sup> ini di-Petaling Jaya, dan ia-nya ada-lah juga menyebabkan barang<sup>2</sup> pertukangan tangan yang di-buat daripada daun pandan dan mengkuang, kain batek, kain songket dan barang<sup>2</sup> perak dan tembaga bertambah<sup>2</sup> banyak di-jual. Bantuan<sup>2</sup> yang di-beri oleh Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan kepada perusahaan mengechap kain batek di-Negeri<sup>2</sup> Kelantan dan Trengganu telah memajukan perusahaan itu dan mutu kain<sup>2</sup> batek yang di-buat dan di-jual sekarang ini bertambah<sup>2</sup> baik.

Dalam usaha melateh orang<sup>2</sup> luar bandar, Lembaga itu akan terus mengutamakan usaha melateh orang<sup>2</sup> perempuan kampong dalam hal ehwal ekonomi rumah tangga supaya taraf hidup orang kampong dapat di-tinggikan dan supaya barang<sup>2</sup> yang di-buat di-kampong<sup>2</sup> digunakan dengan lebeh banyak lagi. Dengan chara ini di-harapkan keadaan hidup orang<sup>2</sup> luar bandar akan bertambah baik.

Bertambah<sup>2</sup> banyak pemuda pemudi Melayu yang gemar kepada pelajaran perdagangan yang di-ajar di-Dewan Latehan itu. Beberapa orang pelajar yang lulus telah mendapat kerja dalam berbagai<sup>2</sup> sharikat, perbadanan dan jabatan Kerajaan. Ada-lah tujuan Dewan Latehan itu hendak melateh beberapa orang Melayu supaya chenderong kepada perniagaan. Di-harap mereka itu akan memulakan usaha

orang<sup>2</sup> Melayu berniaga dalam masa yang akan datang.

Limbongan kapal di-Kuala Trengganu yang pada masa ini di-kelolakan oleh sa-orang pakar Rancangan Colombo telah pun memberi faedah<sup>2</sup> mata benda dan wang. Chadangan<sup>2</sup> telah sedia bagi memperbesarkan lagi limbongan itu kerana nampak-nya limbongan itu bertambah<sup>2</sup> berguna terutama sa-kali kapada penduduk<sup>2</sup> di-Pantai Timor.

### (3) Pelajaran Dewasa

Mengikut dasar Kerajaan hendak menjalankan satu gerakan kebangsaan berkenaan dengan pelajaran dewasa maka Bahagian Pelajaran Dewasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah di-tubuhkan pada 1 haribulan April tahun 1961. Bahagian ini berjalan dan mentadbirkan kerja<sup>2</sup> pelajaran dewasa supaya tujuan Kerajaan hendak memberi pelajaran membaca dan menulis dalam Bahasa Kebangsaan kapada semua warga negara dapat di-chapai. Bahagian Pelajaran Dewasa telah juga mengambil tanggung jawab menjalankan rancangan membasmikan buta huruf daripada badan<sup>2</sup> sukarela.

Hingga sekarang ini Bahagian itu telah menubuhkan 4,200 darjah rendah dan 4,900 darjah menengah. Bagi mengadakan darjah<sup>2</sup> ini Bahagian itu berkehendakkan guru<sup>2</sup> yang terlately khas dalam chara<sup>2</sup> mengajar orang<sup>2</sup> dewasa pada kedua<sup>2</sup> peringkat. Kursus<sup>2</sup> latelyan yang lengkap telah di-buat dan di-jalankan. Sekarang ini ada 4,501 orang guru<sup>2</sup> yang terlately untuk darjah<sup>2</sup> rendah dan 5,433 orang guru<sup>2</sup> yang terlately untuk darjah<sup>2</sup> menengah. Kursus<sup>2</sup> latelyan bagi 1,892 orang guru<sup>2</sup> sedang di-jalankan. Guru<sup>2</sup> ini juga di-kehendakki memasok pereksa dalam pelajaran<sup>2</sup> yang di-tentukan umpama Pengetahuan 'Am, Chara<sup>2</sup> Mengajar Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Melayu. Bahagian itu telah mengadakan pepereksaan<sup>2</sup> itu dengan jaya-nya pada awal tahun ini. Bahagian itu juga telah mengadakan pepereksaan<sup>2</sup> bagi murid<sup>2</sup> pelajaran dewasa pada bulan Februari yang lalu dan keputusan<sup>2</sup> pepereksaan itu menunjukkan bahawa lebeh daripada 80 peratus murid<sup>2</sup> itu telah lulus.

Dalam tahun ini Bahagian itu telah menuboh dan menjalankan tiga pasokan

yang bekerja di-Luar Pejabat bagi menghebah rancangan<sup>2</sup> Pelajaran Dewasa dan Pembangunan Luar Bandar. Bahagian itu sangat mengambil berat berkenaan dengan betapa mustahak-nya mengajar chara audio-visual. Bahagian itu telah mengadakan kursus<sup>2</sup> radio bagi darjah<sup>2</sup> dewasa. 1,540 radio transistor telah pun di-beri dan banyak lagi akan di-beri pada masa yang akan datang. Bahagian itu telah juga mengeluarkan majallah untuk bacaan dan pengetahuan. Bahagian itu telah juga menubuhkan perkhidmatan kutub-khanah di-kampung<sup>2</sup>. Sa-banyak 820 pasokan perkhidmatan kutub-khanah seluruh Persekutuan telah pun di-beri buku<sup>2</sup>.

Bagi tahun 1962, Bahagian itu bukan sahaja akan lebeh giat lagi menjalankan kerja<sup>2</sup> yang telah di-jalankan bahkan merancang memulakan kursus<sup>2</sup> berkenaan dengan Ekonomi Rumah Tangga dan Ugama Islam.

## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

### (1) Perkhidmatan Keretapi

Keretapi Tanah Melayu akan terus mengangkut barang<sup>2</sup> dan membawa penumpang<sup>2</sup> dengan tambang yang murah, dan akan terus memberi perkhidmatan keretapi yang terbaik dan modern kapada orang ramai. Beberapa buah keretapi yang menggunakan minyak diesel dan kepala<sup>2</sup> keretapi yang menggunakan arang batu sedang digunakan sekarang ini dan ada rancangan<sup>2</sup> bagi menggantikan banyak lagi kepala<sup>2</sup> keretapi yang menggunakan arang batu dengan kepala<sup>2</sup> keretapi yang menggunakan minyak diesel itu dalam Rancangan Lima Tahun yang Kedua itu. Wang telah di-sediakan untuk memperbaiki lagi perkhidmatan keretapi itu dan dengan yang demikian belanja memelihara landasan keretapi itu dapat dikurangkan. Dalam pada itu juga orang<sup>2</sup> ramai akan dapat membuat perjalanan dengan keretapi dengan lebeh selamat dan senang dan pehak keretapi pula bertambah-lah pendapatannya.

Dengan ada-nya tempat punggah memunggah barang<sup>2</sup> dan "port exchange siding" di-Port Swettenham barang<sup>2</sup> yang di-angkut dengan keretapi dapatlah semua-nya di-punggah dan di-muat di-pelabuhan yang ada pada masa ini dan di-jetty<sup>2</sup> baharu di-Selat Klang



Utara. Oleh kerana tempat punggah memunggah itu terletak ka-darat sedikit maka tiada-lah penoh sesak sangat kawasan pelabohan itu. Surohanjaya yang mengandongi tiga orang ahli untuk menyiasat keadaan ekonomi dan kewangan perkhidmatan keretapi telah menyiapkan penyata-nya pada tahun lalu. Penyata itu mengandongi banyak shor<sup>2</sup> yang berguna. Shor<sup>2</sup> itu ada-lah sedang di-kaji dengan halus-nya.

#### (2) Pengangkutan Jalan Raya

Kerajaan akan meneruskan dasar-nya hendak membanyakkan lagi orang<sup>2</sup> Melayu mengambil bahagian dalam perusahaan pengangkutan dan ada-lah menggalakkan orang<sup>2</sup> Melayu mengambil bahagian yang chergas di-dalam perusahaan ini. Samenjak dasar ini di-jalankan banyak-lah sudah sharikat<sup>2</sup> bukan Melayu memberi peluang kepada orang<sup>2</sup> Melayu untuk menanamkan modal mereka dalam sharikat<sup>2</sup> mereka itu apabila mereka hendak menambah lagi modal perusahaan<sup>2</sup> mereka itu. Kerajaan juga ada-lah menggalakkan orang<sup>2</sup> Melayu menggunakan peluang yang terbuka itu untuk mempertanamkan modal mereka. Sharikat<sup>2</sup> Perniagaan Melayu elok-lah di-satukan dimana<sup>2</sup> yang boleh supaya dapat di-jadikan satu sharikat Perusahaan yang lebeh besar, lebeh kokoh pendirian-nya pada segi ekonomi. Ada pun kedudukan orang<sup>2</sup> Melayu dalam perusahaan pengangkutan jalan raya telah bertambah<sup>2</sup> maju. Lebeh 52 peratus kereta<sup>2</sup> sewa dan Lesen<sup>2</sup> kereta sewa pada masa ini di-mileki oleh orang<sup>2</sup> Melayu. Dalam bulan October tahun lalu sa-orang Setia Usaha Kerja yang tetap telah di-lantek bagi Majlis Keselamatan Jalan Raya Persekutuan. Dengan ada-nya pejabat yang tetap saperti ini kerja<sup>2</sup> Majlis tersebut boleh-lah di-perluaskan lagi dengan memberi kesan sa-bagaimana yang di-anjorkan oleh Kerajaan bagi mengelokkan lagi keselamatan menggunakan jalan<sup>2</sup> raya dan mengurangkan kemalangan<sup>2</sup> yang berlaku di-jalan<sup>2</sup> raya.

#### (3) Penerbangan 'Awam dan Sukatan Hawa

Dalam lapangan penerbangan 'Awam Kerajaan akan berusaha mengadakan perkhidmatan<sup>2</sup> penerbangan 'awam sama ada di-dalam negeri ini atau pun penerbangan<sup>2</sup> antara bangsa. Satu lambang

yang besar ma'ana-nya dalam sejarah penerbangan 'awam ia-lah pembenaan sa-buah Pengkalan Kapal Terbang Antara Bangsa yang baharu di-Kuala Lumpur. Kerajaan berchadang memberi masa yang chukup untuk menyediakan dan juga menerima tawaran yang baik lagi murah belanja-nya. Dengan jalan ini dapat-lah kerja<sup>2</sup> membenanya itu di-laksanakan dengan segara-nya. Sharikat Penerbangan Malayan Airways Limited ia-itu sharikat perkhidmatan penerbangan dalam negeri kita ini ada-lah memberikan perkhidmatan penerbangan yang selamat dan chekap. Penerbangan<sup>2</sup> dari Kuala Lumpur terus ka-Kota Bharu telah pun ada dan penerbangan itu telah pula di-sambong hingga sampai ka-Trengganu. Dalam tahun 1963 sharikat itu akan menggunakan kapal<sup>2</sup> terbang yang baharu. Ada pun Perkhidmatan<sup>2</sup> Sukatan Hawa Kerajaan itu sangat-lah mustahak bagi faedah penerbangan 'awam dan juga bagi kegunaan<sup>2</sup> lain untuk memberi amaran<sup>2</sup> ribut umpama-nya. Tanah Melayu sa-bagai ahli penoh dalam Pertubohan Sukatan Hawa Sa-Dunia ada-lah di-jangka akan dapat memberikan penerangan<sup>2</sup> yang tepat berkenaan dengan keadaan<sup>2</sup> chuacha. Tiada satu pun sistem<sup>2</sup> Penyukat Hawa yang ada sekarang di-tanah Melayu ini di-tempatkan di-atas<sup>2</sup> bukit dan dengan sebab itu perangkawan<sup>2</sup> berkenaan dengan sukatan hawa dan chuacha bagi kawasan<sup>2</sup> bukit bukau pun tiada. Maka dengan ada-nya sa-buah sistem Penyukat Hawa yang baharu di-Cameron Highlands itu akan dapat-lah di-baiki kekurang<sup>2</sup>an tersebut dan sa-lain daripada itu sistem itu boleh juga di-gunakan untuk menchatetkan penerangan<sup>2</sup> yang sangat berguna bagi faedah membuat peta sukatan hawa dan chuacha atau "Synoptic Meteorology".

#### (4) Perkhidmatan Pelabohan

Kerajaan mengadakan berbagai<sup>2</sup> perkhidmatan bagi faedah pelayaran tempatan dan juga pelayaran antara bangsa di-pelabohan<sup>2</sup> Persekutuan dan perkhidmatan ini mesti-lah di-jaga taraf-nya supaya sa-imbang dengan taraf antara bangsa. Oleh itu Kerajaan berchadang supaya kemudahan<sup>2</sup> pelabohan di-adakan dengan sempurna-nya pada masa hadapan untuk mensesuaian keadaan

perkembangan ekonomi Persekutuan. Perkhidmatan<sup>2</sup> rumah<sup>2</sup> api ada-lah di-baiki lagi dengan memasangkan alat<sup>2</sup> perkakas yang baharu. Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang ada-lah sedang meranchangkan satu kemajuan mem-bena sa-buah pengkalan untuk kapal<sup>2</sup> dari luar negeri. Pengkalan yang baharu itu akan dapat mengadakan kawasan<sup>2</sup> pelabohan dan pengkalan bagi 6 buah kapal<sup>2</sup> barang yang besar dan juga mengadatkan gudang<sup>2</sup> besar bagi mengendalikannya barang<sup>2</sup> sa-banyak 1,000,000 tan dalam sa-tahun. Dengan demikian maka dapat-lah keadaan perdagangan yang bertambah<sup>2</sup> itu di-kelolakan dengan sempurna-nya pada masa hadapan kelak. Kerja<sup>2</sup> mem-bena jetty<sup>2</sup> pelabohan baharu di-ayer yang dalam di-Selat Klang Utara sedang di-jalakan, dan jetty<sup>2</sup> ini akan dapat di-gunakan tahun hadapan.

#### KEMENTERIAN KERJA RAYA, POS DAN TALIKOM

##### (1) Perkhidmatan Pos

Jabatan Perkhidmatan Pos telah meluaskan perkhidmatan-nya dengan ter-ator bagi mengadakan kemudahan<sup>2</sup> pos dalam kawasan<sup>2</sup> yang tidak ada Pejabat<sup>2</sup> Pos pada masa ini. Dalam tahun 1961 tiga buah Pejabat Pos yang baharu telah siap di-dirikan dan di-buka, dan bangunan<sup>2</sup> Pejabat Pos di-seluruh Persekutuan telah di-perbaikki. 10 buah Pejabat Pos Berkereta telah juga di-adakan dalam tahun itu.

Kementerian ini sentiasa sedar tentang mustahak-nya usaha<sup>2</sup> membaikki dan meluaskan kemudahan<sup>2</sup> pos bagi kawasan<sup>2</sup> luar bandar dan dengan adanya ranchangan<sup>2</sup> baharu yang di-chadangkan dalam kawasan<sup>2</sup> luar bandar itu akan dapat-lah penduduk<sup>2</sup> luar bandar menggunakan kemudahan<sup>2</sup> pos yang lebeh baik.

Di-antara ranchangan<sup>2</sup> itu yang mustahak sa-kali ia-lah Pejabat Besar Pos yang baharu di-Kuala Lumpur yang apabila siap kelak akan mengadakan kemudahan<sup>2</sup> kiriman pos bagi Kuala Lumpur sa-lama beberapa tahun yang akan datang dan juga akan menjadi pusat bagi chawangan<sup>2</sup> Ibu Pejabat Pos yang tiada sa-tempat pada masa ini. Ranchangan Jabatan ini termasuk juga syarat mengadakan sembilan pasokan

